

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid III Bil. 34 Hari Rabu 23 Julai 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997 (Ruangan)

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B. 22 (Ruangan)

Maksud B. 30 (Ruangan)

Maksud B. 32 (Ruangan)

Maksud B. 42 (Ruangan)

Maksud B. 47 (Ruangan)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1997

Jawatankuasa:

Maksud P. 22 (Ruangan)

Maksud P. 40 (Ruangan)

Maksud P. 47 (Ruangan)

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan
Mesyuarat (Ruangan)**

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Menangani Inflasi Aset Hartanah

- Y.B. Dr. Nungsi bin Ahmad Radhi (Balik Pulau) (Ruangan)

Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Pekerjaan 1955 -

Kebajikan Kepada Pekerja

- Y.B Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan) (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

“ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,
Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan
Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin
Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar
Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud
bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P.,
P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S.
(Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan
Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S.,
J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn,
D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan
Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting
D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K.
Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Tengah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji
Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr.
Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

“ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T.
(Alor Gajah)

“ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S.,
A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)

“ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K.
(Jerantut)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)

“ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P.,
A.M.P. (Parit)

“ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

“ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S.
(Baling)

“ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

“ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M.,
P.J.K. (Yan)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu
Langat)

“ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

“ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

Yang Berhormat Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

Yang Berhormat Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

Yang Berhormat Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

Yang Berhormat Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.
(Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K. P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 23 Julai 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

PEKERJA CACAT MENTAL - PERLINDUNGAN

1. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah aduan yang telah dibuat kepada kementerian beliau oleh pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja disebabkan kecacatan mereka mempunyai kecacatan mental dan fizikal sejak 1990 dan sama ada kerajaan berhasrat membentangkan suatu “Physical Disability Act (Akta Kecacatan Fizikal) untuk melindungi pekerja-pekerja dari dibuang kerja oleh majikan mereka disebabkan mereka mempunyai kecacatan akal dan fizikal yang tidak berkaitan dengan kebolehan mereka menjalankan tugas-tugas mereka. Jika tidak, mengapa dan apakah peruntukan-peruntukan undang-undang yang melindungi mereka sekarang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia tidak menyimpan secara berasingan rekod pembuangan kerja yang berpunca daripada kecacatan. Ini kerana kementerian ini memberi layanan yang sama terhadap semua kes pembuangan kerja yang diterima dan menguruskannya mengikut proses dan prosedur yang diamalkan pada masa sekarang. Untuk makluman,

Akta Perhubungan Perusahaan 1967 memberi perlindungan kepada setiap pekerja yang berasaskan mereka telah dibuang kerja tanpa sebab atau alasan yang adil. Pekerja-pekerja sedemikian boleh membuat rayuan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk dipulihkan ke pekerjaan asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menurut amalan sedia ada, mana-mana pekerja yang mengalami kecacatan fizikal atau mental akibat dari kecederaan atau kemalangan yang dialami semasa dalam pekerjaan, dan kecacatan itu tidak mengizinkan untuk terus bekerja boleh ditamatkan perkhidmatan atas sebab kesihatan dan dibayar pampasan mengikut kadar yang ditetapkan di dalam Perjanjian Bersama atau kontrak perkhidmatannya. Di samping itu, pekerja sedemikian akan juga layak mendapat jaminan di bawah skim yang ditadbirkan oleh PERKESO, termasuk mendapat kemudahan bagi pemulihan jasmani dan vokasional.

Kementerian Sumber Manusia berpendapat undang-undang sedia ada sudah mencukupi untuk melindungi pekerja-pekerja dari dibuang kerja sewenang-wenangnya oleh majikan mereka dan justeru itu kita tidak perlu lagi mewujudkan satu undang-undang baru sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah bentuk kerjasama di antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian

Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk mencari kerja dan menjaga orang yang terbuang kerja kerana kemalangan?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan di bawah skim PERKESO, kita memang mempunyai pelbagai cara untuk memulihkan pekerja yang terpaksa berhenti kerja oleh sebab kecacatan. Di samping itu, untuk pekerja-pekerja cacat yang lain, kita sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk mencari kerja kepada orang-orang yang cacat. Alhamdulillah, sejak tahun 1990 sebanyak 2,897 pekerja cacat telah pun kita dapat menempatkan mereka di tempat-tempat bekerja yang sesuai malah kita tidak menghadapi masalah besar untuk mencari tempat kerja bagi orang-orang cacat di negara kita ini.

PEKERJA ASING BERAGAMA ISLAM BEKERJA DI RUMAH/RESTORAN BUKAN ISLAM

2. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah kementerian sedar bahawa sekarang ini terdapat pekerja-pekerja asing yang beragama Islam dari Indonesia bekerja di restoran-restoran dan di rumah-rumah orang-orang bukan Islam yang terpaksa memasak dan menjual makanan-makanan yang haram di sisi agama Islam; dan
- (b) adakah undang-undang yang menentukan bahawa pembantu-pembantu rumah dari Indonesia yang beragama Islam dikhaskan kepada orang-orang Islam di Malaysia dan kepada orang-orang bukan Islam, pembantu-pembantu rumah hendaklah terdiri daripada mereka yang datangnya dari Filipina.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Tidak dapat dinafikan ada pekerja asing beragama Islam dari Indonesia yang bekerja di restoran-restoran dan rumah-rumah orang bukan Islam. Walau bagaimanapun, setakat ini tidak ada laporan dibuat oleh pihak yang berkenaan bahawa mereka dipaksa memasak dan menjual makanan-makanan yang haram.
- (b) Pada masa ini tiada peruntukan undang-undang yang menetapkan pekerja asing beragama Islam dikhaskan kepada orang Islam dan pembantu rumah bukan Islam untuk majikan bukan Islam. Walau bagaimanapun, dalam kontrak kerja antara majikan dan pekerja asing tersebut terdapat peruntukan bagi menghalang majikan dari meminta pekerja-pekerja beragama Islam melakukan kerja-kerja yang haram di sisi agama.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri tentang apakah dasar kerajaan kita sekarang tentang buruh asing ini, sebab sekarang ini bila kita tengok, setahu saya kita mengambil buruh-buruh asing ini untuk kepentingan ladang kita ataupun pembinaan dan juga pembantu rumah tetapi sekarang ini

kita tengok bila kita pergi ke Mac Donald ada pekerja Bangladesh, kita pergi ke Kentucky Fried Chicken pun ada pekerja Bangladesh, pasar malam yang menjual pun ada pendatang asing. Selepas itu di stesen minyak dan kawan saya dari Sungai Petani kata di supermarket pun ada. Jadi, saya ingin tahu adakah dasar kita supaya buruh-buruh asing ini hanya dikhaskan kepada bidang-bidang di mana kita susah untuk mendapat pekerja supaya kita memberi peluang kepada buruh-buruh tempatan kita sebab kalau kita tengok kanak-kanak sekolah atau pelajar sekolah yang ambil peperiksaan PMR atau SPM sementara dia menunggu keputusan, bolehlah dia bekerja di supermarket atau Kentucky Fried Chicken, sekarang tak ada chancelah, semua pekerja Bangladesh.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saranan daripada Yang Berhormat akan diambil perhatian dan Yang Amat Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Bagi Pekerja Asing telah juga setakat hari ini, mulai 1.1.1997 telah membekukan pengambilan pekerja asing daripada negara-negara luar.

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini adakah kerajaan akan membuat dasar supaya pekerja-pekerja Islam tidak dibenarkan bekerja di rumah orang-orang yang bukan beragama Islam sungguhpun tadi telah dijelaskan sudah ada ikatan antara majikan. Tetapi sekarang ini begitu ketara, ada pekerja-pekerja Islam yang bekerja di rumah-

rumah orang bukan Islam sebagai pembantu rumah didapati banyak penganiayaan berlaku seperti makan tidak diberi dengan cukup dan tidak ada kemudahan tempat sembahyang dan sebagainya dan ini berlaku tetapi tidak ada orang yang mahu membuat laporan kerana bila pekerja itu bekerja di rumah-rumah, pihak majikan ataupun tuan rumah itu akan memegang pasport pekerja asing itu, dengan demikian mereka ini takut hendak lari daripada rumah itu. Jika mereka lari tanpa pasport, akan ditangkap oleh pihak berkuasa.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri ada menerima pertanyaan-pertanyaan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Jerlun tadi tetapi setakat ini tidak ada laporan khusus yang dibuat. Kita ingin maklumkan kepada mereka yang hari ini bekerja dan dipaksa melakukan kerja-kerja yang tidak sepatutnya dilakukan oleh orang Islam untuk tampil ke hadapan dan memberi maklumat.

Ingin saya tegaskan bahawa kemungkinan besar mereka yang bekerja di rumah-rumah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi datang ke sini melalui ejen-ejen yang haram, yang tidak diiktiraf oleh kerajaan. Tetapi kalau seandainya mereka datang melalui ejen yang diiktiraf oleh kerajaan dan mereka terpaksa melalui masalah-masalah sepertimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya ingin tegaskan bahawa kita akan mengambil tindakan yang sebaik mungkin untuk menyelesaikan masalah ini dan ejen-ejen yang berkenaan akan juga diambil tindakan.

PUSAT PEMULIHAN DADAH - JUMLAH RUSUHAN

3. Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah rusuhan yang berlaku di pusat pemulihan dadah dalam tahun 1995 dan 1996; dan
- (b) sebabnya rusuhan begitu kerap berlaku di pusat pemulihan dadah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua,
untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) Jumlah rusuhan yang berlaku di pusat pemulihan dadah dalam tahun 1995 dan 1996 ialah sebanyak empat kali.
- (b) Antara sebab terjadinya rusuhan di pusat pemulihan dadah ialah:
 - (i) kesesakan penghuni-penghuni di pusat-pusat serenti yang mana keadaan ini telah menimbulkan rasa kurang selesa di kalangan penghuni-penghuni. Jumlah penghuni yang melebihi kemampuan pusat serenti mewujudkan ketidakselesaan dari segi tempat tinggal, penyediaan makanan, kesihatan, kemudahan riadah dan kebajikan;
 - (ii) kehadiran bilangan penghuni yang terlalu ramai di pusat serenti mengakibatkan nisbah di antara kakitangan dan penghuni begitu ketara sekali, ini

menyebabkan penghuni-penghuni tidak dapat diberikan perhatian sewajarnya;

- (iii) penambahan bilangan penagih tegar yang dimasukkan ke pusat serenti terutama bagi mereka yang mempunyai rekod jenayah sering menimbulkan ketegangan dan konflik yang seterusnya boleh mencetuskan rusuhan jika tidak ditangani dengan baik;
- (iv) kemasukan kes-kes tangkapan polis khususnya penagih-penagih yang mempunyai rekod jenayah juga telah dikenal pasti sebagai penyebab kepada kejadian rusuhan di pusat-pusat serenti. Mereka ini tidak mempunyai propensity untuk dipulihkan, sebaliknya mereka turut memainkan peranan menjadi perancang serta penghasut kepada penghuni-penghuni lain untuk bertindak liar dengan tujuan untuk menggagalkan program pemulihan yang disediakan di pusat-pusat serenti.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Apakah kerugian yang kasar dipikul oleh kerajaan mengenai rusuhan ini dan apakah tindakan-tindakan yang diambil ke atas ketua-ketua perusuh yang jahat itu? *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, apabila pusat-pusat serenti ini berlaku rusuhan, ada juga yang sampai dibakar, sudah tentulah pihak kerajaan menanggung kerugian dari segi kerosakan-kerosakan yang dilakukan. Seandainya kita dapat menangkap mereka yang

melakukan rusuhan dan sebagainya, maka tindakan tegas akan diambil, termasuklah misalnya mengeluarkan mereka dari pusat serenti yang berkenaan dan diletakkan di pusat serenti yang lain, dan ada juga yang dihadapkan ke mahkamah dan diambil tindakan mahkamah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada rusuhan-rusuhan yang berlaku di pusat serenti ini kita dapati antara sebabnya ada kelemahan pada pihak pusat serenti itu sendiri, misalannya menahan tahanan (detainee) dalam jumlah yang ramai, keadaan yang tersesak-sesak. Jadi, selain daripada mengambil tindakan kepada detainee yang telah dibuat oleh kerajaan yang lari itu, apa langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperbaiki pusat-pusat pemulihan termasuk mewujudkan sistem prosedur pemulihan yang teratur supaya detainee tidak merasa mereka tertekan dan akhirnya memberontak untuk keluar daripada pusat pemulihan tersebut?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang tepat sekali. Kementerian dari masa ke semasa mengadakan perbincangan dengan mereka yang boleh kita anggapkan pakar supaya kita dapat mengenal pasti satu kaedah yang lebih sesuai, dan ada juga misalnya kaedah-kaedah baru yang diperkenalkan untuk kita memulih penagih-penagih ini.

Kita juga sedang merancang untuk membina lebih banyak lagi pusat-pusat serenti supaya kesesakan yang berlaku dapat diatasi. Satu perkara lagi ialah untuk menambah pegawai-pegawai yang menjaga supaya kaedah di antara penjaga atau pengawal dengan penagih akan dapat kita tingkatkan. Misalnya, kalau di penjara kita ada lebih kurang 23,000 orang banduan dan kita ada lebih kurang 8,000 orang warder ataupun pengawal. Tetapi di pusat serenti ini kita ada misalnya di satu pusat serenti lebih kurang 600 orang mereka yang ditahan dan kita ada hanya 64 orang pengawal. Jadi, kita akan meningkatkan nisbah di antara pengawal dengan penagih-penagih yang ada di pusat-pusat serenti ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dr. Sanusi Daeng Mariok.

[Soalan No. 4 - Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok tidak hadir]

PERATURAN LALU LINTAS - PERUBAHAN

5. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada benarkah dakwaan yang dibuat bahawa setiap perubahan peraturan lalu lintas seperti memasang cermin sisi motosikal, penukaran jenis topi keledar, penukaran saiz nombor pendaftaran kenderaan dan pemasangan alat-alat tertentu lebih bersifat kepada mewujudkan peluang perniagaan kepada golongan-golongan tertentu; dan

- (b) adakah kementerian beliau telah menjalankan kajian tentang gangguan yang dihadapi oleh penduduk kawasan Gelang Patah, Johor ekoran kebenaran untuk pesawat pejuang Singapura terbang rendah di kawasan berkenaan dan adakah kementerianya akan mengkaji semula perjanjian terbabit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee

Heung]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian:

- (a) Adalah tidak benar bahawa setiap perubahan peraturan lalu lintas seperti cermin sisi motosikal, saiz nombor pendaftaran dan lain-lain bertujuan mewujudkan peluang perniagaan. Sebaliknya, perubahan peraturan dibuat adalah berasaskan kepentingan keselamatan jalan raya di samping menyedarkan pengguna jalan raya betapa pentingnya mereka mematuhi peraturan lalu lintas dan mengutamakan keselamatan.
- (b) Kajian tentang kebenaran pesawat pejuang Singapura terbang di kawasan Gelang Patah telah pun dilakukan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia sejak tahun 1993 lagi. Dalam suatu pindaan kepada ‘Aeronautical Information Publication (AIP)’, dengan izin. Pindaan tersebut memang tidak membenarkan pesawat pejuang dari Republik Singapura untuk terbang rendah di kawasan

bumi negeri Johor sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat.

Dalam pindaan tersebut juga pesawat Singapura yang berlepas dan mendarat di Pangkalan Tentera Udara Republik Singapura di tengah di bawah kawalan trafik udara ataupun air traffic zone tengah, adalah diwajibkan melintasi kawasan bumiputera negeri Johor pada ketinggian 1,500 kaki dan ke atas. Bagaimanapun kementerian saya telah pun memanjangkan perkara ini kepada perhatian Kementerian Pertahanan dan mereka sedang mengawal perkembangan ini. Sekian.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari maklumat-maklumat rahsia kita dapati, dengan izin, low flying area ini sebanyak 150 kali pesawat Tentera Udara Singapura mencabul ruang udara kita di Gelang Patah. Jadi, kita hendak tahu dari pihak Kementerian Pengangkutan seterusnya apakah tindakan yang dilakukan terhadap kurang ajaran serupa ini. *[Ketawa]*

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi dalam jawapan asal memang kita dapati ada juga pesawat-pesawat Republik Singapura memang telah melintasi bumi negara kita dengan sekerap-kerapnya. Ini boleh dikatakan merupakan satu pencabulan ruang udara negara

kita. Tetapi walau bagaimanapun, bukan sahaja Kementerian Pengangkutan yang mengawal situasi ini, bahkan Kementerian Pertahanan sedang menjalankan pengawalan dan siasatan terhadap perkara ini.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian, apakah kementerian sedar walaupun penyeragaman saiz nombor pendaftaran kenderaan dikuatkuasakan lebih kurang dua tahun lalu, tetapi sekarang ini masih banyak nombor bersaiz besar berkeliaran di negara kita? Apakah pendirian kerajaan mengenai perkara ini. Juga mengenai tinted glass, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, apakah pendirian kerajaan mengenai tinted glass ini? Satu masa dahulu kita benarkan, lepas itu kita ambil tindakan untuk membuka. Sekarang ini kita benarkan balik, dan lebih teruk lagi lagi saya lihat ada sejenis plastik ditampal di cermin kereta dan langsung tidak nampak siapa di dalam kenderaan tersebut. Jadi, apakah pendirian kementerian mengenai perkara ini?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pengangkutan sedar iaitu terdapat ramai lagi pemilik kenderaan-kenderaan yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan mengenai saiz nombor plat, saiz nombor yang terdapat di atas plat-plat itu dan juga termasuk kesalahan mengenai tinted glass. Memang Kementerian Pengangkutan melalui pegawai-pegawai penguatkuasa senantiasa menjalankan penguatkuasaan. Memanglah dalam sesuatu penguatkuasaan

ramai juga telah disaman dan juga ramai terlepas dalam penguatkuasaan ini. Tetapi walau bagaimanapun, kerajaan akan memperhebatkan lagi penguatkuasaan.

Mengenai tinted glass, mengikut peraturan iaitu Kaedah No. 5 di bawah 'Conception and Use Rules 1959' di mana sebelum seseorang pemilik kenderaan ingin memasang tinted glass ke windscreen, maka mereka harus mendapat persetujuan atau kebenaran terlebih dahulu dari Kementerian Pengangkutan, kecuali windscreen yang mana bercorak tinted ini menepati peraturan, iaitu visibility light, dengan izin, sekurang-kurangnya ingin mempunyai 70% pada siang hari. Sekian.

MEHARA HOLDING (M) BHD. - SIASATAN DAN TINDAKAN

6. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kedudukan siasatan Pendaftar Syarikat ke atas Mehara Holding (M) Bhd:

- (a) apakah perkembangan siasatan dan tindakan diambil setakat ini terhadap syarikat tersebut yang mengutip wang pelaburan daripada ahli-ahli tanpa kebenaran Pendaftar Syarikat; dan
- (b) berapakah jumlah ahli dan wang pelaburan yang dikutip oleh Mehara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini siasatan ke atas Mehara Holding (M) Bhd. hampir selesai. Siasatannya mengambil masa kerana operasi syarikat tersebut melibatkan tiga tempat berasingan, iaitu

Kuala Lumpur, Melaka dan Johor Bahru dan juga melibatkan ramai saksi dan pelabur. Jumlah yang menjadi ahli adalah lebih daripada 500 orang dan wang pelaburan yang dikutip oleh syarikat tersebut adalah lebih daripada RM1 juta. Sekian, terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai wang pelaburan orang ramai ke dalam Syarikat Mehara Holding (M) Bhd. ini, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk membekukan akaun bank syarikat itu. Jika tidak, mengapa dan apa terjadi kepada wang para pelabur yang begitu banyak itu. Adakah ia masih disimpan dalam bank atau dilarikan oleh pengarah-pengarah syarikat, dan apakah....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Tuan Tan Kok Wai:....kementerian....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:lebih daripada tiga soalan, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua seorang Speaker yang prihatin. Satu lagi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin tanya sedikit lagi tambahan....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cantumkan soalan.

Tuan Tan Kok Wai: Apakah cadangan kementerian supaya pindaan diperkenalkan kepada Akta Syarikat bagi memastikan syarikat-syarikat yang

berkelakuan seperti Mehara ini dikenakan hukuman yang lebih berat, dan mengapakah syarikat ini tidak dihentikan perniagaannya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai:.....kerana saya difahamkan syarikat ini masih giat beroperasi....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sudah empat soalan.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:hukum gantung.

Tuan Tan Kok Wai:....dan menjemput orang ramai menjadi pemegang saham syarikat itu.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyatakan siasatan masih dijalankan dan hampir selesai. Jika syarikat ini melakukan kesalahan, kementerian akan mengambil tindakan di bawah Akta Syarikat 1965. Mereka atau syarikat ini boleh didenda sebanyak RM250,000 atau hukuman penjara 10 tahun atau kedua-duanya. Pada masa sekarang kementerian ini tidak ada kuasa untuk membekukan wang dalam akaun syarikat ini. Setakat ini kita memang ambil perhatian mengenai apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Cheras. Jika akta ini memerlukan amendment atau tambahan, kementerian ini akan mengkaji.

UBAT TIRUAN - TINDAKAN KE ATAS PENGELUAR/ PENGEDAR/PENJUAL

7. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Kesihatan menyatakan hasil siasatan mengenai ubat tiruan di pasaran. Berapakah peratusan ubat tiruan yang sebenar yang terdapat di pasaran sama ada dikeluarkan di dalam negeri atau dari luar. Apakah tindakan yang diambil dan bakal diambil kepada pengeluar, pengedar, penjual ubat tiruan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman (29.7.1997), Ahli Yang Berhormat dari Sepang (29.7.1997), Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut (30.7.1997) dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai (31.7.1997) mengenai isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, hasil siasatan menunjukkan bahawa bilangan premis yang terlibat dalam jualan ubat tiruan adalah kurang daripada 1% manakala bilangan produk yang ditiru merupakan 0.18% hingga 0.27%. Ubat-ubatan tiruan yang dikesani adalah keluaran pengilang haram tempatan termasuk Panadol, Ponstan, Cortal, Eye-Mo dan lain-lain.

Kementerian Kesihatan telah mendedahkan 15 pengedar dan pengilang ubat-ubatan haram dalam tempoh 1991-1997. Ubat-ubatan bernilai RM1,240,352 telah dirampas. Tindakan mahkamah telah diambil ke atas 5 kes tersebut. Pihak yang terlibat telah didenda sejumlah RM14,200 di bawah Akta Racun 1952. Seorang pengilang haram telah dihukum penjara selama tujuh hari. Baki kes masih belum diselesaikan.

Memandangkan masalah ubat tiruan dalam pasaran belum sampai ke tahap yang begitu serius, Kementerian Kesihatan tidak mencadangkan bahawa ubat-ubatan hanya dibenarkan penjualannya di farmasi-farmasi sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini termasuk:

- (i) mendaftarkan semua ubat-ubatan termasuk farmaseutikal dan ubat tradisional untuk memastikan ubat-ubatan dalam pasaran adalah berkualiti, berkesan dan selamat diguna;

- (ii) meningkatkan pengawasan ubat-ubatan dalam pasaran untuk memastikan ubat-ubatan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan;
- (iii) meningkatkan risikan ke atas pengedar dan pengilang ubat-ubatan haram.

Kementerian Kesihatan akan meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi lain supaya dapat membanteras masalah ubat tiruan ini dengan lagi berkesan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyatakan percanggahan kenyataan angka-angka yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, bertanya kepada beliau, kerana beliau menyatakan bahawa 40% daripada ubat-ubat yang dijual terdiri daripada ubat tiruan. Manakala Yang Berhormat Menteri Kesihatan pula menyatakan hanya 17%. Dan saya rasa kerana kenyataan ini datang daripada dua Menteri Kabinet, ini bukan sebarangnya orang, ini Menteri Kabinet.

Saya ingin bertanya kerana saya menerima banyak pertanyaan daripada orang ramai sama ada ubat yang mereka makan atau mereka beli boleh dipercayai atau tidak. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kemeterian supaya masalah ini diatasi, kalau tidak saya khuatirlah mungkin kesihatan kita akan terancam, kalau kita makan 40% iaitu beli 10 panadol mungkin 4 tidak

boleh pakai mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri, tetapi Yang Berhormat Menteri Kesihatan pula bercakap lain. So, yang mana benar kerana kita tahu, jika hendak telus yang mana benar? Yang Berhormat Menteri yang ada di sini benar ataupun mungkin Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada masalah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak boleh buat anggapan Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawabkan tadi berkenaan dengan hasil siasatan yang telah menunjukkan tentang bilangan premis, jadi, saya tak perlu komenlah tentang persoalan yang pertama itu, kerana saya rasa ia sudah saya jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak ada jawab!

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Ini harus dianggap mutakhir kerana ia berasaskan kepada kajian. Berkenaan dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian, seperti yang dikatakan oleh saya tadi bahawa proses mendaftarkan ubat-ubatan telah berkuatkuasa mengikut fasa pelaksanaan empat fasa sejak 1985 dan sehingga Mac 1997 hampir 14,000 keluaran farmaseutikal telah didaftarkan daripada jumlah accumulative sebanyak 37,166 permohonan yang diterima.

Walaupun negara masih mengimport keluaran-keluaran farmaseutikal daripada 44 buah negara, namun kadar import telah dapat dikurangkan daripada purata 70% kepada lebih kurang 60%.

Tindakan-tindakan lain adalah seiring dengan pelaksanaan pendaftaran ubat-ubatan, pelesenan premis-premis farmaseutikal yang mematuhi keperluan amalan pekilangan yang baik APB telah juga dikuatkuasakan sejak 1988 dan keperluan APB ini adalah penting untuk menjamin kualiti, keberkesanan dan juga keselamatan ubat-ubatan yang dikilangkan dan persijilan APB juga adalah diperlukan untuk menembusi pasaran eksport.

Selain daripada itu juga kementerian telah mengadakan panel perundingan di antara sektor awam dan swasta peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia di mana pada bulan Mei 1996, satu jawatankuasa kerja telah ditubuhkan untuk merangka strategi ke arah perkembangan industri farmaseutikal dan juga melindungi ubat-ubat dalam kawalan yang terjamin bagi kesihatan awam. Saya tidak perlu lagi beritahu seterusnya kerana ini adalah dari kajian.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu bukan hak Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, bukan, saya rasa

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat tidak

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak timbulkan point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang ke berapa?

Tuan Lim Guan Eng: 36(6)

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat. Itu tidak bersangkut.

Tuan Lim Guan Eng: Sebab saya rasa, kita harus tahu, kerana Yang Berhormat Menteri ada di sini, ini amat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa itu satu perkara yang Yang Berhormat Menteri harus menjelaskan dan mempertahankan kewibawaan *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, biar saya buat keputusan dahulu.

Peraturan Mesyuarat 36(6) itu tidak timbul, sangkaan jahat terhadap siapa?

Seorang Ahli: Dia otak songsang!

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Menteri!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak! Itu bukan dalam perbahasan. Lumut.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan ubat tiruan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri merujuk kepada ubat Barat, the Western medicine, dengan izin. Saya ingin bertanya berkenaan ubat herba, adakah ubat tiruan seperti ubat herba seperti Tongkat Ali, jamu dan pada masa depan adakah peruntukan untuk pendaftaran ubat-ubat herba di mana isi kandungan mesti ditunjukkan? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, ubat herba juga telah dimasukkan dalam senarai kategori ubat-ubat tradisional yang sekarang ini sudah pun dimulakan pendaftarannya berkuatkuasa pada 1992 sehingga kini dan ubat-ubat herba ini tidak perlu dilalui ujian makmal kerana terlalu ramai yang memohon untuk didaftarkan. Namun demikian, dasar yang diamalkan oleh Kementerian Kesihatan ialah ianya mestilah mengandungi bahan-bahan yang tidak menjejaskan kesihatan orang ramai, bermanfaat digunakan dan juga mestilah tidak melibatkan kes-kes di mana ada berlaku keadaan di mana menjejaskan kesihatan.

Berkenaan dengan potensi salah satu ubat tradisional tempatan seperti Tongkat Ali, kajian telah dijalankan di makmal yang telah melibatkan mice,

tikus jantan [*Ketawa*] dan telah menunjukkan potensi memberi kekuatan dalam tikus-tikus jantan ini. [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Itu tikus gay! [*Ketawa*]

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Jadi, pihak kementerian, pihak IMR sedang menjalankan satu kajian dengan Universiti Putra Malaysia untuk mengkaji potensi-potensinya dalam kaum lelaki - manusia. [*Ketawa*]

Terima kasih.

KAD PENGENALAN UNTUK PENDUDUK NEGERI SABAH - BANTUAN KEPADA RAKYAT YANG TIDAK MAMPU

8. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah lagi penduduk negeri Sabah yang belum membaharui kad pengenalan mereka setakat ini. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk membantu penduduk luar bandar yang tidak mampu menukar kad pengenalan mereka kerana masalah kewangan dan keadaan tempat yang terpencil.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Jun 1997, seramai 107,540 orang lagi penduduk negeri Sabah yang masih belum menukar kad pengenalan mereka. Jumlah tersebut adalah berdasarkan permohonan yang didaftarkan di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya dan ianya tidak termasuk permohonan yang diterima oleh ibu pejabat tetapi belum didaftarkan dan juga permohonan yang masih berada di pejabat-pejabat Jabatan

Pendaftaran Negara di negeri Sabah. Bayaran untuk penukaran kad pengenalan dikenakan hanya RM4.

Walau bagaimanapun, bagi mereka yang miskin akan diberikan pertimbangan pengecualian. Bagi mereka yang menetap di kawasan pedalaman, pihak Jabatan Pendaftaran Negara telah mengadakan operasi penukaran kad pengenalan secara berkelompok melalui program Lawatan Khas dan program ini akan diteruskan jika keadaan masih memerlukannya.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran daripada penjelasan Yang Berhormat, saya ingin tahu sejauh manakah wujud dan seriusnya pertindihan, dengan izin, duplicating kad pengenalan yang berlaku di Sabah dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pertindihan kad pengenalan. Yang ada hanyalah kad pengenalan palsu dan kita sedang menjalankan siasatan untuk mengenalpasti kad-kad pengenalan yang palsu ini.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, khasnya berkaitan dengan lawatan khas ke luar bandar ini, saya ingin bertanya adakah pihak kementerian sedar mengenai masalah yang dihadapi oleh pejabat-pejabat pendaftaran di luar bandar seperti di kawasan Kota Marudu di mana

antara masalah ialah tidak mencukupi kakitangan sekadar tiga orang, pegawainya lewat datang bekerja sering kali juga sama sekali tidak datang dan ini telah menyusahkan rakyat kita di luar bandar untuk menukar kad pengenalan mereka dan masalah ini telah pun disuarakan oleh satu daripada ADUN Barisan Nasional di kawasan tersebut. Dan jika sedar, apakah tindakan yang dibuat ke atas masalah-masalah sebegini. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala pegawai-pegawai daripada Jabatan Pendaftaran akan pergi ke kawasan luar bandar tetapi mereka hanya akan menerima 20, 30 orang sahaja yang tampil ke hadapan.

Pihak Jabatan Pendaftaran sedia bekerjasama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat kalau boleh dikumpulkan mereka ini maka kita akan menghantarkan pasukan daripada Jabatan Pendaftaran untuk pergi dan memberikan khidmat kepada mereka yang telah dikumpul oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**JALAN UTAMA DI PAHANG BARAT -
RANCANGAN MELURUS DAN MEMBESARKAN**

9. **Tuan Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah perancangan untuk meluruskan dan membesarkan jalan utama di Pahang Barat terutamanya di daerah Lipis dan Jerantut yang sempit dan membahayakan pengguna jalan raya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa perancangan telah dibuat dalam usaha untuk melurus dan membesarkan jalan utama di Pahang Barat terutama di daerah Lipis dan Jerantut yang sempit dan membahayakan pengguna jalan raya. Projek-projek tersebut sebahagiannya telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan beberapa projek lagi akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan seterusnya Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam adalah seperti berikut:-

- (i) membaikpulih jalan di Laluan 8 iaitu dari Bentong ke Kuala Lipis (Fasa 1 dan 2). Fasa 1 projek ini telah siap dilaksanakan manakala Fasa 2 pula mengandungi 11 pakej. Satu pakej dapat disiapkan iaitu projek Kuala Lipis Bypass. Pakej-pakej lain akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan seterusnya Rancangan Malaysia Kelapan.

- (ii) mengganti jambatan Jerantut/Maran di Laluan 064 Fasa 2. Projek ini terbahagi kepada dua pakej iaitu pakej 7A dan 7B. Kedua-dua pakej ini sedang dalam pembinaan dan dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, beberapa kerja baikpulih dan naiktaraf jalan akan dilaksanakan iaitu:-

- (i) menaiktaraf Jalan Benta/Jerantut/Maran. Projek ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa dan kesemuanya masih di peringkat rekabentuk;
- (ii) sepertimana saya nyatakan tadi, bagi projek membaikpulih Jalan Bentong/Kuala Lipis di Laluan 8. Projek ini telah diluluskan pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Keenam, akan tetapi hanya satu pakej sahaja iaitu pakej Kuala Lipis Bypass telah disiapkan.

Sepuluh pakej yang lain akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh atau seterusnya Rancangan Malaysia Kelapan. Perlu saya nyatakan di sini, bahawa tiga pakej sahaja dijangka dapat dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh memandangkan peruntukan terhad, ketiga-tiga pakej ini telah pun siap direkabentuk dan dijangka akan ditender tidak lama lagi. Pakej-pakej

yang lain akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya oleh kerana ianya melibatkan kawasan Parlimen Jerantut. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri Kerja Raya tadi ialah pakej 7A, 7B yang menghubungkan Jerantut dengan Maran di mana jambatan-jambatan akan disiapkan dalam tahun ini.

Saya telah melihat jambatan ini dibina sejak tiga tahun yang lalu dan saya rasa dia akan memerlukan tiga tahun lagi untuk membinanya. Dan ada satu lagi jambatan iaitu jambatan Bailey di Sungai Salak yang pada lebih kurang seminggu yang lalu atau dua, tiga hari yang lalu telah rosak dan tidak dapat dilalui langsung oleh kereta, terpaksa JKR memperbaiki dan pembaikannya pun tidak sempurna.

Jadi, saya rasa tidak mungkin kepada sayalah adalah perkara yang mustahil untuk jambatan-jambatan di antara Jerantut dengan Maran itu dapat disiapkan dalam tahun ini. Dari segi jambatan di antara Jerantut dengan Benta di kawasan Parlimen Raub, ada beberapa buah jambatan itu, dia punya beams telah ada sehinggakan besi itu, beams itu sudah berkarat, tetapi masih belum digunakan untuk membuat jambatan. Apakah tindakan pihak kementerian dalam perkara ini?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan Ahli Yang Berhormat tadi. Insya-Allah, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya kalau pun tidak siap pada tahun ini, walaupun agreement barangkali pada tahun ini boleh jadi kontraktor menghadapi pelbagai masalah, insya-Allah kita akan melihat supaya dapat dipercepatkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Amihamzah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan tadi bahawa Laluan 8 ini fasa 2 tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh kerana peruntukan yang tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, saya difahamkan peruntukan yang telah disediakan telah ada tetapi apabila sampai hendak dilaksanakan, peruntukan itu telah ditarik dan tidak mencukupi untuk dilaksanakan.

Jadi, saya mendapati bahawa - Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah berjalan merata-merata di Semenanjung Malaysia ini tetapi jalan di daerah Lipis dan Jerantut ini memang jalan-jalannya amat sempit dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sudah ada datang dahulu, sempit dan juga bengkok-bengkok sehinggakan kalau lori.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Amihamzah bin Ahmad: Soalnya Tuan Yang di-Pertua, saya minta peruntukan yang telah disediakan itu dibawa balik semula, diberi semula dan dilaksanakan projek ini di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini juga.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, memang benarlah saya telah melawat ke Lipis pada bulan yang lepas dan saya dapati jalan di Bentong-Lipis berbelit-belit dan juga sempit dan kita juga sempat melihat satu kemalangan yang berlaku di sana dan sebenarnya dalam rencana untuk melaksanakan projek ini yang saya katakan tadi hanya tiga pakej sahaja

dapat disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini sedang yang tujuh pakej lagi dijangka akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, namun demikian, kalau andai kata yang tiga pakej dapat disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh atau sebelum tamatnya Rancangan Malaysia Ketujuh, insya-Allah yang seterusnya dapat kita bawa ke peringkat kajian separuh penggal, kalau boleh kita akan teruskan sebelum tamat Rancangan Malaysia Ketujuh. Terima kasih.

KADAR INFLASI - INDEKS HARGA PENGGUNA

10. **Tuan Chang Kon You [Ipoh Timur]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada Indeks Harga Pengguna mencerminkan kadar inflasi sebenar bagi negara kita. Adakah projek-projek penswastan seperti IWK, PLUS dan TNB merupakan salah satu punca yang menyebabkan kenaikan harga pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, petunjuk terbaik digunakan untuk mengukur kadar inflasi negara ialah indeks harga pengguna (IHP) berasaskan formula Ras Pheros sepertimana juga digunakan oleh kebanyakan negara lain. IHP Malaysia mengukur kadar perubahan harga sekul barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak perbelanjaan keseluruhan isi rumah di Malaysia secara purata dan bukan untuk melambangkan perbelanjaan seseorang individu atau sesebuah isi rumah di sebuah kawasan yang tertentu sahaja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, IHP bagi tempoh Januari hingga Jun 1997 berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas ialah 2.8%, manakala IHP bagi sepanjang tahun 1996 ialah 3.5%. Sumbangan tertinggi kepada perubahan peratus IHP bagi tempoh Januari - Jun 1997 ialah daripada kumpulan makanan iaitu 63.4% manakala sumbangan daripada kumpulan sewa kasar bahan api dan kuasa adalah 22.4% dan daripada pengangkutan dan perhubungan 2.8%. Berasaskan kadar-kadar yang disebutkan di atas, walaupun kenaikan caj-caj perkhidmatan dari projek-projek penswastaan seperti IWK, PLUS dan TNB menyumbang kepada kenaikan kadar IHP tetapi ianya bukanlah punca utama yang menyebabkan kenaikan kadar inflasi negara.

Kerajaan mengkaji dengan teliti sebarang permohonan kenaikan oleh projek-projek yang diswastakan dan hanya meluluskan sekiranya berpatutan dengan mengambil kira kos pelaburan dan perbelanjaan yang terlibat bagi memperbiaki kualiti perkhidmatan dan menambahkan kemudahan yang sedia ada. Namun demikian, kerajaan telah memutuskan agar kajian dibuat ke atas semua projek penswastaan bagi memastikan projek-projek tersebut memberi keuntungan kepada pengguna dan negara untuk jangka masa panjang.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, barang makanan asal seperti tepung dan gula adalah dalam harga kawalan, jadi ini tidak akan mempengaruhi indeks harga pengguna tetapi harga makanan seperti roti bom yang sekarang berharga 80 sen di Kuala Lumpur telah naik. Ini adalah kerana

cara penghidupan rakyat Malaysia khasnya pada masa makan sarapan pagi telah berubah di mana ramai di antara mereka selalu makan di luar rumah. Jadi, bilakah kerajaan akan mewujudkan satu indeks harga pengguna yang meliputi barang makanan seperti wantan mee, roti canai, nasi lemak dan sebagainya dalam bakul kiraan indeks harga pengguna? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat harga gula dan tepung hendak buat kueh atau roti bom, tahun 1977 RM1.08 sen, 1997 RM1.20 sen bermakna 12 sen naik dalam masa 10 tahun. Begitu juga gula harganya - itu gula - bagi tepung satu kilogram tepung tahun 1987 - 58 sen sekarang naik RM1.00 iaitu 42 sen dalam masa 10 tahun tetapi masalahnya ini barang terkawal tetapi roti bom tidak terkawal. Yang timbulnya masalah ini - saya harap 'makan luar' ini makan roti sahaja jangan makan lainlah [*Ketawa*] - macam beras, beras kita boleh kontrol tetapi nasi lemak kita tidak boleh kontrol kerana ada orang hendak makan nasi lemak dengan ikan bilis, ada orang hendak makan nasi lemak dengan udang. Jadi, harga nasi lemak keseluruhannya secara basket adalah lebih mahal. Jadi, ini masalah style hidup kita. Jadi, kalau kita hendak masukkan cara (style) hidup kita dengan harga barangan yang sebenar untuk mengukur IHP susahlah kerana style orang kita di Malaysia ini - dia masuk supermarket, bukan dia hendak beli barang itu kerana dia perlu barang itu tetapi dia tengok kerana

barang itu murah, dia kata “Eh, belilah!”Dia syok beli, dia beli bawa balik, dia tidak buat apa pun. Ini akan menambahkan lagi keadaan inflasi ini.

Jadi, perkara seperti ini yang susah bila kita hendak cakap tentang hendak mengikut basket full secara basket untuk menentukan IHP kerana life style, macam orang sebelah Parit - orang kawasan saya - dia mesti hidup ‘Biar pape, asalkan bergaya’ *[Ketawa]* Jadi, sebab ‘biar pape asalkan bergaya’ ini yang menyebabkan inflasi naik. Ini wakil Parit hendak marah ini - itu dulu, kata - tetapi perangai peribahasa itu meliputi seluruh rakyat negara ini. Dia pergi kedai buah, dia bukan hendak makan buah sahaja tetapi dia syok tengok buah, dia beli. Kadang-kadang dia masuk peti ais busuk sahaja. Jadi, ini *[Disampuk]* buah macam-macam! *[Ketawa]* Jadi, gula ini nampaknya - kalau hendak cakap gula, kita boleh kontrol harganya, susu pun kita boleh kontrol harganya, kecuali ‘susu cap gantung’ sahaja kita susah hendak kontrol. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw : Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Inilah kali yang pertama saya ada peluang untuk berhadapan dengan menteri barunya. *[Diganggu]* Nampaknya ‘sekali air bah, sekali pasir berubah’ *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jadi apa Yang Berhormat hendak soal? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw : Hendak soal macam mana dengan ‘pasir yang berubah’ ini, adakah Yang Berhormat bermaksud hendak mengadakan

timbangan sama ada - kita mesti ada timbangan sedikit, kerana berilah peluang kepada menterinya sebab dia buat kerja yang baik *[Diganggu]* dengan ubat yang palsu hari itu ada pengumuman. *[Ketawa]* Ubat palsu ada pengumuman, itu baik. Soalannya, adakah Yang Berhormat *[Disampuk]* beri peluang sedikitlah! *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia baru sahaja. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat bermaksud untuk mempertimbangkan indeks harga pengguna bagi bandar dan juga, satu, bagi kampung - luar bandar? Memang harga tidak serupa, Parit dengan Kuala Lumpur memang jauh harganya. Bolehkah kita mempertimbangkan dua jenis atau dua bakul indeks harga pengguna kerana di dalam ekonomi dia kira bakul (basket) - bukan basket Parit - basket ekonomi kita ini dan bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan kedua-dua ini supaya kita boleh membayangkan keadaan yang sebenarnya?

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih. Sepertimana Yang Berhormat dari Kepong tahu saya orang baru bukan? Saya akan bawa cadangan Yang Berhormat ini kepada satu jawatankuasa yang dibentuk

daripada orang-orang profesional, ekonomis, majlis pengguna, penasihat pengguna; adakah ini boleh dilakukan. Kalau ini boleh dilakukan, lebih baik kerana ini mendapat gambaran yang sebenarnya keadaan IHP di negara kita.

Dengan izin daripada Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan sedikit. Nama saya telah dikaitkan tadi fasal hal ubat tiruan. Saya tidak menafikan tentang apa yang telah diperkatakan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, saya bercakap bagi pihak pengguna. Memang benar kalau kita check semua official outlet bagi ubat-ubat ini - perfect. Tetapi official outlet ini bukan semua tempat, Hutan Melintang saya ingat tidak ada; Kuala Kedah, Kuala Perlis, kawasan FELDA dan sebagainya, kedai kopi di kampung baru, kedai koperasi di kawasan-kawasan FELDA, itu sebabnya saya merasakan daripada feedback yang kita dapat bahawa kebanyakan ubat-ubat ini walaupun 11,000 jenis ubat didaftar di Kementerian Kesihatan, yang popular ditiru tidak banyak, dalam 20 jenis sahaja termasuk Penadol, Antibiotik, Cough Syrup, Eye-Mo; inilah jenis-jenis yang senang ditiru dan saya telah bertemu dengan manufacturers, minta manufacturers jangan pergi check official outlet, pergi check di kedai-kedai di kampung-kampung ini yang menjadi tumpuan kaki-kaki penipu ini.

Beli semua bawa masuk lab, check! Daripada 1,000 panadol berapa ratus yang palsu, Berapa ratus yang tidak palsu, baru kita tahu. Ini yang namakan ketelusan itu. [*Tepuk*] Jadi, kalau kita hendak cover untuk kepentingan kementerian tidak perlu, bagi saya be opened about it kerana kita

tidak mahu seorang ibu yang miskin ‘kais pagi makan pagi’ anak dia menangis tengah malam, lari pergi ke kedai beli ubat batuk tiga botol minum, tidak hilang batuk kerana ubat batuk palsu. Ini masalah yang dihadapi. Saya bercakap atas pengguna. Itu sahaja, terima kasih. *[Tepuk]*

HAK MILIK STRATA - KELEWATAN MENGELUARKAN

11. Datuk Abu Seman bin Haji Yusop (Alor Gajah] minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan apakah pelan tindakan bagi mengatasi kelewatan mengeluarkan hak milik strata.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan

Koperasi [Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sentiasa mengawasi pelaksanaan Akta Hak Milik Strata dan telah mengenal pasti punca-punca kelewatan pengeluaran Hak Milik Strata. Mengikut kajian yang dibuat kelambatan berlaku di pelbagai peringkat pemprosesan dan disebabkan oleh pelaku-pelaku utama seperti pemaju, juruukur tanah berlesen, pejabat tanah, jabatan ukur, pengarah tanah dan galian dan pendaftar hak milik tanah. Sehubungan dengan ini, kementerian telah merangka pelan tindakan bagi mengatasi kelewatan mengeluarkan hak milik strata. Langkah-langkah yang termaktub dalam pelan tindakan ini termasuklah:

- (i) menubuhkan unit hak milik strata di pejabat tanah dan galian di negeri-negeri yang mempunyai banyak bangunan yang berbilang tingkat;

- (ii) mempertingkatkan tahap kefahaman dan pengetahuan kakitangan unit hak milik strata mengenai peruntukan-peruntukan undang-undang yang ada;
- (iii) mengeluarkan pekeliling-pekeliling KPTG mengenai tindakan-tindakan untuk mempercepatkan pengeluaran hak milik strata, carta aliran kerja, senarai semakan dan format untuk merekod kemajuan pemprosesan;
- (iv) melaksanakan ‘one-stop-agency’ di negeri-negeri untuk mempercepatkan pengeluaran hak milik strata;
- (v) memberi khidmat nasihat mengenai hal-hal strata kepada pejabat tanah, jabatan lain dan orang awam;
- (vi) membuat lawatan ke bangunan-bangunan berbilang tingkat yang menghadapi masalah;
- (vii) menggalak pembeli-pembeli petak yang belum mendapat hak milik strata supaya membuat aduan terhadap pemaju-pemaju yang berkenaan; dan
- (viii) mengadakan perjumpaan dengan pemaju dan pembeli untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dan mencari penyelesaiannya.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada menunggu pemilik rumah membuat aduan, saya minta penjelasan dari

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kaedah kawal seliaan dan juga siapa yang akan dipertanggungjawabkan supaya tindakan akan diambil terhadap pemaju rumah yang enggan membuat permohonan untuk mendapat strata title selepas enam bulan CF dikeluarkan?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kehendak undang-undang, semua pemaju hendaklah membuat permohonan bagi mendapatkan hak milik strata dalam tempoh masa enam bulan setelah menerima CFO dan orang yang paling berhak dalam menganjurkan kepada pihak yang tertentu, yang berwajib di atas kegagalan pemaju melaksanakan demikian ialah pihak pemilik rumah sendiri. Oleh itu, kita telah menggalakkan pemilik-pemilik rumah supaya di dalam apa juga permasalahan kalau sekiranya mereka tidak mendapat hak milik strata dalam tempoh masa enam bulan, mereka boleh mengadukan perkara ini kepada pihak yang berwajib seperti PTG dan juga kepada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam urusan ini saya juga ingin menyeru kepada semua Ahli Parlimen, sekiranya di kawasan masing-masing terdapat keengganan pihak pemaju untuk membuat permohonan, saya memohon kerjasama semua Ahli Parlimen supaya menganjurkan kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri atau saya sendiri atau kepada kementerian. Saya memberi keyakinan bahawasanya kementerian memang memandang serius terhadap keengganan pemaju berbuat demikian.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jikalau pemaju yang berkenaan kelewatan mengeluarkan hak milik strata, adakah peruntukan untuk pemilik harta mengambil tindakan mahkamah kepada pemaju?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Ada, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekiranya pemaju didapati bersalah walaupun dipandang oleh segolongan masyarakat ianya ringan, tetapi kalau sekiranya pemaju itu didapati bersalah, ia akan dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 dan tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari yang dia default, dengan izin. RM1,000 sehari bererti kalau sekiranya setahun - RM365,000.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mencuba satu test case baru-baru ini dan kita dapati kadang-kadang perkara ini tidak mendapat simpati daripada pihak tertentu. Ada satu kes yang mana pemaju didenda oleh mahkamah dengan nilai yang cukup rendah, jauh rendah daripada RM5,000. Jadi kalau sekiranya perlu, kita akan mengkaji sama ada peruntukan denda itu boleh ditingkatkan.

PREMIS KEDIAMAN/PERNIAGAAN - KUOTA BUMIPUTERA

12. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan sama ada kerajaan sedar bahawa terdapat pemaju perumahan yang menyalahafsirkan perintah kuota 30% untuk bumiputera bagi pembelian premis kediaman dan perniagaan, dengan enggan menjual sebarang premis baru kepada pembeli bumiputera atas alasan kuota bumiputera sudah dipenuhi, sedangkan semangat sebenar perintah kuota yang dikeluarkan adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 30% dari premis baru yang akan dijual diperuntukkan kepada pembeli bumiputera,

dan bukannya hanya 30% sahaja dari jumlah premis baru yang boleh dijual kepada pembeli bumiputera. Penyalahafsiran secara sengaja terutama di kalangan pemaju perumahan di sekitar Lembah Kelang ini telah menyebabkan ramai bakal pembeli bumiputera gagal untuk memiliki premis-premis baru kediaman dan perniagaan, walaupun mereka mampu untuk memilikinya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, memanglah salah mentafsirkan kuota 30% sesuatu projek perumahan untuk bumiputera sebagai bermakna tidak boleh jual lebih dari itu kepada bumiputera. Mungkin apa yang berlaku ialah isu diskaun khas diberikan bersamaan kuota 30% untuk bumiputera. Sekiranya kuota ini sudah habis, maka pembeli bumiputera selepas itu tidaklah layak lagi menikmati diskaun khas ini tetapi ia masih bermakna mereka boleh beli rumah di projek berkenaan dengan harga pasaran biasa. Pihak yang menguatkuasakan kuota ini di Lembah Kelang ialah Kerajaan Negeri Selangor dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sekiranya perkara ini diadukan kepada mereka, saya yakin mereka akan mengambil tindakan sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 13 hingga 85 akan dijilid dalam buku berasingan]

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
TAMBAHAN (1997) 1997**

DAN

USUL**ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 1997****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1997 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. [*Hari Kedua*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.22 [Jadual] -

Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1997] -

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta sambung.

3.36 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Pengerusi, semalam saya telah cuba menerangkan berkenaan dengan faedah-faedah yang diperolehi daripada penajaan kementerian kepada pasukan lumba kereta Formula Satu yang diadakan di 16 tempat di seluruh dunia. Antara lainnya ialah dapat ditonton oleh 6.3 bilion penonton televisyen melalui 201 rangkaian TV.

Tuan Pengerusi.....

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Sri Aman bangun.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Pengerusi, semalam Yang Berhormat sedang menjawab soalan saya, yang pertama, oleh kerana kata Yang Berhormat ‘Visit Malaysia Year’ akan dipaparkan di bawah kereta itu. Yang kedua, saya hendak tahu kalaulah ada kemalangan di perlumbaan yang pertama, apa akan terjadi kepada wang kita berjumlah RM20 juta ini. Adakah akan dibayar balik kepada negara kita? Dan manakah model kereta itu yang dikatakan semalam?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Pengerusi, kebetulan saya ada membawa tiga keping gambar yang menunjukkan kereta yang kita taja daripada beberapa angle yang dapat menunjukkan kepada kita dengan jelas rupa kereta yang membawa nama Malaysia berlumba itu. Kalau sekiranya kereta ini menemui kemalangan di mana-mana perlumbaan, maka pada perlumbaan yang berikutnya di sirkit yang lain pula, kereta yang baru, yang berbentuk sama juga akan terus bertanding, berlumba. Yang lainnya, pada soalan yang pertama, saya rasa saya akan jawab berikut ini. Pihak kementerian juga diberi peluang untuk melihat sendiri perlumbaan-perlumbaan ini. Kita diberi beberapa tiket percuma untuk menyaksikan tiap-tiap perlumbaan ini.

Tuan Pengerusi, ini adalah usaha mempromosikan Malaysia ke khalayak dunia. Usaha mempromosikan Malaysia ini bukan terhad kepada satu sahaja, ia

dilakukan melalui yang umum seperti penajaan kereta formula ini dan juga promosi yang berbentuk khusus iaitu dengan mengadakan rombongan-rombongan menjual pakej-pakej tertentu di Malaysia ini. Walau bagaimanapun, apa yang saya hendak terangkan ini, daripada promosi-promosi yang kita buat ini maka dilihat kedatangan pelancong ke Malaysia telah meningkat daripada satu tahun ke satu tahun.

Sebagai contoh, kalau kita lihat tahun 1989 jumlah pelancong masuk ke Malaysia daripada luar negeri ialah RM4.8 juta. Tahun 1990 kita mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia dan tahun itu kita mendapati 7.4 juta pelancong datang. Peningkatan 3 juta pelancong mendadak dalam satu tahun. Tetapi kita begitu sukar sekali untuk hendak menunjuk promosi yang manakah yang kita buat dalam Tahun Melawat Malaysia itu yang membawa pelancong-pelancong yang tertentu. Yang kita tahu bahawa daripada keseluruhan promosi kita itu kita dapati pelancong bertambah datang ke sini dan diakui juga oleh beberapa Yang Berhormat semalam bahawa Malaysia ini telah dikenali di serata dunia. Promosi yang manakah yang mengenalkan Malaysia kepada seseorang yang tertentu di luar negeri itu, itu pun kita tidak dapat menunjukkan dengan sah.

Oleh yang demikian, usaha kita untuk hendak mempromosikan negara kita berterusan dan usaha ataupun langkah kita untuk menaja kereta Formula One ini ialah dilihat daripada keuntungan promosi itu kerana ada 6.3 bilion

penonton melihat. Saya tidak yakin ada satu kegiatan lain yang boleh diusahakan misalannya oleh pihak pembangkang yang boleh menarik begitu ramai sekali penonton dan membawa kesedaran tentang Malaysia itu. Ini adalah satu promosi yang umum, lepas itu kita pergi ke negeri-negeri tertentu itu untuk membuat satu promosi yang spesifik pula. Misalannya kita mengemukakan kepada mereka kecantikan ecotourism di Sabah. Ini secara yang spesifik pula.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar kurangnya kita nampak negara-negara lain yang menggunakan kaedah publisiti seumpama ini? Dan yang keduanya, saya baru sahaja memanjat Gunung Kinabalu, bukan Gunung Everest, saya tidak boleh, tetapi gunung yang tertinggi di Malaysia saya boleh juga dengan perlahan-lahan. Saya nampak tanpa kita adakan grandprix seumpama ini, tanpa publisiti seumpama ini, ramai orang datang daripada luar, pelancong itu ramai sehingga kuota setiap hari untuk memanjat gunung itu penuh, susah, kita mesti pesan, tempah dengan lebih awal. Tanpa Formula Satu pun kita ada pendedahan seumpama ini. Bolehkah Yang Berhormat menjamin dan tidak dijawab tadi,

ada seorang Yang Berhormat yang mengatakan kalau kereta itu malangnya terbalik, apakah akan terjadi baki 16 litaran itu?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Pengerusi, saya sudah terangkan tadi kalau kereta itu menemui kemalangan, yang pasti kita dapat promosi, kereta yang accident selalunya keluar dalam TV. Tetapi jaminan saya bahawa dalam perlumbaan berikutnya kereta baru pula yang berupa sedemikian juga akan mengambil bahagian, kereta itu memang tidak bertanding lagi kerana mungkin watch-out terus, tetapi kereta yang baru akan berlumba juga.

Satu lagi.....

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bandau bangun.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Belum habis. Belum habis jawab. Berkenaan dengan ramainya pendaki Gunung Kinabalu. Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak dapat memberi satu perangkaan berapakah ramai pendaki Gunung Kinabalu pada tahun 1989. Yang beliau tahu hanyalah pada tahun ini. Tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa pertambahan pendaki Gunung Kinabalu itu adalah kerana usaha-usaha promosi kita yang menyeluruh di seluruh dunia yang tiap-tiap tahun kita belanjakan, Yang Berhormat pun sendiri tahu dalam Belanjawan kita tiap-tiap tahun, dalam lingkungan RM59 juta ke RM60 juta, daripada tahun 1990. Kita tidak dapat dengan betul mengatakan

pertambahan pendaki gunung itu, pertambahan pelancong ke Sabah itu adalah kerana Yang Berhormat itu buat lawatan promosi misalannya ke Filipina. Tidak dapat kita mengatakan begitu, tetapi yang sahnya ialah kerana kegiatan promosi kita ke seluruh dunia, dan itulah hasilnya.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dia asyik dengan Formula Satu. Mungkin dia ada model di pejabatnya tidak bawa, hendak tengok juga. Itu foto sahaja. Saya hendak tengok modelnya itu. Memang dia berminat dengan Formula Satu. Saya beri dia peluang sedikit dengan Formula Satu, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa publisiti yang dibuat, iklan yang dibuat untuk seluruh Malaysia itu bukan melalui Formula Satu. Tambahan pula pihak di Sabah pun ada tiap-tiap tahun sejak sepuluh tahun kebelakangan ini ada Climaton. Climaton itu memang hebat publisitinya. Mungkin inilah salah satu punca yang utamanya yang menarik ramai pelancong, mungkin.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan ghairah dengan Formula Satu. Tetapi tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang bercakap semalam semuanya menyentuh tentang Formula Satu. Jadi, saya cuba mengambil masa sedikit untuk menerangkan tentang Formula Satu dengan

harapan penerangan saya masuk dalam benak Yang Berhormat. *[Ketawa]* Saya akui bahawa di Sabah pun membuat promosi. Tetapi sebagaimana yang saya telah katakan secara bertanggungjawab mengakui bahawa kita tidak dapat mengatakan promosi yang mana satukah yang paling berkesan sekali yang membawa pelancong-pelancong ataupun seseorang pelancong itu datang ke negara kita.

Kita tidak mengikut negara-negara lain. Sebab itu Malaysia mempunyai rekod kejayaan yang berasingan juga. Kita tidak ikut negara-negara lain membuat promosi-promosi tertentu, kita ada cara kita. Yang kita tahu bahawa hasilnya adalah membanggakan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Tuan Noh bin Omar: Saya tidak habis lagi menerangkan. Ini usaha promosi, Tuan Pengerusi. Usaha ini kita lakukan sepanjang tahun. Pada tahun 1999 kita akan mengadakan pertandingan Formula Satu ini di litar kita sendiri di Sepang. Jadi, ini adat dunia, Tuan Pengerusi, kalau kita mengambil bahagian di tempat orang, orang pun akan mengambil bahagian di tempat kita juga. Jadi, apabila kita menganjurkan Formula Satu dengan perlumbaan Formula Satu di negara kita sendiri, maka tumpuan dunia pada masa itu adalah ke Malaysia. Seluruh penonton yang ingin melihat perlumbaan Formula Satu semasa perlumbaan itu diadakan di Kuala Lumpur akan disedari oleh komentator bahawa itulah Kuala Lumpur, dan tidakkah Yang Berhormat dapat bayangkan

bagaimanakah keuntungan yang kita dapat daripada usaha-usaha itu. Ini adalah langkah yang pertama.

Semalam Yang Berhormat ada juga menyentuh sedikit tentang satu tajaan lagi oleh Petronas. Negara kita terlibat dalam dua buah kereta sahaja; Satu oleh Petronas dan satu lagi oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Jadi, saya harap Yang Berhormat faham tentang perkara itu. Mengapa tidak syarikat-syarikat swasta menganjurkannya? Mana-mana perkara yang baru, usaha yang baru, kerajaan sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab memulakannya dahulu. Kalau pada satu masa nanti pihak swasta memikirkan bahawa mereka juga mendapat keuntungan daripada penajaan ini, kita galakkan pihak swasta yang lain terlibat. Pada peringkat awal ini biarlah kerajaan dahulu terlibat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Sekejap lagi. Seperti juga dengan perkara-perkara lain, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan membuat satu lagi iaitu mula membina hotel-hotel tiga bintang. Pada waktu itu, pada mula-mula kita membina hotel tiga bintang, tidak ada pihak swasta yang berminat untuk membina hotel tiga bintang. Sedangkan keperluan itu ada. Jadi, pihak kementerian membina dahulu, wujudlah hotel Sri Malaysia. Tetapi hari ini apabila pihak swasta menyedari bahawa hotel tiga bintang ini memberi

keuntungan, berlumba-lumba pihak swasta hendak membina hotel tiga bintang, dan di sinilah masanya pihak kerajaan mula mengundurkan diri supaya pihak swasta mengambil tempat. Sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya nampak clear penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Cuma saya ingat kalaulah Formula Satu ini berjaya, adakah kerajaan juga akan menswastakan pertandingan kereta Formula Satu ini, mungkin tidak kepada Kepong kerana dia tidak berminat, dan blacklist dia di kementerian, orang yang bercakap banyak tidak berminat ini tidak lama lagi bila untung dia hendak. Jadi, adakah cadangan pihak kementerian bahawa kalau perlumbaan ini berjaya satu hari nanti, kerajaan ataupun kementerian akan menswastakan kepada pihak-pihak tertentu, terutama sekali kepada pihak-pihak yang macam Syarikat EON dan sebagainya yang mengeluarkan kereta? Terima kasih.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Yang Berhormat dari Yan, pemikirannya sungguh menangkap. Memang kerajaan berhasrat untuk menswastakan kegiatan iaitu dalam penganjuran Formula Satu di gelanggang kita di Sepang. Pembinaan gelanggang ini pun adalah sepenuhnya dibuat oleh pihak Malaysian Airport Berhad yang menelan belanja lebih kurang RM150 juta. Itu pembinaan litar yang panjangnya 5.3 kilometer dan lebarnya 3.5 meter dalam kawasan yang seluas lebih kurang 600 hektar. Jadi, pertandingan ataupun perlumbaan

ini nanti sudah tentunya akan diuruskan oleh pihak swasta. Tetapi pihak kerajaan membimbing mereka supaya melaksanakan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab satu persatu....

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada dua orang yang bangun. Saya beri Sipitang dahulu.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen. Tadi dikatakan bahawa kita tidak tahu destinasi manakah ataupun kawasan manakah yang paling popular dilawati oleh pelancong-pelancong. Juga tadi dikatakan bahawa pakej-pakej pelancongan ini ditentukan oleh orang-orang tertentu sahaja. Jadi, mungkin sebab itulah kerajaan tidak tahu destinasi mana yang popular ataupun pakej yang popular, kerana pakej-pakej ini pada pengetahuan saya ditentukan oleh agensi-agensi pelancongan. Jadi, bila mereka membuat pakej-pakej ini mereka cuma membuat pakej-pakej di mana tempat-tempat yang kita katakan yang mereka mungkin menghasilkan pendapatan lumayan kepada mereka sahaja tanpa menyeluruh untuk kepentingan negara. Misalnya, pakej-pakej itu cuma tempat-tempat yang popular, tidak ada peluang langsung ditentukan kepada tempat-tempat misalnya pusat-pusat perniagaan bumiputera ataupun kedai-kedai sovenir bumiputera.

Seperti di luar negara, pakej-pakej ini kadang-kadang bila kita mengikut pakej luar negara, ada tempat-tempat yang dilawati itu tidak penting langsung dari segi tujuan lawatan kita. Kita macam orang bodoh, ikut pakej itu dan terpaksa juga turun melihat. Pada hal tempat itu tidaklah seberapa mana. Tetapi dari segi nilai ekonomi tempatan kepada pakej itu begitu baik untuk mendapatkan sumber pendapatan kepada mereka yang ada di situ ataupun tempat yang dilawati itu. Jadi, apakah kerajaan bercadang untuk menentukan pakej-pakej ini ataupun mestilah disahkan oleh kerajaan dahulu tempat-tempat yang dilawati ini supaya dalam pakej tersebut dimasukkan satu atau dua tempat di mana untuk mengembang ekonomi khasnya bumiputera supaya pelancong-pelancong ini dapat membelanjakan sebahagian daripada wang mereka di tempat-tempat yang dikenalpasti pusat perniagaan ataupun tempat-tempat bumiputera, misalnya, kedai pengeluar dodol. Jadi, pelancong-pelancong ini bila singgah di kedai tersebut tentunya kita perkenalkan dodol dan membeli dodol itu, dan ini sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan ataupun pendapatan kepada gerai-gerai ataupun kedai-kedai tersebut. Jadi, apakah kementerian bercadang untuk melihat kembali kepada pakej-pakej ini dan memastikan pakej ini dimasukkan juga tempat-tempat menarik di seluruh negara supaya sebahagian daripada pakej-pakej itu ada melibatkan untuk memajukan ekonomi bumiputera? Terima kasih.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat dari Sipitang silap sedikit. Apa yang saya tegaskan ialah daripada promosi-promosi yang kita buat itu kita tidak dapat secara betul menunjuk bahawa kedatangan pelancong itu adalah hasil daripada promosi yang mana. Itu yang saya katakan. Tetapi kita tahu manakah tempat ataupun destinasi pelancong yang popular. Malah kita menekankan kepada beberapa destinasi pelancongan yang popular sahaja di luar negeri, termasuklah juga melawat Sabah dengan Gunung Kinabalu, dengan ecotourismnya. Kita tahu.

Berkenaan dengan pakej ini pula ia dijual oleh pihak swasta. Mereka tahu dengan kepentingan perniagaan, mereka tahu pakej manakah yang boleh mereka jual, dan ke manakah pelancong-pelancong yang perlu mereka bawa. Kerana kalau tidak perniagaan mereka akan terlibat, dan mereka akan menjatuhkan pakej-pakej kalau yang mana tidak ada sambutan di luar negeri. Dalam lawatan-lawatan promosi mereka ke luar negeri yang dipandu oleh kementerian, mereka sentiasa membuat kajian pakej yang manakah ataupun destinasi yang manakah yang boleh dijual kepada pelancong-pelancong. Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sebahagian soalan itu telah ditanya, Tuan Pengerusi. Tetapi walau bagaimanapun, saya ada soalan tambahan daripada apa yang saya hendak tanya. Target promosi yang pertama kemungkinan supaya negara kita ini dikenali oleh dunia antarabangsa. Sejauh

manakah target yang telah kita capai sekarang ini dari segi persennya, 70% atau 80%. Dan yang kedua, target kita ialah supaya mereka yang kenal itu berkunjung ke negara kita. Tidak semua orang yang kenal itu berkunjung. Apa yang ingin saya tahu dari segi target yang dicapai itu sekarang ini berapa persenkah yang telah kita capai.

Sebab saya melihat bahawa promosi ini terlalu banyak telah pun diadakan - terlalu banyak! Tetapi kalau kita ke luar negara, kalau kita tanya masih banyak lagi orang yang tidak mengenali negara kita. Ini yang saya nampak, seolah-olah kedutaan-kedutaan kita yang ada di luar negeri ini tidak memainkan peranan yang sebaik-baiknya, seolah-olah begitu sedangkan kita telah merdeka mulai tahun 1957, saya merasakan kalaulah kedutaan-kedutaan kita yang terlibat dalam promosi ini memainkan peranan mereka dengan betul-betul, saya percaya dan saya yakin bahawa negara kita sudah pun, semua manusia yang ada di dunia ini sudah mengenali negara kita.

Tetapi, sebaliknya tidak! Ini seolah-olah apakah kelemahan yang telah kita lakukan di masa-masa yang lepas yang mengakibatkan walaupun sekian lama kita telah mengadakan promosi tetapi sekarang ini masih ternyata masih banyak lagi manusia-manusia di atas dunia ini yang belum mengenali negara kita. Terima kasih.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Pengerusi, saya faham mengapa Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mempunyai anggapan sedemikian, sebab

beliau tidak terlibat dengan industri pelancongan. Sebenarnya, target kita membawa pelancong ke negara kita telah menjangkau lebih daripada apa yang kita harapkan. Angka yang kita dapati untuk tahun ini sebenarnya adalah target kita untuk tahun 2000, kita telah beberapa tahun lebih awal mendapat angka pulangan daripada usaha kita.

Oleh yang demikian, saya harap Ahli Yang Berhormat faham kalau pun ada orang yang tidak kenal dengan negara kita, ini biasalah. Kita tidak dapat beranggapan bahawa semua orang dalam dunia ini mempunyai keinginan hendak tahu hal ehwal tempat lain. Saya boleh jamin ada orang Tumpat yang tidak tahu Kota Bharu. Takkanlah saya hendak katakan kepada Ahli Parlimen Kota Bharu, mengapa ada orang Tumpat tak kenal Kota Bharu? Saya yakin ramai juga orang Hulu Kelantan tak pernah pergi ke Tumpat sedangkan dalam sebuah negeri. Dan kita tidak boleh katakan mungkin ataupun kita menuduh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat tidak pernah mengajak orang Hulu Kelantan datang ke Tumpat, memang ramai juga yang datang - ini keadaannya.

Kita membuat promosi dan kita ada target kita dan kita telah dapat target kita itu dua, tiga tahun lebih awal daripada yang kita sangkakan bermakna pulangan daripada promosi kita itu sungguh baik dan saya membawa kepada satu fakta lain daripada promosi yang keseluruhannya kita belanjakan sepertimana yang saya katakan tadi dalam lingkungan RM60 juta setahun

pendapatan negara pada tahun 1996 ialah RM10.4 bilion. Ahli Yang Berhormat boleh gambarkan atau tidak berapa banyak RM10.4 bilion ini?

Dia menjadi satu pemangkin untuk pertumbuhan ekonomi negara. Kita eksport barang kita di dalam negeri apabila pelancong datang ke sini, kita tak payah eksport ke luar negeri, kita tak payah bawa misalannya ke Siam, nasi kerabu daripada Kota Bharu, kalau orang Siam sudah datang ke Kota Bharu, dia makan nasi kerabu Ahli Yang Berhormat seolah-olah nasi kerabu itu telah Ahli Yang Berhormat eksport ke Siam dan jumlah pendapatan negara daripada pelancongan ialah RM10.4 bilion dan daripada pendapatan inilah maka sebahagian daripada pembangunan di negeri Kelantan itu dibiayai.

Kalau misalannya kurang daripada pendapatan ini, saya yakin ada jalan di Kelantan ataupun ada jalan di Kota Kinabalu tidak dapat dibuat, tetapi untuk menunjukkan bahawa ini adalah hasil daripada pelancongan, itu satu perkara yang sia-sia Ahli Yang Berhormat, cuma kita tahu RM10.4 bilion membawa satu jumlah yang besar dan menjadi satu pemangkin kepada ekonomi kita dan ribuan rakyat kita mendapat peluang pekerjaan dan menyenangkan ramai orang yang lain lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Okay Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Dato' ada menyebut bahawa kita ini 'over target'. Sekarang kalau sudah 'over target' apa lagi promosinya, sudah cukuplah. Terima kasih.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Pengerusi, itu lagi satu fahaman yang saya faham mengapa Ahli Yang Berhormat mempunyai fahaman begitu kerana Ahli Yang Berhormat tidak terlibat secara langsung dalam usaha membangunkan negara. Sebenarnya itu target kita, kalau boleh kita hendak dapat lebih daripada itu. Usaha kita untuk hendak memajukan negara bukanlah semata-mata apabila Ahli Yang Berhormat dapat kemudahan begini, lepas itu kita pun berhenti, peluk tubuh - tidak! Kita akan terus membuat promosi dan kalau boleh kita akan lipatgandakan lagi supaya pulangnya dapat dinikmati oleh semua rakyat walaupun tidak secara terus misalannya. Kita tidak dapat mengatakan wang yang dibelanjakan oleh pelancong yang duduk di Federal Hotel ataupun di Hotel Hilton itu adalah pergi kepada orang miskin melalui projek PPRT di Alor Setar misalnya, dia bukan begitu, tidak dapat kita tunjuk satu persatu.

Tetapi, umumnya kita sedar bahawa sebahagian daripada ongkos yang dibelanjakan oleh pelancong itu pergi kepada orang miskin. Ini adalah kerja Kerajaan Persekutuan, minta maaf, kita pun tidak beritahu kepada Ahli Yang Berhormat secara detail.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi ya, hendak beri jalan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, terakhir!

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Mungkin Yang Berhormat Dato' tidak menjawab soalan saya yang ketiga tadi, saya menyatakan bahawa kedutaan kita di luar negeri ada sebahagiannya tidak memainkan peranan yang begitu penting dalam memperkenalkan negara kita di luar negara. Apakah itu satu hal yang agak boleh diterima atau tuduhan liar?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Terima kasih. Tuan Pengerusi, daripada pengalaman kementerian untuk menjayakan satu-satu promosi itu ia melibatkan banyak pihak dan pihak yang selalu memberi kerjasama kepada kita ialah pihak kedutaan kita di negeri itu. Jadi, saya tidak nampak di mana kebenaran tuduhan Ahli Yang Berhormat ini.

Kita berpuas hati dengan prestasi kedutaan-kedutaan kita di luar negeri terutama sekali dalam membantu kita mengadakan promosi-promosi mengambil bahagian dalam pertunjukan-pertunjukan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi,

Tuan Henrynus Amin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kinabalu bangun.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Pengerusi, tadi kita telah mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa budget untuk promosi yang telah digunakan untuk setahun ialah RM60 juta dan saya dapati bahawa budget yang digunakan untuk Formula One adalah RM20 juta lebih kurang 30% daripada jumlah perbelanjaan. Jadi, bagi saya ini adalah satu jumlah yang tinggi.

Jadi, persoalan saya yang saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah Perlumbaan Kereta Formula One ini adalah satu cara promosi yang paling berkesan yang diutamakan di negara ini untuk memperkenalkan Malaysia di seluruh dunia. Awal-awal tadi telah diberitahu bahawa Formula One ini disaksikan oleh 6.3 bilion manusia ataupun kalau saya tidak silaplah.

Namun demikian, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berapakah jumlah sebenar atau dari mana kita dapat statistik bahawa sedemikian ramai orang di seluruh dunia menonton Formula One ini, sedangkan di Malaysia kalau di Sabah saya sendiri pun tengok-tengok begitu sahaja, tetapi tidak begitu berminat dan saya rasa ramai orang tidak tahu bahawa di Malaysia ini pun sudah ada litar untuk perlumbaan kereta.

Jadi, saya tidak begitu pastilah bahawa perlumbaan ini sebenarnya adalah satu cara yang paling berkesan dan justify untuk menggunakan 30% daripada wang yang kita peruntukkan untuk promosi untuk satu tahun, untuk satu perlumbaan sahaja. Jadi, adakah perkara ini yang lebih penting ataupun mungkin ada cara lain yang kementerian boleh fikirkan.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Pengerusi, jumlah 6.3 bilion ini adalah jumlah yang selalunya didapati daripada rating satu-satu channel itu yang menayangkan ataupun memaparkan satu-satu event. Televisyen channel itu yang memberi rating demikian, dia tahu. Kadang-kadang di negeri-negeri yang maju dia tahu pertunjukan ini berapa penontonnya, pertunjukan ini berapa. Jadi, saya rasa Ahli Yang Berhormat pun faham juga tentang ini mungkin sengaja tak faham.

Jadi, inilah jumlahnya

Tuan Henrynus Amin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Saya masih menerangkan lagi.

Tuan Henrynus Amin: Okay.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: daripada 16 perlumbaan itu. Saya rasa ini adalah satu perbelanjaan yang bijak, kita tidak dapat menarik pandangan orang sedemikian ramainya kepada negeri kita. Saya yakin Ahli

Yang Berhormat pernah dahulu pergi ke luar negeri, siapa yang hendak tahu tentang Malaysia, di mana itu Malaysia? Saya minta maaf saya berkata demikian, tetapi hari ini mereka tahu. Dan disebut juga bahawa dalam buku cerita yang dikarang oleh pengarang-pengarang luar negeri telah memasukkan dalam cerita itu watak-wataknya pergi ke Kuala Lumpur, pergi ke Malaysia untuk terjadinya cerita itu.

Dan saya diberitahu dalam cerita Superman baru-baru ini, watak utama dalam cerita itu, satu filem keluaran Barat mengatakan bahawa perkahwinan watak utama itu diadakan di Kuala Lumpur, sudah ada cerita yang begitu popular iaitu Superman mengambil jalan ceritanya berlaku di Malaysia. Ini adalah satu kemajuan ataupun satu kejayaan daripada promosi-promosi antara lain yang kita buat.

Saya yakin juga ucapan-ucapan Ahli Yang Berhormat di luar negeri pun ada juga dapat mengambil perhatian orang ramai dan orang yang paling berjaya sekali membuat promosi untuk Malaysia ialah Perdana Menteri kita sendiri. Tetapi kita tidaklah boleh berharap kepada promosi yang dibuat oleh beliau sahaja. Jadi, keputusan ataupun pada pandangan kita jumlah wang sebanyak RM10 juta ini pembayaran yang kedua dan pembayaran yang pertama dahulu sebanyak RM10 juta juga adalah satu perbelanjaan yang bijak dan kebijaksanaan kerajaan inilah yang membuatkan kejayaan kepada negara kita ini.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk bertanya sedikit dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Soal promosi pelancongan, mungkin ada lain sedikit ceritanya tetapi masalahnya kita selalu nampak promosi pelancongan kita memang belum lagi mencapai tahap yang memuaskan. Kalau tidak, tidak mungkin berlaku sedikit kocakan di Sukom yang mana promosi Sukom itu belum lagi memuaskan. Dan satu lagi, Tuan Pengerusi, iaitu pada 2 Ogos akan diadakan satu Jambori Pengakap di Terengganu, bahkan tidak banyak orang sedar, 15,000 orang pengakap daripada seluruh dunia datang ke Terengganu.

Jadi, Majlis Pengakap Negara bermesyuarat minggu lepas, saya bertanya apakah promosi-promosi yang telah dibuat? Jawapan yang diberi kepada saya oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Terengganu mengatakan “Oh, macam di Terengganu itu macam berpestalah” tetapi apabila saya bertanya dengan Ahli Parlimen di Terengganu, orang Terengganu sendiri pun tidak tahu yang benda itu berlaku. 15,000 orang pengakap daripada seluruh dunia akan datang ke Terengganu. Kalau seorang pengakap itu ada tiga orang keluarga, dia beritahu tiga kali 15,000, 45,000; kalau 45,000 itu ada kawan lagi tiga orang, kali lagi

tiga, macam itulah merebaknya publisiti yang kita boleh buat tetapi tidak ada satu pun publisiti. Di lapangan terbang tidak ada, di pekan-pekan kita tidak ada, semua tidak ada. Maknanya, menunjukkan orang kita Malaysia ini boleh organise, boleh melakukan apa-apa, boleh buat apa-apa sekali pun tetapi pihak-pihak yang berkenaan tidak boleh mengambil kesempatan untuk memberitahu orang ramai benda-benda yang kita ada.

Ini juga berlaku semasa perlawanan bola sepak belia dunia, pun begitu juga. Bila budak-budak yang datang dari Brazil, Argentina, England dan mana-mana - datang, baru kita tahu televisyen tunjuk yang mereka sudah di sini tetapi promosi yang mengatakan orang ini akan bermain di sini - saya tahu kalau peminat football ini, saya pernah dahulu balik dari universiti, bila naik kapal terbang itu bersama dengan football fans daripada kelab yang tertentu, mengikut kelab dia datang ke negara-negara yang jauh, dia bayar beribu-ribu pound, kalau dari England pergi bersama dengan team yang bermain. Jadi, oleh kerana ada promosi, kalau tidak ada promosi kita tidak ambil peluang supaya ini untuk memajukan pelancongan, maknanya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mesti membuka telinga dan mendengar, mengambil peluang - kalau ada perkara ini berlaku kita mesti kena ambil peluang supaya mempromosikan - 'incidental' dengan benda-benda yang kita adakan di negara kita.

Begitu juga berlaku - panjang sedikit soalnya Tuan Pengerusi, minta maaf ya. Saya baca Fauzi Omar tulis di dalam surat khabar tiga hari lepas, komennya itu - saya bukan minat sangat dengan cara dia itu, kadang-kadang dia berlebihan sangat tetapi apa dia kata itu betul. Dia kata tindakan-tindakan promosi yang sepatutnya kita ambil, kita tidak ambil. Jadi, macam mana pandangan Dato' soalan-soalan promosi ini daripada segi mengambil peluang apabila satu-satu perkara berlaku di negara kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya suka mengingatkan Majlis, Belanjawan ini kena diluluskan hari ini.

Dato' Mohd Noh bin Rajab: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kalau boleh sebelum 6.30, jadi kepada yang minta penjelasan itu, kalau boleh pendeklah.

Dato' Mohd Noh bin Rajab: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Apabila saya diingatkan begitu baru senang hati saya untuk tidak memberi jalan.

Tuan Pengerusi, kita akan berusaha untuk mempromosikan semua event yang berlaku dan kita masukkan semua event yang kita ketahui dalam kalendar pelancongan kita tetapi ada juga peristiwa-peristiwa yang berlaku di negara kita yang tidak diberitahu kepada kita dan perkara yang kita tidak tahu, yang kita tidak dimaklumkan, yang kita tidak dibawa untuk bekerjasama, jadi kita tidak

dapat campur tangan. Banyak hal juga dalam pandangan Yang Berhormat itu ada kebenarannya tetapi Yang Berhormat harus faham bahawa kita di kementerian tidak tahu berlakunya sesuatu perkara itu, sesuatu peristiwa pelancongan itu, kalau kita tidak diberitahu terlebih awal.

Walau bagaimanapun, saya beri penerangan kepada Yang Berhormat bahawa kita membantu kerajaan negeri menjayakan ‘Tahun Melawat Terengganu’nya pada tahun ini dan kita membuat banyak promosi tentang Terengganu. Berkenaan dengan jambori itu secara spesifik saya kurang maklum.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang spesifik yang disebutkan dan disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Bersangkutan juga dengan Formula One ini, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian mengatakan mengapakah tidak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang menganjurkannya. Saya ingin menerangkan kepada Yang Berhormat bahawa ini menunjukkan kita mempunyai ‘collective responsibility’ - kementerian mana sahaja menganjurkannya ataupun melaksanakan tugas itu tidak menjadi masalah, tidak menjadi satu pertikaian. Yang pentingnya kerja itu dapat dilaksanakan dengan baik dan jayanya.

Yang Berhormat juga menekankan tentang perbelanjaan pelancongan untuk membekal air ke Pulau Redang, Terengganu. Saya ingin menerangkan secara ringkas dahulu tentang projek ini. Jumlah sebanyak RM3.6 juta ini ialah

satu pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri dan kerana ia terlibat dengan satu tempat pelancongan, maka bolehlah disalurkan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Sekali lagi saya mengatakan bahawa ia boleh disalurkan melalui kementerian yang mana pun tetapi saya rasa tidak menjadi salah kalau ia disalurkan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan jumlah RM3.6 juta ini ialah tambahan kepada jumlah yang telah diluluskan terlebih awal kerana kos pembinaan projek ini bertambah daripada RM18 juta kepada RM30 juta.

Jadi, dengan pertambahan kos itu, maka pinjaman yang diberi pun adalah meningkat juga dan peningkatan itu melibatkan jumlah sebanyak RM3.6 juta itu. Dengan adanya bekalan air ini, maka air dapat dihantar daripada tanah besar Semenanjung ke pulau itu sebanyak lebih kurang 400,000 liter sehari dan di situ terdapat beberapa pusat pelancongan - ada hotel, ada chalet-chalet tetapi ada juga penduduk yang menetap di sana seramai 2,000 orang. Jadi, dengan adanya projek ini, bekalan air ke sana adalah terjamin.

Suka juga saya menjelaskan bahawa kerajaan negeri ada terlibat dengan kos pembiayaan ini. Kerajaan negeri menampung 30% daripada kos dan Berjaya menampung 20% daripada kos dan ada juga geran daripada Kerajaan Pusat sebanyak 20% dan ini menampung kos perbelanjaan sebanyak RM30 juta untuk menyiapkan bekalan air ke pulau itu. Jadi, tidak benarlah dakwaan yang dibuat oleh Kubang Kerian kononnya, kerajaan didesak oleh pihak swasta

ataupun didesak oleh pihak Berjaya sendiri. Tidak, pihak swasta pun terpaksa juga ataupun pihak Berjaya juga dikehendaki menampung sebahagian daripada kos itu tetapi kerana ianya melibatkan banyak pihak dan Kerajaan Pusat memikirkan bahawa kos ini ditampung melalui pinjaman, geran, melalui kerajaan negeri dan juga penglibatan oleh pihak swasta sendiri.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyentuh tentang bandar warisan. Sebenarnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak ada menyenaraikan sebarang atau mana-mana bandar di Malaysia ini sebagai bandar warisan. Yang kita fahami bahawa menurut UNESCO ada membuat senarainya sendiri iaitu berkenaan dengan World Heritage List. Jadi, UNESCO mengadakan senarai ini dan menyenaraikan mana-mana kota dalam senarai ini, kalau kota itu dapat menepati kehendak UNESCO, antara lain kota ini ialah kota yang lama dan tidak ada sebarang perubahan kepada kota ini sama ada daripada pembangunan yang baru ataupun daripada 'forces' luar jangka. Cuma yang diterima ialah ciri-ciri pembaharuan melalui 'conservation' dan pihak yang terlibat mestilah memohon untuk disenaraikan oleh UNESCO. Jadi, dalam hal ini kalau kementerian menerima permohonan, kementerian boleh mengangkat permohonan ini dan kalau difikirkan bahawa pihak yang memohon itu dapat memenuhi kehendak-kehendak UNESCO, kita akan memberi sokongan. Jadi, saya harap perkara ini jelas kepada Kota Melaka.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Mohd Noh bin Rajab: Sepertimana yang Tuan Pengerusi sebutkan tadi kita hendak habis.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Mohd Noh bin Rajab: Jadi, saya ini orang yang patuh mengikuti arahan Tuan Pengerusi. Jadi, saya rasa saya pun sudah banyak beri jalan kepada Yang Berhormat, saya cuba habiskan perkara ini.

Sebagai menggulong Tuan Pengerusi, bahawa wang ini adalah wang yang dibelanjakan untuk kepentingan negara dan ia dibelanjakan dengan begitu teliti. Kepada cadangan-cadangan ataupun mana-mana perkara yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab di sini, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan mengambil maklum. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,568,800

untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,568,800 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,600,000 untuk Maksud P.22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,600,000 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1997.

Maksud B.30 dan B.32 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.30 dan B.32 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

4.30 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya sebut Maksud B.30 mengenai tambahan sebanyak RM30 juta yang adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDC) bagi memulakan projek Multimedia Super Corridor (MSC).

Dalam ucapan di Imperial College semasa lawatan ke United Kingdom pada permulaan dua bulan 'cuti kerja'nya untuk mempromosikan MSC, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa MSC merupakan sumbangan Malaysia ke alaf baru - yang mana dihuraikan beliau sebagai 'Abad Dunia Era Maklumat'. Beliau berkata, 'Malaysia menawarkan Koridor Raya Multimedia sebagai sebuah tapak percubaan besar bagi menguji bukan sahaja teknologi tetapi juga cara hidup dalam era maklumat pantas tanpa had'. Di atas website MDC, MSC juga telah dihuraikan sebagai, dengan izin, Malaysia's gift to the world.

Persoalan penting yang hendak dipastikan oleh rakyat Malaysia mengenai MSC berharga RM5 bilion ini adalah sama ada infrastruktur telekomunikasi global dan logistik berkapasiti tinggi 2.5-10 gigabit yang dibina di atas tulang belakang fiber optikal digital MSC juga merupakan suatu hadiah untuk semua rakyat Malaysia. Sekiranya rakyat Malaysia hendak mendapat manfaat dari hadiah MSC ini, maka kita mestilah pertama sekali celik IT atau computer literate. Pada masa sekarang, kurang dari satu peratus penduduk Malaysia yang merupakan pengguna Internet.

Dalam mesyuarat Parlimen yang lepas, saya diberitahu bahawa Malaysia hanya memiliki 80,000 pelanggan Internet dari dua pembekal perkhidmatan Internet yang sedia ada, yang mana merupakan kekurangan drastik dari anggaran awal MIMOS bahawa pelanggan Internet Malaysia akan mencapai

150,000 orang pada akhir tahun 1996 dan menuju ke jumlah 500,000 pada akhir tahun 1997.

Semasa menjawab soalan spesifik saya mengenai sama ada kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk melancarkan kempen besar-besaran untuk meningkatkan jumlah pengguna Internet di Malaysia untuk menyediakan rakyat kita menghadapi era maklumat dalam alaf baru, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar berkata bahawa 'kempen penjualan secara besar-besaran akan dilakukan pada bulan Mei 1997 iaitu sebaik sahaja pemasangan litar suwa (leaseline) 45 mbps (mega bit per second) di antara Malaysia dan Amerika dikemaskinikan'.

Kini bulan Mei tiba dan lepas, litar suwa 45 mbps di antara Malaysia dan Amerika telah pun dikemaskinikan, tetapi di manakah kempen besar-besaran untuk mempromosikan kadar penggunaan Internet yang lebih besar di kalangan rakyat Malaysia supaya rakyat Malaysia akan berupaya mendapat manfaat sepenuhnya dari MSC?

Bulan lepas, Kerajaan Singapura mengumumkan bahawa ia akan mengagihkan sejumlah S\$2 bilion (RM3.5 bilion) untuk membentuk satu program demi meningkatkan kadar kecelikan komputer di kalangan populasi rakyatnya. Ini adalah untuk memastikan bahawa setiap budak dalam sekolah akan mendapat akses ke komputer dalam tempoh lima tahun ini.

Singapura sebenarnya adalah merupakan salah sebuah negara yang memiliki kadar kecelikan komputer tertinggi di dunia masa kini, tetapi ia masih menyedari bahawa kelebihan ini adalah tidak mencukupi baginya menghadapi cabaran masa depan dan ia hendak mencapai kecelikan komputer yang setinggi di Amerika Syarikat. Mengapakah kita di Malaysia ini pula yang ketinggalan di belakang dalam segi menggalakkan promosi kecelikan komputer di kalangan rakyat kita, sungguhpun kita bercita-cita hendak melonjak ke Era Maklumat melalui MSC?

Selaras dengan tanggungjawab-tanggungjawabnya yang lain untuk memastikan bahawa Malaysia akan melonjak ke era digital, Multimedia Development Corporation haruslah melibatkan diri sepenuhnya di dalam kempen kebangsaan demi meningkatkan kadar kecelikan IT di kalangan rakyat kita supaya MSC benar-benar merupakan suatu hadiah untuk rakyat Malaysia dan bukannya hanya terhad untuk masyarakat dunia.

Multimedia Development Corporation mempunyai piagam kuasa dan tanggungjawab yang luas, antaranya:

- (i) menjadi pemasar serta pendidikan eksklusif mengenai MSC dan aplikasi laksamana untuk syarikat-syarikat dalam dan luar negeri yang diberi kuasa tunggal menggunakan perkataan-perkataan 'Multimedia Super Corridor' dan 'IT City';

- (ii) membentuk dan memberikan status 'MSC' secara eksklusif kepada syarikat-syarikat dan 'Designation Cybercity' kepada para pemaju;
- (iii) memberikan insentif kepada syarikat-syarikat, antaranya yuran levi dan/ataupun ekuiti yang diperlukan dari para pemaju;
- (iv) mengendalikan dan memberikan kontrak-kontrak teknologi kepada syarikat-syarikat sasaran serta bantuan R&D kepada syarikat-syarikat Industri Kecil dan Sederhana Malaysia;
- (v) menyelia pembangunan pantas IT city dan merangka garis-garis panduan untuk provisi pengezonan dan pihak-pihak berkuasa tempatan di dalam MSC;
- (vi) menawarkan kelulusan 'fast-track MSC' untuk semua permit, pengecualian, lesen atau autoriti-autoriti yang diperlukan oleh syarikat-syarikat MSC, berdasarkan proses gitaran empat minggu untuk dimulakan oleh semua agensi-agensi yang berkenaan; dan
- (vii) menarik perhatian, membangunkan dan mengekalkan profesional-profesional Malaysia dan luar negeri yang luar

biasa untuk MDC menerusi pakej pampasan antarabangsa dan budaya penyokong serta pertumpuan pelanggan.

Bagaimanapun, MDC haruslah lebih sedar bahawa sekiranya ia ingin melaksanakan dan memenuhi piagam kuasa dan tanggungjawab yang luas ini, maka sekatan-sekatan yang menghalang syarikat-syarikat multimedia dan IT tempatan serta antarabangsa harus diatasi dahulu.

Sungguhpun isu-isu kritikal yang dilihat sebagai sekatan utama bagi pelaburan di MSC menerusi pengumpulan 50 kaji selidik dengan syarikat-syarikat tempatan agak berbeza dari 50 kaji selidik di luar negeri, tetapi hasil kajian-kajian ini juga memiliki persamaan mereka.

Sebagai contohnya, isu-isu kritikal yang dianggap sebagai sekatan-sekatan (barriers) terhadap kejayaan MSC yang terletak tinggi di dalam temu duga tempatan adalah:

- (i) kekurangan tenaga mahir;
- (ii) kewujudan serta kualiti telekomunikasi;
- (iii) akses terhad para pakar;
- (iv) penapisan (censorship);
- (v) dasar bumiputera;
- (vi) kebolehan pelaksanaan; dan
- (vii) persekitaran yang tidak mengalu-alukan.

Dalam temu duga di luar negeri, isu-isu kritikal yang dianggap sebagai sekatan kepada kejayaan MSC adalah:

- (i) kewujudan serta kualiti telekomunikasi;
- (ii) kekurangan tenaga mahir;
- (iii) dasar bumiputera;
- (iv) hubungan udara yang lemah;
- (v) rasuah;
- (vi) had pemilikan asing;
- (vii) persekitaran yang tidak mengalu-alukan;
- (viii) cetak rompak harta intelektual; dan
- (ix) penapisan.

Memandangkan MDC dibentuk khas untuk menjayakan Multimedia Super Corridor, maka ia harus mengambil perhatian bukan sahaja dalam kerja membentuk piawai untuk infrastruktur maklumat serta pembangunan bandar MSC, ia juga harus berdiri di baris depan untuk menangani dan menyelesaikan isu-isu serta sekatan-sekatan kritikal yang menghalang penyertaan sepenuhnya syarikat-syarikat multimedia/IT tempatan dan asing di MSC.

Semalam, sebaik sahaja pulang dari 'cuti kerja' dua bulannya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi amaran bahawa mereka yang diberi 'seberapa banyak juga kuasa' untuk menguatkuasakan perkara-perkara agama

tidak harus menyalahgunakannya, kerana ini akan memberikan imej buruk terhadap Islam.

Sebenarnya perkara yang disebut itu juga telah turut memburukkan imej negara serta MSC. Saya pasti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah tersinggung oleh publisiti antarabangsa buruk yang berbangkit dari penangkapan serta pendakwaan tiga orang peserta pertunjukan ratu cantik semasa beliau menjalani promosi MSC antarabangsa, kerana sebagaimana yang diperkatakan oleh All Women's Action Society, Association of Women Lawyers, Sisters in Islam serta Women's Aid Organisation dalam kenyataan bersama mereka yang bertarikh 3 Julai 1997, dengan izin:

“The way the arrest was carried out by the Selangor Religious Department (JAIS) officials contradicts the principles of justice in Islam. It appeared that the officials bought tickets to the show, witnessed the whole proceedings and then at the crowning ceremony went on stage to arrest the three Muslim participants and handcuffed them in full view of the entire audience. Is this the Islamic way of upholding morality - by subjecting people to public humiliation? Islam advocates fairness, justice and the preservation of human dignity at all times.....”

“We are concerned with the arbitrariness with which the law has been implemented, since it can lead to selective prosecution and victimisation.....”

“Furthermore, in our effort to forge national unity in a multi-ethnic society, imposing different sets of rules for Muslims and non-Muslims are divisive and unhealthy as they will increasingly lead to the creation of two separate societies in one nation.....”

Salah satu selling point MSC sebagai ‘jambatan global’ ke alaf baru adalah budaya yang kaya serta tamadun yang pelbagai di Malaysia, di mana ia boleh digunakan bukan sebagai tapak percubaan (test bed) besar pertempuran tamadun (clash of civilisation) tetapi sebagai tapak perniagaan yang ‘benar-benar antarabangsa’ bukan sahaja dapat mengelakkan sebarang pertempuran bentuk lama, tetapi sebaliknya dapat menggalakkan penumpuan orang dan agama yang lebih berhasil.

Ini bukan sahaja suatu wawasan MSC, malah juga wawasan sedunia yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya di Imperial College di London dalam bulan Mei, tetapi apa yang dilakukan nampaknya telah dirosakkan oleh publisiti antarabangsa yang buruk hasil dari penangkapan serta pendakwaan peserta pertunjukan ratu cantik Muslim.

Satu lagi isu yang pasti merosakkan kerja-kerja promosi Perdana Menteri di United Kingdom, Eropah dan Jepun baru-baru ini adalah cara Menteri Kesihatan mengendalikan epidemik viral maut yang membawa kepada kematian 31 bayi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dalam peringkat Jawatankuasa ini saya tidak nampak ada kaitannya dengan Maksud B.30.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, ini mengenai MSC. Ini untuk memulakan projek MSC.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap. Kita tahu tetapi perkara itu jauh. Dalam peringkat Jawatankuasa ini, Yang Berhormat, kita kena.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya dengan pendek dan untuk debat mengenai faktor-faktor yang akan gagalkan MSC dan akan gagalkan peruntukan RM30 juta, itu sahaja.

Semalam, Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengaku kalah dalam percubaan mengenal pasti virus maut sungguhpun pada 9 Jun, beliau sendiri yang memberitahu dunia bahawa Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti Coxsackie Virus B sebagai virus maut yang terlibat. Ini telah dengan seriusnya menjejaskan reputasi pakar-pakar perubatan Malaysia serta menggoncangkan keyakinan orang ramai, sama ada dalam mahupun luar negeri, terhadap

pengurusan krisis epidemik pihak berkuasa kita dan membawa akibat buruk ke atas promosi Multimedia Super Corridor yang tidak kira sempadan negara.

Saya percaya rasuah, yang diletak sebagai salah satu isu kritikal yang dianggap oleh syarikat-syarikat multimedia dan IT antarabangsa sebagai sekatan bagi kejayaan MSC, merupakan satu lagi isu yang merosakkan usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam promosi Multimedia Super Corridornya baru-baru ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga terpaksa menangani isu rasuah dalam lawatan-lawatan luar negerinya sebelum ini, tetapi publisiti mengenai rasuah kebelakangan ini adalah positif. Ini jelas menunjukkan kerajaan pada akhirnya mula serius dalam usaha memerangi rasuah dan cuba mendapatkan sokongan dan penyertaan masyarakat madani di dalam kempen membanteras rasuah.

Pada hari Isnin, saya telah membangkitkan soal ketidakhadiran Peguam Negara di Persidangan Konsensus Memerangi Rasuah pada hari Sabtu lepas sungguhpun beliau telah dijemput sebagai salah seorang panelis, kerana kejadian ini membangkitkan persoalan yang membingungkan iaitu sama ada Ketua Pegawai Undang-undang negara ini menyokong atau tidak perang segenap penjuru membanteras rasuah.

Saya telah menerima sepucuk surat penjelasan dari Peguam Negara yang menjelaskan bahawa beliau telah bercuti dan berada di luar negara dari 16 Jun hingga 14 Julai 1997, dan bahawa beliau pertama kali diberitahu mengenai

persidangan ini apabila beliau pulang bertugas. Beliau memeriksa dan diberitahu bahawa belum ada sebarang surat jemputan ke persidangan ini yang diterima oleh pejabatnya.

Pada 15 Julai, apabila beliau terbaca di *New Straits Times* komen Pengerusi Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan, Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa Peguam Negara belum lagi pasti akan hadir, dan apabila beliau diberitahu bahawa surat jemputan masih belum diterima, maka beliau mengarahkan Pegawai Khasnya, Encik Tun Abdul Majid bin Tun Hamzah, untuk menghubungi penganjur persidangan untuk mendapatkan jemputan dan butir-butir mengenai persidangan berkenaan.

Pada 16 Julai, beliau fakskan jawapan kepada penganjur persidangan menyatakan bahawa beliau tidak dapat menghadiri persidangan ini sebagai salah seorang panelis atas tajuk “Penghapusan Rasuah - Jalan Di Hadapan” kerana beliau ada urusan lain yang telah diatur terlebih awal.

Saya berterima kasih kepada Peguam Negara yang menjelaskan bahawa beliau tidak pernah berlakuan tidak sopan dengan tidak mengendahkan jemputan sehingga menyebabkan persidangan ini ditunda untuk menunggu kehadiran beliau, kerana tidak tahu sama ada beliau akan hadir atau tidak. Bagaimanapun, sekiranya Peguam Negara sendiri tidak dapat menghadirkan diri di persidangan yang begitu penting ini, atas sebab sudah ada urusan lain yang diatur terlebih awal, beliau seharusnya dapat menghantar seorang pegawai atasan sebagai wakil.

Saya tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku yang menyebabkan penganjur persidangan tidak tahu bahawa Peguam Negara tidak akan hadir...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya mintalah.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta maaf, belum habis, oleh kerana isu ini ada dibangkit dalam Dewan untuk hadir kepada Peguam Negara.

Saya meminta maaf atas sebarang inferens mengenai ketidakhadirannya, tetapi saya ingin mengulangi di sini bahawa perang membanteras rasuah sebenarnya berbalik kepada isu ketulusan dan akauntabiliti dalam kerajaan, yang mana merupakan antitesis rasuah dan bahawa Peguam Negara harus membina teladan yang baik dalam segi ketulusan dan akauntabiliti demi memulihkan keyakinan orang ramai terhadap keadilan dan kesusabahan pejabatnya, khasnya atas isu besar berkaitan dengan pendakwaan pilih kasih. Akhirnya mengenai isu ini, kedaulatan undang-undang memerlukan pendakwaan bagi pihak negara dilakukan secara adil dan munasabah, dan supaya pendakwaraya melakukan tugas-tugas profesional mereka secara berketulusan serta bebas. Dan adakah Peguam Negara bersedia untuk mengadakan satu perjumpaan dengan para Ahli Parlimen untuk membincangkan aspek penting mengenai akauntabiliti dan ketulusan pejabat beliau yang sudah pasti merupakan salah satu isu yang dikhuatiri oleh mereka yang berhasrat melabur di Multimedia Super Corridor.

Menurut buku kecil "*An Invitation to Malaysia's MSC - Leading Asia's Information Age*", yang dikeluarkan oleh MDC, salah satu dari fungsi MDC

adalah untuk membentuk undang-undang khas Multimedia Super Corridor. Malam semalam, Jawatankuasa IT Parlimen telah menganjurkan dua perbincangan, antaranya tajuk mengenai "*Perlindungan Data*" oleh Merlynna Hashim dan satu lagi mengenai "*Jenayah dan Perniagaan Siber*" oleh William J. Marlow. Di sini, saya menyeru supaya MDC dan kerajaan memberikan keutamaan ke atas kerja penggubalan Akta Perlindungan Data untuk mengawal selia pemprosesan data komputer atau elektronik demi melindungi hak kerahsiaan rakyat Malaysia. Dengan bertambahnya kesan pengkomputeran di masyarakat kita, rakyat Malaysia berpotensi diawasi, diperhati, dirakam video ataupun dikawal secara digital hampir sepanjang masa bertugas mereka di mana maklumat-maklumat peribadi mereka juga terdedah secara lebih meluas kepada kegiatan perdagangan dan disalahgunakan oleh orang-orang kerajaan seta bukan kerajaan.

Dalam mesyuarat Parlimen yang lepas, saya pernah menyeru supaya digubal satu Akta Perlindungan Data, dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah menjawab bahawa satu jawatankuasa kerajaan khas telah ditubuh untuk menangani soal ini. Bolehkah Parlimen diberitahu tentang kemajuan kajian ini dan sama ada kerajaan bersedia menggubal Akta Perlindungan Data?

Multimedia Development Corporation mempunyai tanggungjawab untuk menarik, memupuk dan mengekalkan profesional-profesional Malaysia dan asing yang berkebolehan khas untuk MDC, menerusi pekej pampasan

antarabangsa serta budaya menyokong, bertumpuan pelanggan. Semalam, *Asia Wall Street Journal* menerbitkan satu dari dua siri artikel mengenai “*Developing Asia’s Brainpower*” di bawah tajuk “*Malaysian Abroad Hear Call of the Wired - But Their Hesitations Offer Reality Check for a Virtual Silicon Valley*”. Artikel berkenaan menceritakan bagaimana rakyat Malaysia yang inventif dan berjaya yang telah berjaya dalam industri perisian di United States, seperti Shahril Ibrahim, yang dihuraikan sebagai high-technology whiz kid, berbelah bagi tentang keputusan sama ada hendak balik ke tanah air sendiri untuk berkhidmat di Multimedia Super Corridor. Shahril telah berjaya mencatatkan namanya di sekitar Hollywood dan kini menjawat jawatan ketua kajian digital effect di Boss Film Studios, terlibat dalam filem-filem big budget seperti “*Multiplicity*” dan science fiction thriller “*Species*”.

Sebagaimana yang diakui oleh Shahril dalam artikel *Asia Walls Street Journal*, cabaran terbesar untuk MSC adalah kekurangan kepakaran manusia dan bakat. Shahril mendapati bahawa pemuda-pemuda Malaysia yang terlalu mematuhi arahan (conformist) dan selama ini diajar supaya lulus peperiksaan menerusi pembelajaran atau route memory perlu di’untaught’. Kini mungkin ada lebih dari 100,000 profesional Malaysia yang telah berhijrah ke US, Kanada, Australia dan New Zealand sejak tahun 1970-an dan angka ini tidak termasuk orang-orang seperti Shahril yang hanya keluar untuk belajar, tetapi akhirnya mengambil keputusan untuk turut menetap di negara-negara asing.

Apakah strategi Multimedia Development Corporation (MDC) untuk menarik balik rakyat Malaysia yang berkebolehan khas ini yang mengalir keluar dari negara kita beberapa dekad ini yang sepastinya dapat menyumbang ke arah menjayakan Multimedia Super Corridor. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kluang
4.56 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana beri peluang kepada saya untuk membahas bagi Maksud B.30 untuk wang tambahan sebanyak RM30 juta sebagai pinjaman kepada Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDC) bagi memulakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC). Saya tidak ingin mengambil masa yang panjang. Cuma saya ingin mengemukakan beberapa perkara untuk menarik perhatian pihak kerajaan dan MDC khususnya tentang projek MSC.

Tuan Pengerusi Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC) merupakan satu usaha kerajaan dalam memberikan ruang kepada syarikat-syarikat membangun ataupun menggunakan teknologi multimedia di kawasan ini. Seperti kita sedia maklum, Multimedia Development Corporation Berhad (MDC) diwujudkan bagi memastikan kejayaan MSC. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada MDC yang dapat memainkan peranan yang penting dalam projek MSC. MDC juga adalah sebuah perbadanan yang unik,

berorientasikan pencapaian dan memberikan tumpuan kepada pelanggan serta memiliki kuasa pelaksanaan yang perlu bagi memenuhi kehendak setiap syarikat yang berminat menjadi ahli MSC.

Multimedia Development Corporation juga merupakan one-stock-supershop, dengan izin, yang akan memberikan tumpuan yang sepenuhnya ke arah kejayaan MSC dan syarikat-syarikat di dalamnya. Maka MDC memang memikul tanggungjawab yang cukup penting. Kita boleh mengatakan bahawa MDC adalah penggerak dan penyumbang kepada syarikat-syarikat yang memilih untuk beroperasi di MSC.

Tuan Pengerusi, bagi melicinkan pembangunan MSC, Kerajaan Malaysia telah mensasarkan tujuh aplikasi multimedia untuk dibangunkan menjelang tahun 2000. Aplikasi ini antaranya ialah:

- (i) Kerajaan elektronik;
- (ii) Teleperubatan;
- (iii) Sekolah pintar;
- (iv) Kad pintar;
- (v) Kelompok R&D;
- (vi) Worldwide manufacturing wab; dan
- (vii) Pusat pasaran tanpa sempadan.

Jadi, sejauh manakah kita sudah bersedia untuk menerima cabaran ini. Di sini, saya ingin mengemukakan beberapa perkara supaya MDC dapat

mengambil perhatian tentang projek MSC. Yang pertama, tentang tenaga kerja dalam MDC. Saya ingin tahu berapa orang pegawai dan pakar bidang IT termasuk pakar dari luar negara yang berkhidmat di MDC, dan sejauh manakah ia cukup dan mampu memikul tanggungjawab yang berat ini.

Soalan yang kedua, walaupun kita dengar lebih kurang 1,000 syarikat yang minat untuk melabur di MSC, dan saya ingin tahu berapa syarikat tempatan ataupun syarikat negara asing ataupun syarikat yang dapat joint venture yang sudah memohon secara rasmi kepada MDC. Dan antara syarikat-syarikat ini, beberapa syarikat telah pun diluluskan dan berapa syarikat telah ditolak dan apa sebab penolakan ini?

Soalan yang ketiga, Tuan Pengerusi, tentang efisiensi. Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. telah pun memberi jaminan 30 hari untuk proses permohonan, dan selain daripada memberi khidmat nasihat kepada syarikat sepanjang proses pemberian, sama ada Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. sanggup berbuat demikian yang dikatakan janji 30 hari untuk pemprosesan ini.

Soalan yang keempat, kerajaan kita telah pun memberi banyak insentif dan keistimewaan kepada syarikat-syarikat negara asing yang dapat melabur di MSC seperti mereka beroperasi tanpa cukai bagi tempoh sehingga 10 tahun atau menikmati pengecualian cukai pelaburan 100% di samping lain-lain

insentif dan faedah yang disokong oleh bill of guarantee Kerajaan Malaysia dan sebagainya.

Usaha kerajaan berbuat demikian adalah dengan harapan supaya ada pemindahan teknologi ataupun transfer of technology kepada syarikat tempatan. Jadi, sejauh manakah kita boleh memastikan bahawa pemindahan teknologi ini akan dijalankan dalam projek MSC? Adakah pihak kerajaan ataupun MDC menggalakkan supaya syarikat tempatan dan syarikat negara asing dapat joint venture supaya pemindahan teknologi ini lebih mudah dijalankan dalam projek MSC ini?

Tuan Pengerusi, itulah beberapa perkara yang saya ingin tahu dalam perbahasan dalam Dewan ini, dan saya meminta penjelasan daripada pihak kementerian supaya perkara-perkara yang saya sampaikan ini dapat satu jawapan yang jelas. Dengan ini saya minta menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Di belakang, Seremban.

4.48 ptg.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan banyak terima kasih. Saya juga ingin sentuh sedikit tentang Maksud P.30. saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah mewujudkan MDC untuk memajukan Multimedia Super Corridor. Apa yang penting sekarang ialah bagaimana melalui program ini rakyat Malaysia boleh dapat manfaat daripada

projek ini. Khususnya saya hendak tanya ialah bilangan rakyat Malaysia yang mempunyai akses dengan komputer, atau lain kata computer penetration rate, dengan izin. Sebab baru-baru ini dalam satu majlis Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa celik komputer bagi golongan umur di antara 10 hingga 14 cuma 12% sahaja, dan bagi umur 15 hingga 24 ialah 24% yang mempunyai akses dengan komputer.

Kalau kita lihat ini memang rasa satu masalah di samping memajukan MSC ini, tetapi di samping itu rakyat Malaysia tidak dapat akses dengan komputer. Oleh kerana itu, saya minta penjelasan apa cadangan atau apa rancangan yang telah disusun untuk meningkatkan computer penetration. Atau sama ada pihak MDC telah membuat satu kajian apakah computer penetration rate yang sedia ada. Kalau tidak silap saya memang negara kita ini masih dalam satu tahap yang tidak memuaskan, yang perlulah banyak usaha untuk meningkatkan celik komputer ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan untuk memberi peluang kepada rakyat supaya dapat akses kepada komputer, setiap perpustakaan diberikan komputer. Ini akan memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia yang menggunakan perpustakaan dapatlah akses dengan komputer. Jadi, inilah satu cara dapat meningkatkan.

Tuan Pengerusi, lagi satu pandangan saya mengenai perkara ini ialah tentang Internet user atau pengguna Internet. Sekarang ini adalah lebih kurang

300,000 pengguna Internet, dan bilangan ini patut dipertingkatkan. Saya juga bercadang supaya bagi persatuan-persatuan belia, pihak kerajaan haruslah memberikan kemudahan Internet kepada persatuan-persatuan ini. Di situlah pemuda-pemudi dapat menggunakan Internetnya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menyatakan bahawa kerajaan tidak mampu untuk membekalkan komputer kepada 8,500 sekolah yang sedia ada di negara kita ini. Memang ini merupakan satu bilangan yang agak besar. Kalau kerajaan tidak mampu memberikan komputernya, apa salahnya kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat swasta atau perseorangan supaya menyumbangkan komputernya kepada sekolah-sekolah ini dengan memberikan galakan supaya boleh berbuat demikian dan memberikan potongan cukai pendapatan.

Jadi, dengan cara ini mungkin ini akan menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat atau perseorangan akan tampil ke hadapan untuk membantu menyumbangkan komputer dan baru-baru ini pihak MCA dan juga beberapa persatuan telah memulakan satu projek untuk mengutip komputer-komputer lama. Komputer-komputer lama ini dikumpulkan dan lepas itu komputer akan di'modified' atau di'upgrade'kan, lepas itu kita akan hantar kepada sekolah. Jadi, inilah satu cara yang saya rasa boleh mencepatkan supaya sekolah-sekolah ini dapat komputer.

Tuan Pengerusi, inilah beberapa pandangan yang saya ada tentang MDC ini dan saya juga ingin bertanya siapakah yang bertanggungjawab untuk memajukan dan meningkatkan celik komputer, pihak Kementerian Pendidikan atau Telekom atau lain-lain kementerian. Di sini pun tidak tercatat dan saya rasa tidak ada kementerian yang telah diberikan tanggungjawab khususnya untuk meningkatkan computer penetration rate, dengan izin.

Jadi, dengan kata-kata ini, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya juga menyokong maksud ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Mertajam.

5.02 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, saya pun ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun yang memberikan RM30 juta kepada Multimedia Development Corporation Sdn. Berhad sebagai loan, pinjaman bagi memulakan projek MSC.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang menjadi pinjaman ini adalah satu amaun besar, jadi, saya berharap peruntukan ini boleh digunakan untuk manfaat pembangunan syarikat-syarikat yang bercorak komputer dan multimedia supaya syarikat-syarikat tempatan dapat dibangunkan sampai taraf dunia.

Kita tidak ingin melihat arena Multimedia Super Corridor itu dikuasai ataupun dipengaruhi hanya oleh syarikat-syarikat yang besar-besar seperti Microsoft dan sebagainya. Kita mahu melihat pemindahan teknologi dan juga rangkaian-rangkaian seperti Internet profesionalisme kepada bahagian pengusaha-pengusaha daripada Malaysia.

Tuan Pengerusi, apabila kita belanja amaun yang besar ini dalam MSC ataupun MDC ini, kita ingin juga melihat perkembangan satu kerajaan tanpa kertas ataupun 'the paperless government' dan dalam konteks ini saya harap jabatan-jabatan kerajaan boleh mempercepatkan semua jenis permohonan.

Pada masa sekarang kita sebagai Ahli-ahli Parlimen selalu menerima aduan-aduan daripada orang awam berkaitan dengan betapa lamanya sesuatu permohonan ataupun sesuatu prosedur yang diambil masa panjang sebelum sebarang jawapan didapati daripada kerajaan dan contoh yang jelas sekali adalah permohonan kewarganegaraan, permohonan permit teksi, permit lori, permohonan permit perniagaan dan juga permohonan kontrak-kontrak kerajaan.

Saya berharap selapas MSC ini dibangunkan melalui peruntukan ini, kita boleh melihat satu proses permohonan tanpa kertas. Jadi, kita harap borang-borang permohonan itu boleh didownload, dengan izin, daripada terminal-terminal komputer yang ada access kepada Internet ataupun apa-apa 'net' yang kerajaan kita akan adakan pada masa itu.

Kita tidak mahu melihat seseorang pemohon permit lori itu, katakan dia berasal dari Pulau Pinang, dia perlu pergi ke Sungai Petani ataupun pergi ke Ipoh, pergi ke KL untuk mendapatkan borang itu sahaja. Kemudian bila dia mengemukakan permohonannya, dia mesti melawat Kuala Lumpur sekali lagi dan sebagainya.

Setiap kali dia akan melibatkan perbelanjaan perjalanan dan sebagainya dan oleh kerana proses permohonan itu sangat susah, nampaknya proses itu sendiri menggalakkan rasuah dalam jabatan-jabatan kerajaan. Jikalau semua permohonan itu boleh disalurkan melalui Internet atau rangkaian-rangkaian yang tertentu dan jawapan boleh didapati dengan serta merta dalam beberapa hari, beberapa bulan katakan. Kita akan melihat satu keadaan di mana faktor rasuah itu akan dapat dikurangkan kerana inteferance manusia akan dikurangkan.

Saya harap dengan paperless government itu, dengan izin, kita dapat juga merekodkan permohonan-permohonan itu dengan lebih tersusun dalam rangkaian komputer kita dan kita akan adakan satu sistem mempertimbangkan permohonan-permohonan melalui sistem komputer kita di mana ada kriteria-kriteria tertentu yang sudah di input ke dalam komputer.

Jadi, dengan cara itu sistem mempertimbangkan permohonan-permohonan akan dibuat dengan lebih adil dan lebih cepat, lebih selaras antara semua pemohon-pemohon.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang ini kita pun mesti berwaspada berkaitan dengan pembangunan industri yang tidak sihat, yang didapati di antara industri komputer, antaranya ada satu alat permainan yang dipanggil 'cyber pet' ataupun 'Tamagotchi' daripada Jepun. Tamagotchi itu adalah satu jenis permainan yang sudah pun menjadi sangat popular di Asia dan satu kilang membuat Tamagotchi itu sudah dibina di Fuchien, China untuk menghasilkan lebih kurang 40 juta alat permainan ini dalam satu bulan dan harganya adalah tinggi juga dan masanya untuk kanak-kanak ataupun budak-budak ataupun orang dewasa yang membela ayam melalui alat cyber pet Tamagotchi ini adalah sangat-sangat besar, ada yang tinggalkan kerja mereka, ada yang tinggalkan buku teks mereka, ada yang tinggalkan kerja rumah mereka, hanya untuk menjaga ayam dalam cyber pet itu ataupun yang dipanggil Tamagotchi itu.

Walaupun pembuat alat permainan itu iaitu Syarikat Bandai dari Jepun katakan ini adalah alat yang sangat cerdas, alat yang menjadi educational yang boleh mengajar budak-budak sekolah terutama sekali budak-budak di sekolah rendah belajar macam mana response, macam mana tekan butang ini, butang itu, mengajar mereka segala teknik untuk mengendalikan sebuah komputer yang kecil.

Tetapi masa yang digunakan untuk menjaga alat ini adalah sangat besar berbanding dengan masa untuk belajar buku-buku teks dan sebagainya dan oleh

kerana itu, Korea Selatan adalah sebuah negara yang sudah pun mengharamkan alat permainan Tamagotchi itu. Saya harap negara kita pun boleh mempertimbangkan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengehendkan penjualan alat permainan Tamagotchi itu supaya budak-budak sekolah kita, pelajar-pelajar kolej, pelajar-pelajar universiti dan pekerja-pekerja di pejabat-pejabat tidak dipengaruhi oleh alat Tamagotchi sampai kecekapan kita itu akan turun kerana kita membazirkan masa bermain-mainkan alat cyber pet itu.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap Kementerian Pendidikan boleh mengambil tindakan yang cepat untuk melengkapkan semua sekolah menengah dengan komputer yang mencukupi supaya kelas-kelas komputer dapat dijalankan.

Saya difahami bahawa kementerian sudah pun mula mata pelajaran komputer untuk STPM di sekolah menengah atas, oleh kerana mata pelajaran baru itu sudah diperkenalkan untuk Tingkatan 6 Atas menghadapi peperiksaan STPM, saya berharaplah kerajaan boleh mengambil langkah-langkah susulan untuk memulakan kursus komputer untuk budak-budak sekolah Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 terutama sekali untuk SPM juga dan lama-lama kita akan adakan kursus untuk PMR, untuk SPM, untuk STPM kemudian untuk kolej undergraduate dan sebagainya sebagai satu satu sistem yang penuh daripada Tingkatan 1 hingga universiti.

Pada semua peringkat, kita pun mesti mengajar komputer satu langkah demi satu langkah sehingga kita boleh menjanakan lebih ramai graduate yang berkemahiran komputer untuk menghadapi cabaran sains, teknologi, kejuruteraan selaras dengan Wawasan 2020 menuju ke satu tahap pembangunan pengetahuan teknikal, jurutera dan sebagainya untuk negara kita.

Saya harap Kementerian Pendidikan dapat mengambil langkah-langkah itu supaya satu hari nanti kita boleh nampak keperluan sumber manusia dalam bidang komputer dan teknologi itu boleh didapati antara warganegara-warganegara Malaysia dan kita tidak perlu lagilah memandang ke Barat, memandang ke Jepun atau Amerika Syarikat untuk mendapatkan pakar-pakar komputer.

Jadi, dengan kata-kata itu, saya ucapkan terima kasih dan memohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

5.12 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya hanya ingin menyebut beberapa perkara sahaja kerana ada rakan-rakan lain yang masih ingin berucap.

Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.32 iaitu sebanyak RM30 juta yang dikehendaki sebagai pemberian endowment fund kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Di sini saya harap bahawa pihak kementerian boleh memberikan penjelasan yang lebih terperinci mengenai endowment fund tersebut dan juga dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Saya ingin bertanya apakah langkah yang akan diambil ke atas cadangan bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri membayar faedah kepada pembayar-pembayar cukai yang membayar lebih cukai kepada jabatan tersebut kerana saya rasa dari segi prinsip dan dari segi 'time has money value', saya rasa ini dipersetujui oleh Ahli Yang Berhormat yang tahu tentang asas 'business finance' ini.

Adalah wajar bahawa wang yang disimpan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi pihak pembayar cukai haruslah dikenakan atau dibayar faedah. Kalau tidak, saya rasa ini tidak adil kepada pembayar cukai, lebih-lebih lagi apabila mungkin timbul keadaan di mana cukai ini diminta oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dan kemudian mereka mendapati bahawa jumlah ini terlebih dibayar dan masa untuk membayar balik pun akan memakan masa yang agak panjang.

Oleh sebab itu saya rasa adalah tidak wajar apabila pembayar cukai lewat membayar cukai, mereka dikenakan denda tetapi apabila keadaan berlaku

sebaliknya, Jabatan Hasil Dalam Negeri pula tidak dikenakan apa-apa tindakan. Saya rasa kita harus bersikap konsisten dalam perkara ini kerana kalau kita mendenda pembayar cukai yang membayar lewat kita harus juga memberikan - macam dendalah, kalau kita boleh gunakan denda atau hukuman atau apa istilah tetapi dari segi keadilan, ini harus disumbangkan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri supaya pembayar-pembayar cukai tidak akan berasa bahawa masalah mereka diketepikan sahaja kerana apabila mereka lewat kena denda tetapi Jabatan Hasil Dalam Negeri dapat cukai yang lebih mereka pula terlepas begitu sahaja.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Pada masa yang sama saya juga ingin bertanya tentang siasatan yang dijalankan ke atas beberapa pihak ataupun syarikat yang telah membuat laporan tentang keuntungan mereka, dengan izin, under reporting of profits supaya mereka dapat membayar cukai yang kurang tetapi apabila mereka memohon untuk disenaraikan di dalam BSKL menerusi Suruhanjaya Sekuriti, mereka pula melaporkan keuntungan yang sebenarnya dan saya rasa sungguhpun perkara ini, kalau ada dirujuk pun oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti - dirujuk kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri, saya rasa tidak ada sebarang tindakan keras diambil.

Sungguhpun denda akan dikenakan kerana mereka tidak melaporkan keuntungan yang sebenarnya tetapi dari segi etika dan moral, adalah tidak patut mereka dibenarkan terus disenaraikan dan saya pernah menimbulkan satu

perkara yang berkaitan dengan seorang tauke di Melaka - pemilik bangunan Ramada Hotel yang juga menjadi Pengerusi Dewan Perhimpunan Perniagaan Cina Melaka iaitu Datuk Yeoh Kheng Yap - meminta Jabatan Hasil Dalam Negeri menyiasat Datuk Yeoh Kheng Yap sama ada terlibat atau tidak dalam melarikan cukai dan dalam masa yang sama, sama ada syarikat yang dikaitkan dengan beliau telah melaporkan keuntungan yang kurang tetapi apabila membuat permohonan untuk disenaraikan di dalam BSKL pula telah membuat laporan keuntungan yang sebenarnya supaya dapat diluluskan dengan lebih mudah oleh BSKL. Saya rasa Yang Berhormat tentu tahu tentang perkara ini kerana saya telah rujuk secara - telah sembang dengan dia, saya rasa banyak kali dan sungguhpun begitu saya tidak nampak sebarang tindakan yang diambil.

Kalau saya berani menyebutkan nama pihak yang disyaki melarikan cukai, saya rasa pihak kementerian patut menerima kesediaan saya berani menimbulkan namanya dan memberitahu saya apakah tindakan yang diambil kerana kegiatan mendedahkan nama mereka yang cuba lari daripada membayar cukai adalah satu kegiatan yang amat merbahaya sekali kerana jumlah wang yang terlibat adalah banyak dan oleh yang demikian, saya rasa kalau saya bersedia berbuat demikian tanpa sebarang perlindungan yang diberikan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri ke atas keselamatan saya, saya harap ada tindakan diambil. Kalau tidak, saya rasa kita jangan harap Jabatan Hasil Dalam Negeri boleh harapkan orang awam akan memberikan maklumat kepada mereka

tentang mereka yang cuba lari daripada membayar cukai dan saya rasa itu adalah satu perkara yang amat penting.

Pada masa yang sama saya juga ingin tahu tetapi ini saya hendak isytiharkan bahawa saya tidak ada minat langsunglah tetapi saya ingin tahu sama ada hadiah diberikan kepada mereka yang buat laporan ke atas sesiapa yang lari daripada membayar cukai kerana kalau kita hendak menggalakkan pendedahan maklumat yang lebih lengkap, saya rasa ganjaran harus diberikan kepada pihak yang mendedahkan siapa yang melarikan cukai seperti yang diamalkan oleh Jabatan Kastam. Saya rasa Yang Berhormat tahu bahawa Jabatan Kastam ada satu sistem di mana mereka yang memberikan maklumat tentang sesiapa yang menyeludup barang masuk ke Malaysia dan ditangkap, akan diberikan hadiah. Saya tidak tahu sama ada 10%kah atau apa-apalah tetapi hadiah akan diberikan supaya dapat menggalakkan orang ramai memberikan maklumat dan tidak ada laporan palsu atau tidak ada hukuman ke atas laporan palsu di sini.

Untuk Jabatan Hasil Dalam Negeri, adakah amalan serupa diambil? Dan di sini saya ingin menegaskan bahawa saya tidak hendak mintalah, itu bukan tujuan saya tetapi untuk pihak-pihak lain kerana saya tidak mahu nampak oleh kerana pihak tersebut ialah Pengerusi Dewan Perhimpunan Perniagaan Cina di Melaka, dia terlepas begitu sahaja. Saya tahu saya menyatakan sedemikian, ini bagi kepentingan politik saya tidak baguslah. Saya rasa akan menjejaskan

peluang kepentingan politik parti saya tetapi demi keadilan kita tidak harus semata-mata tengok kepentingan politik sahaja.

Kita tidak harus mengorbankan prinsip kebenaran dan prinsip keadilan demi kepentingan politik dan saya amat kesal sungguhpun pihak kami bersedia membuat pengorbanan sedemikian saya tidak dapat melihat sambutan atau balasan yang serupa oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri. Adakah Jabatan Hasil Dalam Negeri cuba melindungi pihak tersebut? Adakah mereka menjalankan siasatan dengan serius, adakah mereka main-main dalam perkara ini? Kerana saya ingin tahu apabila saya telah membawakan perkara ini berkali-kali selama dua tahun atas risiko keselamatan peribadi saya sendiri dan saya harap Yang Berhormat boleh faham, boleh peka dan sensitif tentang risiko yang saya ambil apabila saya membawa perkara ini kerana tanpa apa-apa perlindungan oleh pihak yang berkenaan.

Kalau kita hendak memastikan semua rakyat membayar cukai khususnya di peringkat besar, saya rasa kita harus menunjukkan bahawa sikap yang sama atau sikap tegas dan serius akan diambil oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dengan mengambil tindakan ke atas peniaga-peniaga besar sama ada mereka digelar Datuk-Datuk atau Tan Sri-Tan Sri. Bukan macam Profesor Dr. Jumu, saya rasa pernah menyatakan kita hanya boleh hapuskan masalah lari daripada membayar cukai atau rasuah apabila Superintenden di Kajang atau di Simpang Rengam memulakan 'assembly'nya waktu pagi hari Isnin dengan

ungkapan seperti berikut “Selamat pagi Tan Sri-Tan Sri dan Datuk-Datuk sekalian”. Saya rasa itulah masalah utama dan kalau tidak, kita tidak akan berjaya menghapuskan sama ada amalan rasuah ataupun masalah melarikan diri daripada membayar cukai.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Batang Lupar.

5.23 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Insya-Allah Tuan Pengerusi saya akan cakap cerita komputer, sudah banyak cerita lain. Saya menyokong pembahagian sebanyak RM30 juta ini. Walaupun banyak tetapi saya hendak tahu juga macam mana ini.

Tuan Pengerusi, kebanyakan syarikat sebagaimana rakan-rakan saya tadi telah sebut yang terlibat dengan Multimedia Super Corridor ini ialah syarikat-syarikat asing yang mempunyai dasar, falsafah, pandangan dan nilai yang asing. Jadi, benda ini mungkin dipandang kecil pada masa sekarang oleh kerana kita mempromosikan Multimedia Super Corridor yang kita hendak laksanakan tetapi kalau kita pandang negara yang liberal, seperti negara Amerika sekarang telah merasa kesan langgaran liberalisasi dalam penggunaan komputer dan Internet. Sampai ke peringkat Mahkamah Agung yang mana didapati apa-apa sahaja tindakan telah dikatakan bercanggah dengan Perlembagaan mereka.

Sekarang Presiden Clinton sendiri pun telah terlibat dengan soalan sejauh manakah benda-benda dalam komputer itu boleh kita halangkan supaya tidak terdedah kepada ramai. Jadi dalam keadaan sedemikian, penglibatan syarikat asing dalam MSC ini sepatutnya dipadukan dengan syarikat-syarikat tempatan agar dasar, falsafah, pandangan dan nilai boleh disemai bersama.

Tuan Pengerusi, dalam kita memajukan ‘computer literacy’, kita perlu mengingatkan latar belakang kemajuan negara Barat yang telah beberapa ratus tahun semenjak daripada ‘industry revolution’ mereka awal abad ke-19. Jadi dalam masa yang sama baru kita melihat industri kita sudah dibuat satu pengalaman baru iaitu pengalaman berkomputer. Jadi, masa kita terdedah ini adalah pendek. Jadi, kadang-kadang dalam keadaan sedemikian, ada mungkin perkara-perkara yang sepatutnya dibuat tidak dibuat. Jadi, kalau kita lupa perkara ini nanti, kita sendiri yang rugi.

Tuan Pengerusi, umpamanya dalam kita meningkatkan ‘computer literacy’ kita, kita sepatutnya jangan terlupa yang komputer ini adalah ‘paperless’ - macam mana kawan saya dari Bukit Mertajam sebut. Jadi, dalam keadaan ‘paperless’, kita tidak payah tulis, tidak payah apa-apa. Jadi kita takut dalam keadaan yang sama budak-budak di sekolah, anak-anak kita dan keseluruhannya negara kita orang tidak suka baca lagi - tidak hendak baca lagi, tidak hendak tulis dan sebagainya. Jadi, dalam kita menjalankan penggalakan meningkatkan ‘computer literacy’ ini kita jangan lupa soalan membaca,

menulis, mengira dan sebagainya kerana kita mesti pandang, ada juga orang mempunyai pandangan dalam kita gila-gilakan perkara macam ini, kita terlupakan perkara-perkara yang basic.

Benda yang basic yang mana asas pembelajaran dan pendidikan negara kita masih bukan sahaja mungkin di peringkat yang cerdik pandai, peringkat urban - mungkin, tetapi kita pandang keseluruhannya negara. Di luar bandar terutamanya, 'computer literacy' boleh dibuat tetapi macam manakah keadaan pendidikan di luar bandar pada masa sekarang? Jadi, penyelarasan dan keseimbangan mestilah dibuat.

Dalam kita mengagihkan peruntukan yang besar ini - RM30 juta untuk memajukan komputer, memang kita galakkan, memang kita hargakan tindakan kerajaan. Jadi, dalam keadaan yang sama, mungkin ada segelintir masyarakat kita yang akan tersepit dalam keadaan revolusi industri dan komputer ini dan mereka terkilau dan terlepas ke belakang. Dalam keadaan sedemikian, sebelum perkara itu berlaku kita mesti pandang-pandang masyarakat kita terutama sekali bumiputera di luar bandar yang akan mendapat padahnya nanti.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang saya juga memang minat soalan komputer ini, bahkan anak saya mula-mula hendak ambil peguam saya kata jangan - peguam ini tidak guna lagi - saya suruh dia ambil perkara lain hal komputer. Jadi, Dato' daripada Kementerian Kewangan itu tahu anak saya belajar di universiti sama dengan anak dia. Itu dia ketawa, Tuan Pengerusi.

Jadi, sebab orang semua sudah hentam peguam, kita tidak mahulah anak kita kena bagi macam itu. [*Disampuk*] [*Ketawa*] Jadi, banyak kawan cerita hal peguam, Tuan Pengerusi. Nantilah, tunggu-tunggu cerita hal peguam nanti. [*Disampuk*] Peguam Larut kata peguam undang-undang mesti penting. Penting! Tuan Pengerusi, memang saya percaya perundangan penting, soalan komputer pun perundangan penting.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin haji Mohd.Hassan: Tuan Pengerusi pun peguam. [*Ketawa*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, sebab itulah kepentingan undang-undang kita letakkan Tuan Pengerusi di tempat yang tinggi dan di tempat yang agung, [*Tepuk*] bahkan ada rakan-rakan kita meminta supaya kedudukan Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Negara diletakkan di atas, immediately selepas Perdana Menteri. Jadi, saya memang menyokong cadangan itu, boleh meletakkan orang yang berkaliber, orang yang mempunyai kelulusan macam Tuan Pengerusi.

Tuan Michael Lisa Kaya: Out of topic. [*Ketawa*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Pada masa sekarang, Tuan Pengerusi, provider Internet kita ialah Jaring dan TMnet. Kadang-kadang kita dapati dalam kita memajukan benda ini banyak komputer hardwarenya tetapi net-net kita ini tidak cukup, kita punya Internet, Jaringnet, TMnet, mosquito net yang banyak [*Ketawa*] tetapi net ini tidak cukup. Kadang-kadang

pada satu masa atau satu hari dia kena traffic jam, traffic jam macam di Kuala Lumpur, bila hujan sedikit dia traffic jam. Jadi, yang Jaring dan TMnet ini traffic jam bila-bila masa 'peak hours' dia. Jadi, ada benda penting yang kita hendak buat pada peringkat itu, dia traffic jamlah. Dengan keadaan yang sedemikian, kalau 30,000 line kita beri kepada MSC ini tetapi kalau pihak Jaring, TMnet ini tidak boleh beri laluan (line) yang tertentu, effort kita daripada peringkat lain ini akan tergendala juga oleh kerana akses kita tidak dapat.

Jadi dengan keadaan yang sedemikian, saya berharaplah pihak-pihak yang tertentu seperti Jaring, TMnet dan sebagainya memberikan banyak lagi laluan (line) dan sebagainya supaya kita jangan traffic jam. Kalau 15 minit hujan, kita dapat traffic jam satu jam di Kuala Lumpur. Di sini kalau line banyak sangat orang pakai, semua pegang, kalau tidak ada, dia tidak pegang anak, tidak pegang isteri, tidak pegang siapa-siapa, dia pegang komputer. Jadi, kalau sudah banyak sangat pegang komputer, semua traffic jam. Jadi, bila berlaku traffic jam, Tuan Pengerusi, sama ada dia browsing sahaja, dia main sahaja hendak tengok Hollywood, hendak tengok football, hendak tengok benda, tetapi semua yang penting pun kena traffic jam. Jadi, kita kena lihat yang provider ini, perkhidmatan Jaring, TMnet dan sebagainya mestilah diperbanyakkan supaya jangan kena traffic jam.

Tuan Pengerusi, banyak perkara lain yang telah disebut tadi, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, ada Tomaguchi, macam-macam lagi 'guchi' yang datang nanti. Coxsackie guchi pun mungkin akan sampai. Kalau kita pandang Tomaguchi ini harganya satu antara RM50 hingga RM60, kita belai anak ayam itu daripada telur sampai dia beranak besar, beranak semula. *[Ketawa]* Jadi, kalau kita tidak belai jaga, dia mati macam itu, kelaparan, mati tidak dibelai, mati tidak disayang, mati tidak diberi jagaan. Dalam keadaan menjaga benda ini, orang kita jadi malas. Sudahlah computer is paperless, sudahlah komputer kita tidak payah baca lagi, sudahlah komputer menggunakan satu punch everything keluar, dengan izin. Ini beri lagi satu permainan Tomaguchikah, Coxsackie guchikah, enterovirus guchikah, macam-macam. Jadi, bila benda ini keluar banyak sangat, jadilah semua orang kita tidak pegang lain.

Pada satu ketika dahulu, Tuan Pengerusi, ada keluar satu permainan dikatakan 'computer game' pada tahun 1995 iaitu 'Patman', 'Setman', 'Labuanman' *[Ketawa]*, 'Kuchingman', 'Larutman'. Bila benda itu dimainkan, kadang-kadang budak-budak tidak pandang buku lagi, dia pandang benda ini sahaja. Jadi, sekarang benda ini canggih lagi, belai daripada kecil, dari telur sampai beranak-pinak ayam itu. Jadi, kalau perkara ini berlaku, penciciran masa anak-anak, pelajaran di sekolah tertinggal, keputusan SPM, SRP dan sebagainya semua akan terkandas. Dalam keadaan yang sedemikian, di

samping kita menggalakkan anak-anak kita memahami dan mengetahui komputer, kita jangan lupa cara pendidikan tradisional yang lain.

Ada orang mengatakan, di dalam kita mengkaji komputer, kita mesti kena tahu macam mana benda yang basic, conventional dan traditional dahulu. Oleh kerana kadang-kadang kita mesti kena tahu juga komputer ini, kerana saya pernah bertanya kepada seorang mekanik, ada seorang yang banyak duit, dia beli kereta namanya Lexus, Tuan Pengerusi. Kereta ini enam buah komputer yang jaga satu kereta, canggih betul. Jadi, bila kereta ini dia lupa hendak stop (off) komputer dia, dia tukarkan tayar. Bila dia tukar dan masuk balik tayar, kereta tidak hendak jalan oleh kerana komputer itu tidak 'off' masa dia tukar tayar, semua komputer hi-wire. Dia terpaksa panggil seorang mekanik dari Jepun bawa ke Sarawak supaya memperbaiki kereta ini tadi [*Ketawa*] sebab dia tidak tahu soalan komputer. Kita beli kereta atau benda berkomputer tetapi kita tidak ada orang yang mahir, susah juga. Jadi, kita mengetahui benda-benda komputer, pegang komputer, Tomaguchi, apa guchi lagi ataupun Yamaguchi. Jadi, dalam perkara yang sedemikian, macam mana komputer diapply dengan benda yang ada pada kita mesti kena dipelajari supaya orang kita tidak ketinggalan dalam segala-galanya. Jadi, banyak guchi yang saya keluarkan, saya menyokonglah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong, selepas itu Menteri menjawab.

5.37 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang panjang.

Tuan Pengerusi, menjelang millennium baru, kemasukan zaman Teknologi Maklumat dengan melancarkan Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan satu langkah yang radikal dan seterusnya membuka negara ini kepada dunia luar dan peruntukan ini kepada MDC merupakan salah satu langkah untuk mempertingkatkan keupayaan kita. Dengan perubahan yang besar ini kita perlu membuat persiapan-persiapan yang berterusan. Sambil memberi perhatian yang lebih kepada permasalahan sosio-ekonomi di negara ini, kita mestilah menumpukan tenaga ke atas penyediaan infrastruktur bagi kegunaan perkhidmatan dan pembangunan serta penyelidikan Internet di Malaysia.

Tuan Pengerusi, di Amerika Syarikat dan di negara-negara yang lain, zon bebas cukai bagi Internet akan dilaksanakan tidak lama lagi. Ini kali yang pertama kita mendengar zon bebas cukai (free trade zone) bagi Internet. Ini merupakan satu langkah yang besar yang diambil oleh pihak Amerika Syarikat dan seterusnya akan mempengaruhi rantau Asia dan juga di seluruh dunia.

Tuan Pengerusi, menurut Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bilangan pelanggan Internet di negara ini adalah seramai 110,000 orang dan bilangan pengguna adalah dianggarkan sebanyak 350,000 orang sahaja. Lebih usaha perlulah diadakan untuk menambah bilangan pelanggan dan bilangan

pengguna Internet. Mungkin kita boleh mencapai tahap 200,000 orang pengguna pada akhir tahun ini dan mungkin pada akhir tahun hadapan 500,000 orang. Saya harap itu boleh dicapai.

Menurut kementerian itu juga, MIMOS dan Telekom telah memasang talian P3 dengan kelajuan 45 megabit setiap satu. Ini adalah langkah yang betul. Saya berharap lebih banyak talian seumpama ini dapat dipasangkan. Sepatutnya talian yang boleh menambahkan kelajuan sambungan lagi harus dipasangkan untuk menampung keperluan, kerana saya nampak kelajuan kita walaupun boleh dikatakan sederhana, tidak mencukupi. Saya bukan cybernet, tetapi saya ada gunakan sedikit Internet dan E-mail dan saya nampak kelajuan itu kurang.

Sekarang talian di Malaysia mempunyai jumlah lebar jalur (band width) bagi sambungan antarabangsa 107 megabit. Menurut kementeriannya, kelajuan bagi tulang bekalan rangkaian Internet nasional boleh mencapai tahap 2 megabit sesaat bergantung kepada lokasi. Ini memang tidak mencukupi.

Selain daripada talian dengan kelajuan yang lebih, kerajaan mestilah memperuntukkan sekurang-kurangnya RM500 juta untuk pembangunan dan penyelidikan (P&P) dalam bidang Internet dan perkhidmatan peralatan pakej perisian yang berkaitan. Ini kita perlu adakan lebih banyak peruntukan. Saya nampak walaupun ada usaha tetapi peruntukan untuk P&P ataupun R&D belum mencukupi untuk menampung keperluan pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh dengan singkat mengenai Lembaga Hasil Dalam Negara (LHDN). Pertama, saya nampak pihak LHDN sudah pun ada cadangan ataupun mungkin ada cadangan untuk mengadakan skim faedah ke atas pembayaran balik bagi pembayaran cukai yang lebih. Memang setakat ini tidak ada undang-undang yang memaksa LHDN untuk membayar faedah, cuma bagi pembayar cukai yang lewat membayar, mereka dikenakan denda. Tetapi bagi LHDN sendiri kalau kutipan yang lebih, tidak dikenakan penalti. Ini memang tidak adil. Saya menyeru supaya LHDN mengumumkan skim faedah ke atas pembayaran balik bagi pembayaran cukai yang lebih.

Yang kedua, setakat ini pihak Lembaga memerlukan kes-kes tunggakan penaksiran (backlog of assessment) selama 12 tahun. Ini bermakna tiap-tiap pembayar cukai mesti menyimpan maklumat mengenai percukaiannya selama 12 tahun. Kalau wujudnya masalah kekurangan kakitangan, memang ini wujud, kerana ketika kita hendak melonjak kepada millennium yang baru, salah satu masalah yang serius di negara ini ialah kekurangan tenaga kerja. Dengan kekurangan kakitangan ini memang susah hendak menyimpan dan menyiapkan begitu banyak maklumat selama 12 tahun. Cadangan untuk mengurangkan tempoh bagi kes-kes tunggakan penaksiran dari 12 tahun kepada 6 tahun memang wajar. Saya berharap Lembaga dapat mengambil perhatian mengenai masalah ini.

Akhir sekali, LHDN akan mempertingkatkan keupayaan komputernya, dengan komputer baru, sistem baru. Memang seronok kita menyaksikan komputer-komputer yang canggih yang dipasang di pejabat-pejabat Lembaganya. Saya berharap ini dapat memberi maklumat yang cepat dan lengkap kepada 2.5 juta pembayar cukai di negara ini.

Peningkatan keupayaan komputer adalah diperlukan tetapi ini wajib dilaksanakan dengan berhati-hati. Sekiranya LHDN menggunakan firma swasta untuk menangani maklumat para pembayar cukai, adalah perlu bagi LHDN untuk memperlindung data para pembayar cukai. Dengan data para pembayar cukai dimasukkan dalam komputer dan kalau sistem yang diadakan tidak mempunyai keselamatan yang lengkap, yang ketat, maka sesiapa sahaja boleh mengutip, mencungkil maklumat itu.

Setakat ini lembaga tidak mengumumkan bagaimana sistem kawalan dilaksanakan walaupun ada yang menyebutkan bahawa sekian-sekian pegawai yang dapat akses kepada maklumat ini, tetapi biasanya keranilah yang masuk maklumat ini. Pegawai kanan mana yang gunakan komputer sendiri untuk dapat maklumat. Saya percaya di LHDN biasanya kakitangan yang rendah, kerani yang masuk ke komputer, bukan pegawai kanan. Itulah sebabnya saya menyeru supaya pihak lembaga mempertimbangkan cadangan saya supaya satu sistem perlindungan maklumat para pembayar cukai diwujudkan di dalam lembaga. Yang terbaik sekali ialah kalau kita boleh ada undang-undang

perlindungan data lebih baik lagi. Tetapi sebelum kita membentangkan undang-undang seumpama ini, pihak lembaga perlulah mewujudkan sistem kawalan yang lengkap. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab.

5.02 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Pengerusi, oleh kerana kita ada dua lagi kementerian, sepertimana nasihat Tuan Pengerusi bahawa kita akan menghabiskan pada hari ini juga, terutamanya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan juga Kementerian Kerja Raya yang mempunyai 6 item, saya rasa saya akan menjawab semua pertanyaan-pertanyaan dan keraguan daripada Yang Berhormat tanpa memberi laluan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat dari Tanjong telah mengatakan bagaimanakah rakyat Malaysia boleh mendapat manfaat daripada MSC dan berapa ramaikah rakyat boleh mendapat manfaat daripadanya serta rancangan untuk meningkatkan computer penetration rate. Jadi, kita sekarang mempunyai 7 aplikasi induk yang dirancangkan oleh MSC dan akan memanfaatkan rakyat Malaysia. Contohnya, seperti yang dikatakan hari itu ialah Teleperubatan; perundingan jarak jauh, penduduk luar bandar tidak perlu datang ke pusat perubatan yang jauh, dan pembedahan boleh dibuat

di Malaysia dengan bantuan pakar-pakar di luar negara. Dan lainnya seperti yang dicadangkan hari itu ialah smart school, universiti dan bermacam-macam lagi.

Meningkatkan taraf celik komputer, MSC akan melaksanakan 7 aplikasi yang saya katakan tadi termasuk sekolah bestari. Ini akan meningkatkan lagi taraf celik komputer, di mana dalam perancangan semua sekolah akan dilengkapi dengan komputer dan boleh disambung kepada Internet. Ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Pada ketika ini, kita telah mengadakan syllabus di peringkat universiti. Sekarang ini kita pergi ke peringkat maktab-maktab perguruan dan juga melatih guru-guru di maktab untuk membimbing anak-anak kita, dan di sekolah menengah atas pun ada syllabus komputer dan kita akan turun sampai ke Tingkatan Satu.

Selain daripada itu, kita rasakan banyak program seperti Utusan Melayu, Utusan Malaysia yang mengatakan satu rumah satu komputer dan sebagainya. Apakah strategi MDC untuk menarik balik pakar-pakar yang berada di luar negara bagi menjamin kekayaan dan kesuburan MSC. Di sini, setakat ini sebanyak 40,000 warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara, US, UK, Australia, New Zealand dan sebagainya. Selain daripada MDC kita ada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang mempunyai satu jawatankuasa dan senarai mereka ini akan diberikan kepada ambassador-ambasador, embassy-embassy kita di luar negara, dan kita akan cuba memujuk

pegawai-pegawai kita untuk mempunyai sifat patriotisme untuk balik dan buka perniagaan usahawan untuk membantu Malaysia ke arah wawasan kita.

Setakat manakah kemajuan kajian mengenai Akta Perlindungan Data ini diutarakan. Undang-undang siber yang telah diluluskan ialah Telemedicine, Computer Crime Act, Digital Signature, Amendment Copyright Act, dengan izin. Jadi, yang lain cyber laws ini akan diadakan, digubal dari masa ke semasa.

Untuk menjawab Yang Berhormat dari Kluang berapa bilangan pegawai atau pakar luar negara yang berkhidmat dengan MDC. Untuk menjawab itu, kita ada 75 orang sekarang ini, dengan 3 konsultan; seorang daripada Kanada, 2 daripada Jepun dan seorang lagi akan datang daripada India. Pembelian komputer diberi potongan cukai pendapatan, untuk kali ini kita belum lagi membeli komputer di bawah Akta Cukai Pendapatan 1997 sekarang, tetapi kemungkinan nanti kita tengoklah kalau menjadi realisasi kemungkinan akan dibincangkan nanti dalam dialog-dialog Belanjawan yang sedang kita jalankan.

Banyak Ahli Yang Berhormat telah menyatakan, terutamanya Yang Berhormat dari Kota Melaka menanyakan apakah endowment fund ini digunakan. Jemaah menteri telah meluluskan peruntukan berjumlah sebanyak RM150 juta bagi tujuan membiayai pelaburan oleh MDC dan peruntukan tahunan berjumlah RM40 hingga RM50 juta bagi tujuan operasi untuk tempoh selama 5 tahun. Peruntukan berkenaan adalah untuk membolehkan MDC membangunkan projek Multimedia Super Corridor. Jadi, selaras dengan

peruntukan itu kementerian telah menganggarkan peruntukan sebanyak RM350 juta diperlukan MDC yang meliputi RM150 juta bagi tujuan pelaburan ini. RM200 juta lagi bagi belanja mengurus untuk selama 5 tahun. Bahagian kita, kementerian berpandangan jumlah peruntukan yang akan disediakan kepada MDC ini wajar dikeluarkan dalam bentuk ekuiti dan pinjaman memandangkan MDC ialah sebuah syarikat sendirian berhad yang mampu menjana pendapatan mereka sendiri. Dengan demikian, MDC wajar menampung keperluan kewangan pada masa hadapan secara self-financing.

Jadi, pendahuluan berjumlah RM30 juta pada tahun ini, 1997 diperlukan untuk tujuan memulakan projek MSC, iaitu dengan mengambil pegangan ekuiti sebanyak 10% dalam syarikat Cyberview yang membangunkan projek Cyberjaya nanti. Jumlah RM30 juta ini akan merupakan sebahagian daripada keseluruhan keperluan kewangan sebanyak RM350 juta yang merangkumi suntikan ekuiti dalam Cyberview yang diperkatakan. Memandangkan bayaran kepada pegangan 10% ekuiti dalam syarikat Cyberview perlu dibuat secepat mungkin, maka kementerian memohon mendapatkan pendahuluan sebanyak RM30 juta yang kita bincangkan sekarang.

Tuan Pengerusi, kita mengetahui bahawa MDC ini merupakan satu badan yang cuba dan berupaya untuk merealisasikan visi MSC. Kita tahu daripada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi dan juga Yang Berhormat dari Tanjong serta Yang Berhormat yang lain, Yang

Berhormat dari Bukit Mertajam, Yang Berhormat dari Seremban, ini semua dalam ingatan kita, kita ambil perhatian, dan Yang Berhormat dari Batang Lupar menyatakan tentang bagaimana kita hendak mengimbangkan masa kepada anak-anak kita supaya mereka tidak terpaku dengan komputer Internet sahaja, tetapi mempunyai perseimbangan. Kita juga meminta semua Ahli Yang Berhormat cuba menyebarkan bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar tadi bukannya semua ada di dalam komputer itu, Internet itu bagus, tetapi hendak memulakan satu keinginan dan keinsafan agar dapat mengawal diri kita sendiri.

Mengenai LHDN, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah pun menyatakan sama ada bayaran faedah kepada pembayar cukai yang berlebihan dapat diadakan, juga Yang Berhormat dari Kepong telah menanya perkara ini. Jadi, perkara ini sedang dalam kajian dan kertas kerja telah dikemukakan. Baru-baru ini kita telah pun menyatakan bahawa dahulu kita hendak cuba mengatasi masalah ini, tiap-tiap orang itu kita pulangkan balik wangnya selama tiga bulan. Kalau lebih dari tiga bulan, kita akan berikan faedah. Tetapi sekarang ini satu kertas telah diajukan kepada kementerian supaya dapat kita beri faedah kepada orang yang terlebih bayar. Masalah yang kita hadapi sekarang ini kita ada dua borang, satu borang estimation, anggaran, dan satu borang yang real, yang nyata. Jadi, selalu ada diskriminasi tentang perkara ini.

Tentang Yang Berhormat dari Kepong telah menyatakan bahawa maklumat amat penting dan kerahsiaannya juga amat penting, kementerian saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya dengan adanya komputer-komputer yang akan kita berikan kepada lembaga ini bahawa masalah-masalah kerahsiaan, masalah-masalah pembayaran, masalah-masalah menengokkan ada arrears atau tidak, dapat kita segerakan. Data maklumat pembayar cukai, semua pegawai hanya dibenarkan mengetahui maklumat atas dasar atau need to know basis sahaja. Maknanya, sekarang ini tidak semua orang boleh tahu, dengan menggunakan password sistem keselamatan, dan ini akan dipertingkatkan dalam perancangan pembangunan komputer sekarang. Jadi, Yang Berhormat concern tentang kerahsiaan ini, kita ambil ingatan.

Satu lagi mengenai Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengatakan sama ada hadiah diberi kepada pemberi maklumat pelarian cukai ini, jadi Lembaga Hasil Dalam Negeri sememangnya mempunyai peruntukan untuk memberi hadiah kepada pemberi maklumat. Hadiahnya akan diberi sekiranya maklumat didapati benar dan kutipan cukai kebelakangan ini dapat ditaksirkan. Juga ada Yang Berhormat dari Kota Melaka menanyakan seorang penama daripada Melaka sama ada dia telah pun diambil tindakan. Maknanya, lembaga tidak ada kuasa untuk melaporkan kepada dia. Apa yang dibuat oleh lembaga apabila mendapat sesuatu maklumat, lembaga akan membuat tindakan bersendirian. Jadi, Tuan Pengerusi, sekian sahaja jawapan saya kepada semua

teguran dan pandangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat. Mana yang tidak saya sebutkan tadi, akan kita buat ingatan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM30,000,000 untuk Maksud B.30; dan RM30,000,000 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30,000,000 untuk Maksud B.30; dan RM30,000,000 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Ada Usul, Yang Berhormat.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

5.59 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji

Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1)

Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Usul Anggaran

Pembangunan selesai dibahas dan diputuskan dan selepas itu

Ucapan Penangguhan akan dibuat.”

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'

Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul di atas nama seorang Timbalan Menteri yang menyatakan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Usul Anggaran Pembangunan selesai dibahas dan diputuskan dan selepas itu Ucapan Penangguhan akan dibuat.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

Maksud P.40 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1997] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tidak ada, Yang Berhormat. Ini RM10 token sahaja, tidak ada apa-apa. Duit yang diberi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.40 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1997 di bawah Kementerian Dalam Negeri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1997.

Maksud B.42 [Jadual] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Sila Kota Bharu.

6.00 ptg.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]: Tuan Pengerusi, dalam membahaskan B.42 saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kerana telah menyediakan pelan tindakan pembangunan wanita yang merangkumi cadangan-cadangan landasan bertindak Persidangan Wanita Sedunia ke-4 di Beijing 1995 dan mengambil kira juga beberapa cadangan laporan kajian Asian Development Bank khususnya mengenai HAWA.

Kita sedia maklum bahawa kementerian tersebut bukan sahaja bertanggungjawab di atas pembangunan wanita tetapi turut bertanggungjawab di atas pelbagai perkara, umpamanya masalah kependudukan, kebajikan warga tua yang cacat, daif, miskin, anak yatim, pembangunan Orang Asli, perpaduan rakyat dan lain-lain lagi. Pelan tindakan itu telah diserahkan kepada HAWA yang sekarang ini telah menjadi sebuah jabatan yang terbaru dan terkecil kementerian tersebut dan ia hanya dianggotai oleh 26 orang.

Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak RM5 juta yang dipohonkan kelulusan ialah untuk membiayai beberapa program HAWA bertujuan untuk meningkat keupayaan dan penyertaan wanita di dalam pembangunan.

Tuan Pengerusi, masalahnya HAWA sebagai agen utama atau 'lead agency' di dalam pembangunan wanita, apakah ia sendiri berupaya, berkemampuan untuk memastikan program-programnya akan menghasilkan peningkatan keupayaan dan penyertaan wanita pada tahap yang memuaskan.

Selain dari program-program yang dijalankan sendiri oleh HAWA, ia juga bertanggungjawab untuk memastikan semua agen pelaksana pelan tindakan pembangunan wanita melaksanakan dengan penuh komitmen program-program yang dicadangkan. Agen-agen pelaksana selain dari Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan HAWA, termasuklah Jabatan Perdana Menteri, kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan dan lain-lain, agensi-agensi kerajaan, kerajaan-kerajaan negeri dan badan-badan bukan kerajaan.

Saya sangat kluatir dengan kemampuan HAWA untuk bertindak dengan berkesan. Walau bagaimanapun, saya ingin mengajak kita semua merakam penghargaan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan HAWA kerana mereka benar-benar komited dan gigih di dalam menjalankan tugas-tugas yang dibebankan kepada mereka. Syabas saya ucapkan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, tetapi komitmen serta usaha gigih tidak mencukupi bagi menjayakan Dasar Kebangsaan Wanita dan Pelan Tindakan Pembangunan wanita, jumlah pegawai dan kakitangan HAWA terlalu kecil, bayangkanlah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mempunyai lebih dari 4,500 pegawai serta kakitangan, tetapi HAWA hanya dibekalkan dengan 26 orang sedangkan tugas dan tanggungjawab HAWA lebih sesuai dengan sebuah kementerian. Saya difahami ini adalah pandangan Asian Development Bank, pakar perunding. Saya ibaratkan HAWA sebagai kereta Kancil yang dikehendaki berperanan sebagai Mercedes Benz 320.

Tuan Pengerusi, HAWA telah ditubuhkan pada 1983 iaitu 14 tahun yang lalu. Waktu itu ia hanya dikehendaki bertindak sebagai urusetia atau sekretariat kepada Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Mengintegrasikan Wanita Dalam Pembangunan atau lebih dikenali dengan nama NACIWID. Kini HAWA masih bertindak sebagai urusetia NACIWID tetapi telah diperluaskan tanggungjawab merangkumi pelaksanaan komitmen kerajaan di persidangan-persidangan antarabangsa. Umpamanya Persidangan Wanita Sedunia yang pertama di Nairobi sehinggalah yang keempat di Beijing, Mesyuarat-mesyuarat Komanwel mengenai wanita, Dasar Wanita Kebangsaan yang diputuskan pada tahun 1989. Oleh itu, tugas-tugas tambahan HAWA termasuk ia perlu monitor dan menganalisis atau evaluate program-program serta dasar-dasar kerajaan yang sedia ada bagi menentukan impak ke atas wanita.

Ia perlu juga mengumpul dan menganalisa data yang membezakan jantina iaitu segregated data serta maklumat bagi mengenalpasti isu-isu serta punca. Ia juga harus mempengaruhi dan meyakinkan kerajaan termasuk kerajaan-kerajaan negeri mengenai keperluan serta betapa pentingnya tindakan proaktif diguna untuk mengintegrasikan keperluan wanita di dalam pembangunan atau dasar-dasar pembangunan.

Ia juga perlu membantu memberi sokongan teknikal kepada kementerian-kementerian serta agensi-agensi di dalam menggubal dasar, pelan dan program bagi memastikan mereka merangkumi keperluan atau kepentingan wanita. Ia juga harus mengurus maklumat, ia juga bertanggungjawab di atas komunikasi dan menimbulkan kesedaran awam terhadap wanita. Ia juga harus bekerjasama secara konsisten dan berkesan dengan badan-badan bukan kerajaan wanita. Ia juga bertanggungjawab menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen mengenai isu-isu wanita, dasar, program serta komitmen kerajaan mengenai wanita dan ia juga harus memantau jawatankuasa-jawatankuasa perunding di peringkat negeri.

Tuan Pengerusi, 10 tahun yang lalu, kerajaan terpaksa menubuhkan sebuah kementerian baru iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan telah memberikan kementerian baru itu RM100 juta sebagai peruntukan permulaan. Kerajaan telah sedar bahawa industri pelancongan yang sangat berpotensi tidak dapat berkembang dengan pesat kerana ia terletak

di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang memberi perhatian lebih kepada pembangunan industri.

Langkah kerajaan itu adalah langkah yang bijak, kini terbukti industri pelancongan berkembang maju. Di sini saya ingin bertanya, mengapakah kerajaan tidak memberi perhatian sama berat kepada pembangunan wanita. Kita harus elak dari kerajaan dituduh tidak ikhlas dengan wanita. Kita harus sedar bahawa wanita sekarang wanita abad ke-21 yang tidak lagi boleh dibuai dengan kata-kata manis, mereka mahu kerajaan membuktikan keikhlasan terhadap pembangunan dan kemajuan wanita.

Tuan Pengerusi, mengenai belanjawan 1998, saya percaya HAWA tidak berkesempatan untuk menganjur sebuah konvensyen yang melibatkan NACIWID, NCWO, pertubuhan-pertubuhan wanita yang penting, para akademia wanita khususnya yang terlibat dengan kajian wanita. Seharusnya konvensyen dianjurkan oleh HAWA dengan tujuan membantu HAWA mendapat feedback dan cadangan konkrit bagi membolehkan HAWA atau NACIWID mengambil peranan penting dalam perundingan atau proses consultation Belanjawan 1998.

Saya percaya HAWA mahupun NACIWID tidak dijemput oleh Kementerian Kewangan untuk terlibat di dalam proses consultation tersebut. Saya jangka HAWA telah diarah memasukkan keperluannya di dalam belanjawan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan

pastinya jabatan-jabatan yang lebih besar, lebih kanan akan mendapat perhatian lebih di dalam kementerian tersebut. Maka tenggelamlah HAWA dan keperluan pembangunan wanita. Saya khawatir peruntukan kecil sahaja akan diberikan kepada HAWA.

Tuan Pengerusi, wanita merupakan 50% penduduk negara ini, semua maklum bahawa wanita ketinggalan di dalam banyak aspek. Dalam bidang ekonomi hanya 47% lebih kurang wanita berperanan sebagai tenaga kerja di luar rumah. Sebenarnya jika diiktiraf kerja rumah dengan diberi nilai ekonomi maka hampir semua wanita yang berkemampuan bekerja sedang bekerja. Malangnya pengukur yang diguna sekarang hanya kerja rumah yang dilakukan di luar rumah sendiri, dilakukan di rumah orang lain iaitu kerja sebagai pembantu rumah bukan sebagai suri rumah diberi nilai ekonomi.

Tuan Pengerusi, wanita ketinggalan jauh dalam semua bidang profesional dan separa profesional, semi profesional, melainkan bidang kejururawatan, pendidikan dan pergigian. Wanita juga ketinggalan di dalam bidang perniagaan, keusahawanan, industri.

Saya akui pelan tindakan pembangunan wanita cuba mengubah kedudukan wanita dalam bidang ekonomi. Antara tindakan yang dicadangkan ialah penubuhan pusat-pusat jagaan anak-anak di pejabat-pejabat kerajaan dan di sektor-sektor swasta bertujuan mengatasi masalah wanita yang ingin bekerja tetapi bermasalah dengan penjagaan anak kecil. Tindakan lain termasuk

melaksanakan waktu bekerja yang anjal, fleksibel di sektor awam dan swasta, tindakan memperbanyakkan program latihan teknikal, vokasional, pengurusan dan lain-lain untuk wanita dan mengadakan program latihan memasuki semula pasaran buruh bagi wanita-wanita yang ingin bekerja semula selepas berhenti kerana melaksanakan tanggungjawab reproduktif.

Tuan Pengerusi, tetapi apakah HAWA mampu mempengaruhi kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, majikan sektor swasta untuk melaksanakan kesemua tindakan itu. HAWA mungkin berupaya mempengaruhi badan-badan wanita bukan kerajaan.

Saya difahami kajian terhadap HAWA yang dibuat oleh Asian Development Bank telah menyatakan bahawa pada pendapat pakar perunding ADB, HAWA tidak mampu, ia terlalu junior, pengarahnya tidak cukup kanan sebaliknya ADB mencadangkan HAWA dijadikan kalau boleh kementerian atau kalau ia harus dijadikan hanya sebuah jabatan, ia harus difikirkan untuk dialih semula kepada JPM.

Tuan Pengerusi, program-program HAWA bagi bidang sosial harus juga kita imbangkan, kita harus juga memastikan HAWA di dalam ia menggubalkan program-program untuk sosial ini mengambil kira bahawa wanita-wanita tidak terlibat di dalam jawatan-jawatan penting masyarakat iaitu majlis, lembaga atau jawatankuasa yang terlibat dengan pembuatan dasar untuk masyarakat, umpamanya Majlis Agama, Majlis Kebudayaan, Majlis Kesukuan, Jawatankuasa Rukun Tetangga dan lain-lain.

Kini kita dapati penglibatan wanita sama ada tidak ada langsung atau sekadar penglibatan 'token'. Jika masalahnya ialah kekurangan wanita yang berkualiti bagi mengisi jawatan-jawatan itu, masalah itu senang diatasi, pilihlah wanita yang berpotensi dan bekalkan mereka dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan melalui kursus-kursus khas. Sebenarnya, wanita perlu diberi pemerhatian wajar dalam bidang sosial yang kini tak termampu diberikan oleh HAWA dengan kapasitinya yang terhad.

Seperkara lagi mengenai program-program untuk bidang sosial, saya ingin kita sama-sama melihat kepada program-program di mana wanita sepatutnya dihargai tetapi tidak dihargai oleh kepimpinan negara melalui penganugerahan semasa Hari Keputeraan khususnya Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kita semua maklum, kesejahteraan negara banyak bergantung kepada kesejahteraan masyarakat. Wanita banyak menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Wanita lebih berperanan memastikan keharmonian rumah tangga. Pegawai kerajaan, ahli-ahli korporat, Wakil-wakil Rakyat lelaki tidak dapat berfungsi dengan baik jika isteri masing-masing tidak menjamin ketenangan, kestabilan rumah tangga. Jika HAWA memiliki kapasiti yang lebih besar, saya percaya HAWA akan mampu memastikan wanita-wanita yang menyumbang tenaga sebagai sukarelawan dengan cemerlang di samping menjaga keharmonian rumah tangga mereka dihargai walaupun mereka tidak ahli-ahli korporat atau jutawan atau millionaire atau berjawatan tinggi dalam kerajaan. Saya sedih melihat terlalu sedikit wanita diberi pengurniaan di Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda baru-baru ini. Pada tahun ini wanita tak sampai 10% pun menerima pengurniaan. Tahun lepas wanita hanya diberikan 14% dari jumlah rakyat yang menerima pengurniaan. Nampaknya makin merosot penghargaan terhadap wanita.

Tuan Pengerusi, jelaslah HAWA, walau bagaimana gigih dan komited tidak mampu menangani masalah wanita yang begitu mencabar. Ini kita belum lagi memasuki bidang politik. Dalam bidang politik wanita masih tidak menikmati hasil kemerdekaan secara saksama. Bukankah kaum wanita bersama-sama kaum lelaki berjuang untuk memerdekakan negara ini dan mengamalkan sistem demokrasi tetapi demokrasi tidak membawa makna kepada wanita jika ia hanya membawa makna wakil-wakil rakyat dan pembuat dasar lain terdiri daripada kaum lelaki dan lebih kurang 10% sahaja terdiri daripada wanita. Saya kluatir dengan peruntukan kecil kepada HAWA tidak akan termampu untuk HAWA mengadakan program-program yang dapat mengubah keadaan yang tidak saksama itu.

Tuan Pengerusi, scenario yang telah digambarkan oleh saya tadi menunjukkan tidak mungkin HAWA sebuah jabatan junior Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang dianggotai oleh hanya 26 orang dapat meningkatkan keupayaan dan penyertaan wanita dalam pembangunan dengan berkesan. Peruntukan yang lebih besar diperlukan untuk HAWA. Di sini saya ingin merujuk kepada RM20 juta yang diuntukkan sebagai promosi Malaysia melalui Pertandingan Formula One. Jadi, kalau boleh untuk Formula One, sepatutnya bolehlah untuk wanita. *[Tepuk]* Back-bencers macam mana? *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sokong, sokong.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Saya ingin ulangi. Peruntukan yang lebih besar harus diperuntukkan untuk HAWA bukan sahaja untuk ia membiayai program-program tetapi lebih pentingnya untuk meningkatkan kemampuan HAWA itu sendiri dari segi operasinya. Saya difahamkan bahawa Asian Development Bank (ADB) menekankan betapa mustahaknya untuk HAWA berfungsi sekurang-kurangnya sebagai jabatan yang berkesan, jika tidak sebagai kementerian tersendiri, ia harus diberi beberapa jawatan yang diperlukan iaitu Ketua Pengarah, sekarang ini hanya Pengarah. Jadi, ia perlu diberikan jawatan Ketua Pengarah supergred B atau sekurang-kurangnya supergred C. Beberapa pengarah iaitu Pengarah Penyelidikan dan Maklumat, Pengarah Perhubungan Antarabangsa, Pengarah Pembangunan Program - kesemua pengarah ini hendaklah mengikut recommendation yang saya difahamkan oleh pakar perunding ADB, haruslah tidak kurang daripada gred II tetapi seelok-eloknya gred I dan ia juga mencadangkan tidak kurang daripada 9 penolong pengarah yang bertaraf gred II atau sekurang-kurangnya gred III iaitu Penolong Pengarah Komunikasi, Penolong Pengarah Latihan Analisis Jantina, Penolong Pengarah Penyertaan Sebagai Tenaga Kerja dan Program Berdikari, Penolong Pengarah Pendidikan dan Latihan, Penolong Pengarah Kesihatan, Penolong Pengarah Guaman dan Reformasi Peraturan, Penolong Pengarah Pembuatan Keputusan dan juga 2 Penolong Pengarah Sokongan Program dan selain daripada itu sistem Analyse, Analyse Sistem Maklumat - seorang

pegawai bertanggungjawab sebagai Analisis Sistem Maklumat dan pegawai-pegawai di peringkat negeri.

Tuan Pengerusi, saya sengaja menimbulkan masalah berkaitan dengan HAWA walaupun di dalam B.42 ini peruntukan yang dipohonkan adalah untuk pembiayaan program-program tetapi tidak membawa banyak makna sekiranya keupayaan HAWA ini tidak dipertingkatkan. Saya merujuk kepada Rancangan Malaysia Keenam di mana HAWA telah diperuntukkan RM20 juta untuk selama lima tahun ia harus menggunakannya. Disebabkan keupayaannya untuk menggunakan RM20 juta itu terlalu rendah walaupun diperuntukkan RM20 juta, ia tidak dapat menjalankan program-program untuk melupuskan RM20 juta itu. Jadi, kalau kita berikan peruntukan kepada HAWA, kita harus memastikan keupayaannya terlebih dahulu dipertingkatkan. Jadi, itulah sebabnya saya dengan panjang lebar menimbulkan perkara ini.

Dan saya ingin menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Parit.

6.20 ptg.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan berkenaan dengan peruntukan tambahan sebanyak RM5 juta kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya hanya ingin hendak memperkatakan dua perkara sahaja secara ringkas. Yang pertamanya, saya ingin menyentuh tentang program-program yang melibatkan peningkatan keupayaan dan penyertaan wanita dalam pembangunan yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) yang juga duduk di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Saya ingin hendak bertanya kepada kementerian ini sama ada kementerian mempunyai pelan tindakan yang tersendiri bagi program-program yang dijalankan di peringkat negeri kerana saya perhatikan walaupun di negeri-negeri ada mempunyai jawatankuasa perunding yang bertanggungjawab menjalankan program-program latihan, program-program peningkatan keupayaan wanita tetapi saya rasakan bahawa program-program ini tidak menyeluruh, tidak sampai ke kawasan-kawasan luar bandar. Jadi, kalau kita perhatikan mengikut laporan akhbar dan sebagainya, kita dapati bahawa banyak daripada program-program yang dijalankan oleh HAWA ini terutamanya yang melibatkan konvensyen ataupun seminar khususnya yang digabungkan dengan badan-badan yang bukan kerajaan ataupun NGOs kebanyakannya diadakan di bandar-bandar besar sahaja. Apakah salahnya kalau seminar-seminar ini didecentralisekan, dengan izin, ataupun dibawa ke kawasan-kawasan luar bandar supaya banyak lagi wanita-wanita di luar bandar seperti kawasan saya Parit, misalannya dapat manfaat daripada program-program HAWA ini.

Kalaulah kita pergi ke tiap-tiap kawasan luar bandar dan kita buat satu analisa ataupun satu kajian, saya jangka bahawa HAWA akan mendapati bahawa masih banyak kekurangan program-program yang dijalankan di kawasan-kawasan luar bandar. Jadi, saya harap kelemahan seperti ini dapat dibaiki dan dapat diadakan satu program bersepadu bukan sahaja untuk meliputi kawasan-kawasan bandar, bahkan kawasan-kawasan luar bandar juga.

Tuan Pengerusi, saya hayati bahawa HAWA mempunyai kekurangan kakitangan bagi mengendalikan aktiviti-aktiviti HAWA tetapi pada saya ini haruslah jangan dijadikan alasan tentang kurangnya keberkesanan aktiviti-aktiviti di peringkat HAWA kerana saya perhatikan bahawa setakat apa yang boleh dibuat oleh HAWA pada masa ini, HAWA dapat menggembelngkan tenaga daripada badan-badan sukarela, tenaga-tenaga profesional dan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya. Jadi, ini saya rasa elok dipertingkatkan lagi dan sebagaimana yang saya katakan tadi, wanita-wanita di luar bandar khususnya mahukan lebih banyak lagi penglibatan dalam program-program untuk kemahiran hidup dan juga kemahiran diri. Kalau misalannya wanita-wanita di bandar perlukan tempat-tempat untuk menghantar anak-anak mereka semasa mereka bekerja, maka wanita-wanita di luar bandar yang anak-anaknya sudah besar ataupun masih kecil lagi memerlukan kemahiran-kemahiran yang boleh didapati daripada kursus-kursus yang mungkin boleh dijalankan oleh HAWA.

Saya ucapkan tahniah kepada MARA sekarang ini yang saya dapati banyak menjalankan program-program untuk diberi kepada penduduk-penduduk daripada kawasan luar bandar tetapi apakah HAWA ada membuat perancangan-perancangan seperti ini dan sebagaimana yang saya kata tadi, walaupun ada jawatankuasa perunding di peringkat-peringkat negeri, saya rasa kalau kita buat kajian secara tulus dan secara ikhlas, kita akan dapati bahawa jawatankuasa perunding ini masih banyak lagi kelemahannya. Masih banyak yang boleh dibuat oleh jawatankuasa perunding ini yang belum dibuat dan saya harap kementerian akan ambil perhatian tentang hal ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin hendak bangkitkan di sini. Bercakap tentang program wanita, bercakap tentang penyertaan wanita dalam pembangunan, bercakap tentang Jabatan Hal Ehwal Wanita dalam Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, saya rasa seolah-olah ada satu kepincangan, ada satu ketidaksesuaian, ada satu yang hilang di sini - yang tidak kena. Yang saya maksudkan ialah dalam apa-apa program yang dijalankan oleh HAWA, misalannya yang melibatkan penyertaan daripada badan-badan sukarela ataupun badan-badan bukan kerajaan, belum pernah lagi ada HAWA menjemput wakil-wakil rakyat dari wanita. Jadi, ini rasa saya satu ketinggalan yang patut diambil berat oleh pihak HAWA. Kita dengar, saya sendiri sebagai wakil rakyat selalu membaca di dalam akhbar tentang pelbagai konvensyen yang dijalankan gabungan bersama HAWA dengan WHIM,

misalannya, dengan apa-apa sahajalah NGO tetapi tidak ada satu jemputan yang diajak. Bukan sahaja jemputan untuk upacara perasmian dan penutupan tetapi untuk menyertai kursus-kursus, menyertai program-program, seminar, bengkel, panel discussion, dengan izin, dan sebagainya tidak ada dijemput wakil-wakil rakyat dari wanita, pada hal wakil-wakil wanita terutamanya wakil-wakil dari parti-parti komponen Barisan Nasional jelas di sini duduk sebahagiannya di dalam Dewan sama ada Dewan Negeri ataupun Dewan Parlimen sebagai wakil daripada wanita.

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ingin minta penjelasan daripada saudara dari Parit. Kita sebagai penyokong Back-benchers memang selalu mendengar hal wanita. Kita juga ada simpatilah Tuan Pengerusi dan yang saya ingin minta penjelasan di sini, tadi saudara mengatakan di dalam perasmian, Ahli-ahli Parlimen ataupun wakil rakyat khususnya daripada golongan wanita jarang-jarang dijemput. Yang saya ingin tanya di sini, kita juga baca surat khabar, adakah betul bahawa pergerakan-pergerakan wanita sekarang di negara kita ini belum lagi sampai ke tahap di mana mereka dapat melibatkan diri di dalam arena antarabangsa ataupun nasional. Itu kemungkinan mereka tidak menjemput Ahli Yang Berhormat daripada wanita untuk bersama-sama dengan mereka. Penjelasan.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak bersetujulah sama sekali bahawa alasan wanita tidak dijemput untuk menyertai konvensyen ataupun seminar ialah disebabkan di dalam parti-parti politik yang disertai oleh wanita ini tidak ada wanita yang layak kerana sekarang ini - saya ambil contoh dalam UMNO sahajalah. Dalam UMNO lebih separuh daripada ahli UMNO itu sendiri wanita dan takkanlah tidak ada wanita yang terlalu banyak jumlahnya ini yang layak duduk di seminar ataupun di dalam konvensyen. Saya rasa ini bukan persoalannya. Sama juga dengan parti-parti politik yang lain. Saya tidak boleh cakaplah tentang PAS dan juga DAP sebab saya nampak PAS dan DAP ini memang tidak ada wakil wanitanya dalam Parlimen, jadi mereka jelas menunjukkan tidak memberi penghormatan kepada wanita tetapi dalam parti-parti komponen kita mempunyai wanita profesional. Sekarang ini wanita sudah matang, sudah banyak berpelajaran tinggi - kalau saya hendak bawa loghat saya, sudah 'berlambak-lambak', cuma tidak diberi pengiktirafan sahaja.

Jadi, saya beri contoh tadi, Tuan Pengerusi, saya kata kalau adalah seminar-seminar, konvensyen-konvensyen seperti yang dijalankan oleh HAWA dan juga NGO yang lain, takkanlah ahli-ahli wanita yang duduk di Parlimen ini tidak layak untuk pergi sedangkan kami sendiri pernah menghadiri seminar-seminar di peringkat antarabangsa.....

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat itu bangun.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas tadi. Maksud beliau mungkin apakah wanita di Malaysia ini tidak

berkeupayaan menganjurkan forum-forum antarabangsa yang bertaraf profesional? Mungkin mereka tidak menjemput Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, daripada pembangkang, kerana mungkin mereka takut, oleh kerana acara-acara yang mereka anjurkan itu tidak begitu sampai tahap yang boleh mereka menjemput Ahli Yang Berhormat, mungkin itu salah satu sebab.....

Tuan Pengerusi: Mereka itu rendah sedikit, ya.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ya, mungkin mereka takut, Tuan Pengerusi. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju perkara kedudukan pertubuhan wanita sekarang ini dikatakan belum mencapai ke tahap yang boleh mereka menjemput Ahli Yang Berhormat daripada komponen Barisan Nasional ataupun pembangkang? Terima kasih.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Pengerusi, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sipitang tadi, saya rasa bukan itu sebabnya. Saya rasa mungkin setakat ini belum ada kepekaan. Saya percaya bahawa pihak-pihak seperti HAWA, NGO dan sebagainya memang mempunyai keupayaan untuk menganjurkan seminar-seminar di peringkat antarabangsa, tetapi mungkin belum terlintas lagi di hati penganjur-penganjur ini untuk menjemput wakil-wakil rakyat dari kalangan wanita untuk bersama dengan mereka.

Saya inginlah perkara ini dibuat satu pembetulan supaya maklum balas (feedback) dan juga input daripada wakil-wakil rakyat ini kadangkala berguna juga. Jadi, kalaulah misalannya diadakan apa-apa seminar dan sebagainya, saya harap dapatlah pihak-pihak penganjur ini menjemput sebagaimana yang saya katakan tadi, wanita-wanita bukan sahaja dari kalangan wakil-wakil rakyat tetapi juga daripada kalangan wanita-wanita di luar bandar kerana walaupun seminar yang berperingkat antarabangsa ataupun dalam negeri, bukan setakat kelulusan akademik sahaja yang penting tetapi di dalam banyak hal, pengalaman juga menjadi asas yang utama untuk seseorang itu dapat melibatkan diri di dalam perbincangan-perbincangan yang produktif.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Seperkara lagi, Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyatakan di sini rasa kebimbangan saya kerana pihak HAWA misalannya walaupun ada mempunyai buku-buku ataupun literature, dengan izin, yang berkaitan dengan perkembangan dan kemajuan wanita sama ada di peringkat kajian dan perbandingan wanita-wanita di dalam negeri ataupun di luar negeri, tetapi literature, bahan-bahan bacaan seperti ini pada pendapat saya amat kurang diberikan kepada wakil-wakil rakyat dan juga kepada pejabat-pejabat penghulu misalnya di peringkat luar bandar supaya apa-apa program yang dijalankan oleh

HAWA ini dapat diketahui oleh rakyat, bukan sahaja di kawasan bandar tetapi juga di luar bandar.

Saya juga kadang-kadang rasa sedih di sini, Tuan Pengerusi, kerana sebagai wakil rakyat, banyak sangat literature daripada HAWA ini yang saya tidak dapat perolehi bahkan kadang-kadang saya minta sendiri pun hendak dapat, dibandingkan dengan jabatan lain, kalau jabatan lain, kita minta dengan cepat kita boleh dapat, tetapi rasa saya ada kelemahan sedikit di sini. Mungkin kita tidak boleh salahkan sangat HAWA ini sepertimana kata sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu tadi, mungkin kerana kekurangan kakitangan menyebabkan tidak begitu berkesannya perjalanan pentadbiran, tetapi saya harap sesuatu perlu dilakukan oleh pihak kementerian supaya kelemahan-kelemahan seperti ini dapat diatasi.

Saya rasa itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Batang Lupar, selepas itu kementerian diminta jawab.

6.36 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Selepas saya, Menteri jawab. Terima kasih, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Saya berdiri atas dasar menyokong pihak wanita. Oleh kerana saya mewakili semua backbencher, menyokong wanita dan perjuangan wanita untuk

mendapatkan perimbangan dalam apa-apa aspek, terutama sekali rakan saya dari Kota Bharu dan Parit yang telah berucap.

Tuan Pengerusi, perkara pertama yang saya ingin sentuh ialah soalan perundangan. Kita perlu menubuhkan satu badan khasnya untuk mengkaji perundangan-perundangan Malaysia yang ada menunjukkan diskriminasi kepada wanita dan perundangan-perundangan ini perlulah dikaji semula supaya equality, dengan izin, diberi kepada wanita. Umpamanya, soal pencen. Kalau si suami dapat pencen dan dia boleh kahwin baru, tetapi kalau si suami itu mati, isteri terima pencen, kalau dia kahwin baru, hilang pencen dia. Jadi, ini nampaknya kurang adil sedikit kepada wanita yang hendak kahwin baru.

Jadi, saya berharap pihak HAWA, dengan secara ringkas saya sebut ini, memperkukuhkan lagi jabatan perundangan mereka agar penyelidikan dibuat secara menyeluruh, selagi ada undang-undang di negara kita ini diselidik. Kalau ada penyelewengan ataupun ada diskriminasi kepada wanita, patutlah diubahsuaikan asalkan benda itu tidak bercanggah dengan agama. Landasannya ialah agama bahkan agama sendiri telah memberi keutamaan kepada wanita. Umpamanya, syurga itu di bawah tapak kaki ibu, membaca talkin pun kita baca 'bin' wanita dan sebagainya. Jadi, kenapa pula undang-undang yang manusia buat kita tidak boleh selaraskan dan kita pun tidak buat untuk memperimbangan kedudukan wanita dan lelaki.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, iaitu kuasa. Banyak lagi perkara kuasa yang mana hanya si bapa diberi kuasa, tetapi si ibu tidak diberi kuasa dalam beberapa segi. Umpamanya dahulu, saya ingat kalau belum diubah, saya harap sudah diubah, kalau anak itu hendak minta pasport, kena minta bapa yang sign, si ibu tidak boleh sign. Jadi, kalau perkara ini masih berlaku, menunjukkan yang ibu itu adalah tulang belakang untuk membimbing dan mendidik anak tetapi tidak berkuasa kepada anak dia sendiri yang mana dia lebih tahu lagi dengan anak dia daripada si bapa.

Jadi, ini adalah undang-undang ataupun kuasa dari aspek undang-undang yang kita pandang daripada dahulu masih kita warisi. Kenapa pula apabila kita hendak memberikan kedudukan sama kepada kaum ibu dan kaum wanita ini, kita tidak dapat mengubah yang mana soalan ini tidak bercanggah langsung dengan budaya dan agama kita. Jadi, saya berharap pihak kementerian.....

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Bharu bangun.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Terima kasih. Saya ingin minta penjelasan dari rakan saya dari Batang Lupar. Apakah beliau bersetuju bahawa HAWA seharusnya dipastikan dari sekarang mempunyai sekurang-kurangnya seorang peguam untuk menjaga ataupun memberi perhatian kepada undang-undang sepertimana Yang Berhormat sebut tadi.

Berkaitan dengan apa Yang Berhormat telah menerangkan berkaitan dengan diskriminasi yang masih didapati di bidang sosial, kita sama-sama sedar bahawa The Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women atau ringkasnya CEDAW telah pun diterima pakai oleh Malaysia semenjak Julai 1995 lagi, sekarang ini sudah Julai 1997 - dua tahun, tetapi di pihak HAWA belum lagi ada pegawai khusus yang monitor CEDAW ini. Kalau CEDAW itu dimonitor dengan baik, pastinya masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi tidak berterusan. Bersetuju tak?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya telah sebutkan, badan ataupun jabatan perundangan pihak HAWA mestilah diperkukuhkan. Maknanya, kalaulah kita tidak ada mempunyai peguam di jabatan itu, maka nama jabatan perundangan tinggal nama begitu sahaja. Bukanlah menjadi peguam itu susah sangat, sebab semua orang kata dia boleh jadi peguam tetapi untuk menyelidiki undang-undang mestilah orang yang ada berkelulusan LLB, baru boleh menjadi penasihat undang-undang.

Jadi, saya berharaplah cadangan ataupun imbasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu tadi diambil perhatian yang khusus oleh kerana benda ini penting. Pada satu ketika dahulu masa saya pergi ke United Nations, pernah disebutkan oleh Tan Sri Ismail mengatakan soalan treaty kita belum diselidik. Saya tanya, adakah peguam dihantar oleh Wisma Putra ke

United Nations supaya semua treaty yang kita hendak sign itu diselidik oleh peguam. Alhamdulillah, bila saya pergi kali kedua saya nampak seorang peguam wanita yang datang, peguam yang canggih, peguam yang handal dan berkemampuan membuat tugas-tugas yang telah diberi oleh pihak Wisma Putra kepada beliau.

Jadi, dalam keadaan yang sama saya memberi imbasan sahaja. Apabila keperluan berbangkit, kita mesti mengambil tindakan positif. Makna positif, kalau badan ini perlukan seorang peguam, kita hantar seorang peguam. Maknanya, menyelidik undang-undang yang ada memberi kiasan sosialnya, kita perlu melantik seorang peguam kepada badan yang tersebut. Jadi, saya bersetujulah dengan Yang Berhormat dari Kota Bharu.

Dalam segi sosial, Tuan Pengerusi, on the lighter note, dengan izin, tadi Yang Berhormat menyebutkan soal anugerah. Kalau kita pandang soal anugerah ini, saya pernah menyebut, kalau si bapa diberi gelaran Datuk, isteri dia jadi Datin. Tetapi kalau si isteri dapat gelaran Datuk, apa jadi kepada suami dia?

Seorang Ahli: ‘Datin’lah!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Eh, bunyinya lucu sedikit ini. *[Ketawa]* Tetapi saya nampak kalau kita hendak sokongan daripada kaum bapa yang mana isteri dia dapat maju daripada segi politik, sosial dan sebagainya, si suami yang duduk di rumah ataupun bekerja lain itu mesti kena

dapat title juga. Kalau isteri ini dapat gelaran Datin Paduka, secara automatik si suami kena beri gelaran Datuk Paduka juga, barulah si suami itu boleh sokongan seratus peratus kepada isteri dia dapat anugerah daripada Sultankah, daripada Agongkah ataupun daripada sesiapa. Ini baru kita sebut equality. Kalau belum wujudnya perkara macam ini, masih ada diskriminasi daripada peringkat atas - pandangan dia, kiasan dia dan penampilan dia.

Tuan Pengerusi, saya sebut ini dalam lighter note tetapi sebenarnya benda ini patut, kerana kadang-kadang kita nampak kalau si isteri itu terlibat dalam kegiatan sosial dan sebagainya dia dapat jadi Datuk Paduka atau Datin Paduka, melihat keadaan negeri yang tertentu, tetapi si suami tidak ada status langsung kalau dia seorang jurutera, seorang peguam ataupun businessman biasa, dia tidak ada status langsung kerana tidak dapat mengambil kesan daripada si isteri yang mendapat title yang diberi tadi. Tetapi kenapa pula dalam agama kita mengatakan bila baca talkin, si ibu kepada anak ini disebut, Ahmad bin Mariam umpamanya, nama isteri kena sebut, kenapa tidak bapa? Kenapa salahnya pula yang si suami ini tidak boleh mendapat kesan daripada si isteri yang mendapat title, baru equality tersebut terjelas.

Jadi, daripada segi politik kalau kita pandang sekarang.....

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Parit bangun.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Pengerusi, saya ingin hendak tanya sedikit sahabat saya dari Batang Lupar bercakap tentang anugerah tadi. Sekarang ini kita perhatikan bahawa kalau seorang suami dapat 'Dato', isterinya yang kedua, yang ketiga pun pakai 'Datin' juga. Pada hal, kebiasaan yang saya tahu hanya isteri yang pertama sahaja yang pakai 'Datin'. Jadi, saya hendak tanyalah kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, apa pendapat Yang Berhormat, adakah patut...

Seorang Ahli: Setujulah!

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Adakah patut isteri yang bukan isteri pertama tadi menggunakan gelaran 'Datin' ini?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau saya kata setuju, ada orang kata tidak sedap hati. Kalau saya kata tidak setuju pun ada orang yang tidak sedap hati. Jadi, kadang-kadang pandangan saya, kalau yang isteri yang nombor satu 'Datin pertama', yang kedua 'Datin kedua', boleh juga. *[Ketawa]* Yang ketiga pun 'Datin ketiga'. Jadi, macam timbalan menteri pertama, menteri kedua. Kemboja pun boleh buat perdana menteri pertama dan kedua. Jadi, ada pula orang kata, sah tidak kira kerana orang Islam boleh kawin empat. Yang lain kalau hendak kahwin empat tanya dahulu dengan...

Seorang Ahli: Simpanan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Simpanan. Jadi, pandangan saya beginilah, kalau dari segi peribadi, takdir, saya belum boleh

menentukanlah. Bagi saya, kalau isteri yang pertama meninggal, isteri yang kedua janganlah pakai ‘Datin’ dahulu. Tunggulah yang pertama itu jalan, baru yang kedua boleh pakai ‘Datin’. *[Ketawa]* Kalau hendak dapat anugerah ‘Dato’ daripada siapa-siapa sahaja, orang yang memberi anugerah itu melibat semua isterinya. Kalau hakikatnya sultan beri anugerah kepada dia sebagai ‘Dato’, dia bertanya balik dengan sultan sama ada isteri pertama, kedua, ketiga dan keempat itu boleh menerima ‘Datin’. Kalau sultan kata tidak boleh, tidak bolehlah itu. Kalau sultan kata boleh, alhamdulillah, semua boleh dipanggil ‘Datin’. Jadi, itu atas kebijaksanaan yang menganugerah. Bukan saya untuk membuat keputusan di peringkat ini.

Ini soal HAWA, jadi saya serahkan kepada pihak HAWA untuk menyelidiki macam mana saya cadangkan tadi untuk melihat soal undang-undang juga macam mana HAWA mahu. Kalau HAWA bersetuju dengan soal ini, alhamdulillah, kita bersetuju.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya cuma minta penjelasan, Tuan Pengerusi, daripada Yang Berhormat dari Batang Lupar. Tadi dia kata soal anugerah-anugerah bintang ini, apakah Yang Berhormat setuju kalau HAWA ataupun kerajaan menimbang semula soal pemberian gelaran bintang kepada

wanita. Anugerah ini mestilah yang bersesuaian. Misalnya, kalau ‘Dato’’, saya rasa tidak begitu sesuai untuk wanita, apakah Yang Berhormat bersetuju. Kerana kalau ‘Dato’’ isteri, suaminya kita panggil apa? Mungkin terus tidak payah panggil ‘Dato’’, beri anugerah yang sesuai. Mungkin yang sesuai ialah ‘Datin Paduka’ terus, tidak payahlah ‘Dato’’ kepada wanita. Dia naik taraf sedikit, ataupun yang sesuai lainnya, mungkin ada nama-nama yang sesuai.

Jadi, bila isteri dapat ‘Datin Paduka’, suaminya pun kita boleh panggil terus ‘Dato’ Paduka’ untuk memberi semangat kepada suami, kerana isterinya yang berjaya selalunya ada dorongan suami di belakang isteri. Jadi, sebagai penghargaan di depan lagilah, bukan di belakang. *[Ketawa]* Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju sekali lagi supaya HAWA mengkaji soal anugerah ini janganlah diberi gelaran-gelaran yang janggal dipandang dan disebut. Walaupun mungkin kita lompat terus, tidak payahlah ‘Dato’’, tetapi ‘Datin Paduka’ terus ataupun ‘Puan Sri’ mana yang sesuaiilah mana-mana anugerah yang diberikan. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tahu kita boleh dapat cadangan-cadangan yang bernas daripada kawan-kawan kita. Saya memang bersetuju, oleh kerana kalau kita pandang, selidik semula sejarah kita, gelaran ‘Dato’’ memang dari dahulu kepada penghulu, temenggung dan sebagainya. Semua jabatan dan kedudukan sedemikian adalah disandang oleh lelaki. Tetapi ada juga berlaku macam Tun

Fatimah, Tun Khadijah juga diberi title 'Tun'. Tetapi memang nampak ganjil sedikit oleh kerana kebiasaan penggunaan 'Dato' adalah kepada orang lelaki. Tetapi kadang-kadang kalau benda itu menjadi satu kebiasaan kita, mungkin dia tidak juga begitu janggal. Tetapi walau bagaimanapun, untuk menyelaraskan keadaan yang ada, saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat supaya kerajaan dan kementerian membuat penyelidikan HAWA umpamanya memberi feedback yang sesuai agar title-title yang diberi kepada wanita bersesuaian dengan kewanitaan title itu agar sebutan itu tidak menjadi satu masalah.

Oleh kerana kadang-kadang berbangkit kalau wanita dipanggil 'Datin Paduka' umpamanya, kadang-kadang orang tidak tahu sama ada 'Dato' Paduka' atau 'Datin Paduka' atau apa padukakah. Jadi, sepatutnya kerajaan membuat secara menyeluruh agar benda ini diselaraskan dan semua darjah-darjah yang diberi kepada wanita akan disesuaikan. Dengan sendirinya juga kalau wanita diberi, kalau kita hendak beri kualiti kepada wanita, sisuami kepada wanita yang telah mendorong wanita itu menjadi manusia yang berjaya mestilah mendapat kesan daripadanya. Umpamanya, kalau 'Dato' itu ada isteri, maka isterinya automatik sebagai 'Datin'. Jadi, dengan sendirinya kalau 'Datin Paduka' digunakan umpamanya, kalau siwanita perjuangan ini tadi mendapat 'Datin Paduka', dengan sendirinya sisuami yang telah memainkan peranan yang berkesan untuk mendorong dan tidak menghalang siisteri yang

berjaya, itu mestilah mendapat kedudukan sebagai ‘Dato’ ataupun yang seimbang dengannya.

Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Bharu bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Tak sangka saya ini popular pula.

Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Terima kasih. Yang Berhormat dari Batang Lupar, saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat bersetuju atau tidak HAWA sebenarnya berperanan untuk memastikan lebih ramai lagi wanita, khususnya aktivis-aktivis masyarakat yang begitu lama berjuang untuk kemajuan masyarakat sama ada untuk wanita ataupun untuk masyarakat secara amnya diberikan penganugerahan yang sewajarnya. Sekarang ini kurang daripada 10% yang diperolehi oleh wanita pada Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda itu tidak patut berterusan, setuju atau tidak?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya sebut macam inilah Yang Berhormat, sebelum saya kata bersetuju secara menyeluruh, kita mesti pandang dahulu bagaimana penglibatan wanita itu sendiri, berapa peratusan penglibatan wanita dalam apa-apa segi. Jadi, kalau penglibatan wanita itu 50% kita kena beri 50%. Umpamanya, dalam mana-mana perkara politik, saya tidak tahulah yang lain kalau Parti PBB, kalau pilihan raya di luar-luar bandar, boleh

dikatakan 70% wanita yang hadir dalam tiap-tiap ceramah yang kita buat. Yang suami mungkin dalam hutan buat pembalakan, bekerja di sawmill dan sebagainya. Tetapi siisteri di rumah itu berjumpa dengan ceramah-ceramah Yang Berhormat ataupun perjumpaan berdialog dengan Yang Berhormat, maknanya penglibatan wanita itu lebih banyak daripada laki-laki dalam penglibatan politik mereka. Saya percaya penglibatan sosial mereka itu begitu juga kalau diberi peluang yang sedemikian.

Jadi, saya tidak hairanlah kalau kita boleh melihat penglibatan mereka ini sebagai satu peratusan penglibatan wanita dan penghargaan diberi kepada mereka pun membayangkan yang penglibatan mereka sebanyak itu. Jadi, dengan keadaan sedemikian kalau penglibatan secara aktif, secara berterusan yang layak menerima anugerah-anugerah, wanita itu jauh lebih banyak daripada 10%, saya bersetuju memang kita reflect yang penglibatan mereka itu mendapat penghargaan daripada kerajaan, penghargaan daripada raja-raja ataupun ketua-ketua negeri umpamanya.

Jadi, dalam keadaan demikian kita balik kepada politik sekarang. Saya sebut 4 perkara, iaitu perundangan, sosial, anugerah, sekarang politik. Dalam politik, Tuan Pengerusi, kita lihat di sini, alhamdulillah, dalam Parti Barisan Nasional kita nampak MCA pun ada wanita, MIC ada wanita, UMNO memang banyak wanita dan PBB pun tidak kurang wanitanya di negeri ataupun di pusat. Jadi, ini belum lagi melihat reflect yang sebenarnya penglibatan wanita

daripada akar-umbi yang boleh naik ke atas. Jadi, dengan sendiri dalam pandangan yang sedemikian sepatutnya penglibatan wanita dari segi politik peringkat ini belum lagi menunjukkan peratusan yang wajar, yang cukup mewakili kaum wanita daripada akar-umbi yang memberi tulang belakang kepada kemenangan kita tiap-tiap kali pilihan raya. Itu yang pertama.

Yang keduanya, wanita. Kita lihat ada yang jadi menteri - Minister of International Trade, dengan izin. Dia pergi luar negara sahaja, pergi ke sana, ke sini. Buat kerja itu kalau dahulu dipandang memang untuk orang lelaki. Tetapi oleh kerana yang demikian, mungkin dia terlibat juga dengan dasar-dasar dalam negara. Tetapi yang dia pandang ialah macam mana hendak maju trade di kalangan antarabangsa. Jadi, seorang menteri kita sudah hilang daripada segi dasar dalam negara. Dalam keadaan yang sedemikian, kita meminta agar banyak lagi wanita-wanita duduk di tempat mereka dan boleh memberi keputusan ataupun syor ataupun cadangan yang akan diambil kira oleh pihak kerajaan. Maknanya, membubar dasar dan menghala ke arah mana pembangunan wanita dalam negara ini dan konteks pembangunan wanita akan kita halakan.

Kita perbanyakkan lagi wanita dari satu peringkat, bukan sahaja daripada peringkat pegawai-pegawai sebagai ketua eksekutif, tetapi juga penggubal dasar di peringkat Kabinet, di peringkat kerajaan, KSU, TKSU umpamanya. Kita kena lantik wanita.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, kalau tidak....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Mas bangun.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan daripada sahabat saya dari Batang Lupar. Saya rasa perkara ini sangat penting sekali. Tiap-tiap kita mengadakan perbincangan pembentangan Budget, kita selalu kaum wanita rakan-rakan kita juga menyuarakan kepentingan hal wanita. Saya ingin bertanya di sini kepada saudara saya yang selalu mengutarakan masalah-masalah tadi, misal kata ada masalah yang betul-betul kita bersimpati. Bulan lepas dijumpai oleh seorang ibu yang ingin supaya dua orang anaknya itu dapat mengambil passport, tetapi oleh kerana bercerai dengan suami, suami tidak mengizinkan. Ini masalah perundangan.

Yang saya ingin bertanya di sini, banyak lagi masalah dalaman di dalam konteks kaum wanita. Itulah sebab saya mengatakan tadi rakan kita dari Parit bukan memperkecilkan peranan wanita daripada peringkat nasional ataupun antarabangsa. Maksud saya, pergerakan wanita mungkin belum lagi melonjak ke satu tahap arena nasional antarabangsa, tetapi masih di peringkat menyelesaikan isu rumah tangga, isu poligami. Saya seorang Kristian, Tuan Pengerusi, isu dua, tiga, empat isteri tidak kena-mengena. Kalau kita ada konvensyen mengenai perkara seperti ini mungkin konvensyen itu menarik

orang yang mungkin beragama Islam. Yang saya maksudkan di sini, untuk menyelaraskan peranan ataupun mempertingkatkan peranan wanita di dalam menggubalkan dasar, saya pun amat tertarik mengenai sumbangan wanita di dalam parti kita PBB. Kita betul-betul mendorong, Ketua Menteri sendiri mendorong. PBB hanya 10 kerusi, 20% diperuntukkan oleh kaum wanita, kita mendorong.

Yang saya ingin tanya di sini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, adakah peranan ini dapat ditingkatkan, dikaji semula supaya masalah wanita ini dapat kita atasi? Sekarang ini kita melonjak ke peringkat global, ini masih masalah rumah tangga yang kita bincangkan di sini. Saya ingin minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kalau kita hendak mengambil tindakan, kita jangan mengambil umpamanya tindakan seperti ‘melepas batuk ditangga’, itu yang pertama. Dan yang kedua, kita jangan mengambil tindakan hanya merupakan orang mahu tak mahu sahaja. Jadi, kalau kita hendakkan keberkesanan tindakan kita itu, kita perlu melihat daripada sejauh mana kita boleh memberi kesan ke atas tindakan yang kita hendak buat.

Umpamanya, seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi, penglibatan, saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu, kita kena tubuhkan kementerian wanita yang akan

memperjuangkan kedudukan wanita di negara ini. Jadi, bukan itu sahaja yang saya hendak katakan, wanita ini kalau dia jadi menteri menjagakan wanita, dia punya pegawai boleh orang lain, orang lelaki boleh jadi pegawai-pegawai dia, kalau belum cukup wanita yang akan menduduki tempat-tempat yang tertentu seluruh negara tetapi dengan syarat si lelaki yang bertugas, berkhidmat di dalam kementerian wanita itu nanti mestilah mempunyai satu perjuangan yang sama dengan menterinya di atas.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian kalau kita belum boleh meluluskan kementerian oleh kerana kena bincang terlebih dahulu, Kabinet hendak meluluskan dahulu, kerajaan hendak melihat kewangan dahulu, semua sekali hendak dilihat, sekurang-kurangnya banyak pegawai wanita kita wanita yang telah mempunyai kelulusan yang mencukupi, menduduki di tempat-tempat yang strategik menjadi Director General, menjadi KSU, TKSU, pegawai-pegawai yang menduduki di tempat-tempat yang that matters, dengan izin, tempat yang boleh mengimplementasikan mana-mana dasar yang kita buat.

Kita boleh buat dasar sebagaimana sekali pun kalau pihak yang di bawah ini lagi ada terguris di sanubari mereka mengatakan si wanita itu baik-baik dia di belakang itu sahaja, masak nasi bila saya balik, sediakan kopi, kalau tidak sediakan, saya marah, kalau pandangan itu masih wujud dalam sanubari

hati si lelaki itu, dia belum layak lagi menduduki di situ untuk kemajuan wanita.

Jadi, wanita yang hendak kita lantik mestilah wanita yang ingin ataupun lelaki yang ingin memperjuangkan hak-hak dan keutamaan-keutamaan yang kita hendak beri kepada wanita, ini bukan keutamaan tetapi untuk menyelaraskan kedudukan wanita dan lelaki di negara kita ini dengan dasar yang kita hendak buat, selaras dengan apa yang saya sebutkan tadi peruntukan-peruntukan dalam garis panduan agama kita, tidak menyalahi agama kita dan yang patut dan boleh diterajui, dibuat ataupun dijalankan oleh pihak wanita itu sendiri.

Jadi, sebelum kita menubuhkan kementerian, pada masa sekarang kita cari wanita yang patut-patut menduduki satu-satu tempat, jangan kita dengar nanti perlantikan si Ahmad, perlantikan Tan Sri Nordin, Tan Sri Hamid, ini bukan nama itulah nama yang saya sebutkan itu sahaja, mendudukkan satu KSU, TKSU, jawatankuasa yang terbesar ini kedudukan yang besar ini ada pesuruhjaya yang besar nanti, semua kita nampak orang lelaki.

Jadi, lelaki ini dia pandang secara menyeluruh macam itu sahaja dan terlupa yang 50% orang daripada seluruh negara ini yang mengundi kita, memberi kedudukan kita di sini yang akhirnya melantikkan menteri-menteri menjadikan satu Kabinet dan Kabinet itu akan melantikkan pegawai-pegawai adalah wanita. Jadi, tulang belakang, kekuatan kita duduk di sini adalah

wanita. Jadi, 'the hand that rock the cradle can shakes the world', kalau kita terlupa benda itu, kita telah salah daripada segi pandangan kita, jangan pandang yang wanita itu mesti di dapur dan jaga kopi dan masakan kita sahaja, walaupun nafkah daripada segi agama adalah di tangan orang lelaki, lelaki adalah ketua.

Banyak wanita [*sambil menoleh ke tempat duduk Pemberita akhbar*] Alhamdulillah! [*Ketawa*] Jadi, jangan kita anggap walaupun lelaki dalam agama kita masih ketua di rumah, 'leader in the house' dan sebagainya tetapi yang menjadi 'leader in the house' ialah si ibu yang melahirkannya. Dengan itu, saya menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian diminta menjawab.

7.05 mlm.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Pengerusi, mula-mulanya saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu, Ahli Yang Berhormat dari Parit dan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar yang telah banyak memberi pandangan, cadangan berkenaan dengan peruntukan yang diminta RM5 juta iaitu tambahan pada masa ini.

Jadi, sebelum saya memberi apa yang akan dibuat dengan RM5 juta ini dahulu saya akan memberi penjelasan sedikit berkenaan dengan banyak cadangan dan yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu.

Jadi, perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang kementerian tetap simpati tetapi mengikut jawapan saya di Dewan yang mulia ini minggu lepas, saya telah memberitahu iaitu betul beliau menyebut tahun 1983 mulai sebagai unit, sesudah itu dinaik sebagai satu bahagian di dalam Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan baru-baru tahun ini iaitu dalam bulan ini dinaik sebagai jabatan.

Jadi, oleh kerana pada masa empat, lima tahun ini memang banyak perkara daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengadakan banyak conference iaitu perbincangan, jadi, negara kita pun HAWA telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semenjak tahun 1990.

Jadi, usaha kementerian dalam masa yang lepas, memang sebolehnya mengikut cadangan iaitu dari satu kajian yang dibuat oleh ADB, oleh kerana itu jabatan telah diluluskan oleh kerajaan. Jadi, apabila beliau menyebut tentang menjadi kementerian dan memberi banyak bandingan dengan kementerian yang lain, saya telah memberi jawapan, perkara ini memang terpulang kepada tampuk kerajaan iaitu negara kita sendiri, kerana kita telah tahu iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memang di dalam satu

ucapan beliau semasa memecah tanah 5 April 1996 iaitu untuk diguna satu NGO yang dinamakan Women Institute of Management.

Jadi, Perdana Menteri memang memberi cukup penghargaan berkenaan dengan wanita dan dengan itu, perkara ini memang selaras dengan apa yang patut dibuat pada masa ini. Tetapi, pada masa yang akan datang tentu sekali mengikut keadaan dan mengikut apa yang perlu dibuat oleh tampuk kepimpinan negara.

Jadi,

Puan Hajah Ilani binti Dato' Mohd. Isahak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Bharu bangun.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Mohd. Isahak: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa kemungkinan dari segi menubuhkan kementerian perlu dirujuk kepada pucuk pimpinan, memang itu diakui tetapi saya ingin merujuk kepada kajian Laporan ADB yang kalau tidak silap saya telah menyatakan bahawa status HAWA sebagai sebuah jabatan hanya harus dikekalkan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh sehingga tahun 2000 iaitu dari segi kajiannya keperluan HAWA sebenarnya dalam 'long term' harus diperbesarkan kepada sebuah kementerian. Buat masa sekarang, ia boleh lagi bertahankan sebagai sebuah jabatan dan untuk ia berkesan, ia memerlukan beberapa jawatan.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah pihak kementerian telah pun meminta jawatan-jawatan yang diperlukan sepertimana yang saya telah ucapkan dan kalau ingin saya boleh ulangi, iaitu jabatan itu diketuai oleh Ketua Pengarah yang supergradenya, supergrade B atau sekurang-kurangnya C dan disokongi oleh beberapa pengarah iaitu Pengarah Penyelidikan dan Maklumat, Pengarah Perhubungan Antarabangsa, Pengarah Pembangunan Program, kesemuanya dipangkat atau di gred 1 atau sekurang-kurangnya gred 2. Dan mereka pula dibantu oleh beberapa Penolong Pengarah, sembilan kesemuanya dan disokongi pula oleh seorang analyst sistem maklumat dan pegawai-pegawai di peringkat negeri. Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, saya akan sampaikan perkara tersebut yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat iaitu apabila HAWA dinaik, dipertingkatkan tarafnya sebagai jabatan, jadi, baru-baru ini jawatan Pengarah telah dinaiktaraf kepada Ketua Pengarah M1 dan dua jawatan Pengarah M2. Jawatan Penolong Pengarah ditambah dua jabatan lagi, jadi, perkara Pengarah ataupun Penolong Pengarah ini dan jawatan-jawatan yang lain yang dikira perlu akan ditambah dari masa ke semasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

mempengerusikan Jawatankuasa]

Jadi, Ahli Yang Berhormat menyentuh berkenaan dengan kajian ADB, mungkin betul, saya belum baca sebab perkara itu sudah berjalan dahulu, tetapi

apa yang dicadang oleh ADB ataupun pakar-pakar yang lain kepada kerajaan kita, kepada kementerian di mana-mana mungkin mula-mulanya tidak dapat diikuti tetapi mungkin kemudian hari. Jadi, itulah sebabnya Pengarah sekarang dinaiktaraf sebagai Ketua Pengarah.

Jadi, berkenaan dengan iaitu HAWA sendiri tidak berupaya, kecil jadi perkara ini saya akan menyentuh mengenai RM5 juta yang dipinta. Jadi, RM5 juta ini ialah diperuntukkan kepada NGO yang bernama Women Institute of Management, jadi peruntukan ini diguna untuk, yang pertama, latihan keusahawanan wanita luar bandar di tiga belas buah negeri. Latihan ini diadakan lima kali, jadi satu kali perbelanjaan RM50,000. Yang kedua, latihan keusahawanan untuk ibu tunggal di tiga belas buah negeri. Yang ketiga, untuk mengadakan simposium kebangsaan untuk wanita luar bandar dan yang keempat ialah program pembangunan bagi menghasilkan dua pengeluar wanita Malaysia yang cemerlang.

Jadi, inilah sebab peruntukan yang dipohon RM5 juta kerana Women Institute of Management telah ditubuh dalam tahun 1996. Jadi, institut inilah yang akan mengendalikan empat perkara yang saya sebutkan tadi. Hanya HAWA dipertanggungjawabkan untuk mengawasi pelaksanaan program latihan Women Institute of Management (WIM). Jadi, berkenaan dengan kerajaan tidak mengambil berat ataupun tidak menghargai, ini saya sudah menyebut tadi, memang dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan pun, saya

rasa semua menghargai apa yang dibuat oleh wanita. Jadi, tidak usah saya sebut lagi oleh kerana ketiga-tiga Yang Berhormat sudah menyebut tadi, memang kita cukup menghargai apa yang dibuat oleh wanita.

Jadi, mengenai dengan National Advicsory Council on the Integration of Women in Development (NACIWID), jadi penggal ketujuh telah pun dilantik bagi tempoh tiga tahun lagi iaitu tahun 1997-2000 sejajar dengan perkembangan yang berlaku sekarang di mana HAWA telah pun dijadikan sebagai sebuah jabatan bidang tugas NACIWID telah dikaji semula agar ianya dapat memainkan peranan sebagai badan penasihat kerajaan mengenai pengintegrasian wanita sepenuhnya dalam pembangunan dengan lebih berkesan. Jadi, NACIWID yang baru dilantik ini ada mengandungi 24 ahli terdiri daripada pelbagai badan dalam negara kita.

Jadi, saya akan pindah kepada Yang Berhormat dari Parit....

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] : Ya, Yang Berhormat. Kota Bahru bangun.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Sebelum Yang Berhormat berpindah kepada Yang Berhormat dari Parit ataupun Batang Lupar, saya ingin bertanya berkenaan dengan NACIWID tadi, apakah benar anggapan saya sewaktu dalam ucapan saya tadi bahawa pihak Kementerian Kewangan tidak menjemput NACIWID ataupun HAWA ataupun kedua-duanya untuk terlibat di

dalam proses consultation bagi menyediakan Belanjawan 1998. Yang Berhormat ada menyatakan bahawa NACIWID adalah badan penasihat tertinggi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk memastikan pengintegrasian wanita yang berkesan di dalam pembangunan, seharusnya NACIWID dijemput untuk bersama-sama di dalam proses menyediakan Belanjawan 1998 supaya perancangan-perancangan menyeluruh semua kementerian diperuntukkan untuk program-program wanita dengan wajarnya. Apakah benar anggapan saya bahawa NACIWID ataupun HAWA tidak dijemput?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, saya fikir ini mungkin Kementerian Kewangan dapat menjawab. [*Ketawa*]

Jadi, bagi Yang Berhormat dari Parit, menyentuh dengan pelan tindakan pembangunan kebangsaan wanita yang telah diluluskan, terdapat juga pelan tindakan untuk dilaksanakan oleh jawatankuasa perunding hal-ehwal wanita peringkat negeri dan badan-badan pertubuhan bukan kerajaan dan pada bulan ini taklimat pertama kepada semua Pengerusi JKP akan diadakan di Kuala Lumpur dan ianya akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Dan kedua.....

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit bangun ya.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam jawatankuasa perunding hal-ehwal wanita di peringkat negeri-negeri, saya ambil contoh misalannya di Perak, wakil rakyat tidak dijemput untuk sama-sama duduk di peringkat negeri, untuk sama-sama membantu memberi input di dalam pelaksanaan program-program untuk wanita di peringkat negeri. Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, perkara ini kerana saya tidak mengetahui, jadi apa yang disentuh oleh Yang Berhormat akan saya bawa kepada menteri. Jadi, terpulanglah kepada kementerian dan HAWA memikirkan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi.

Yang ketiga, untuk makluman Yang Berhormat dari Parit, di pejabat HAWA terdapat sebuah pusat sumber maklumat mengenai pembangunan wanita yang mempunyai segala bentuk maklumat termasuk bahan bacaan. Yang Berhormat dijemput datang ke pejabat HAWA untuk meninjau dan boleh meminjam literature-literature ini untuk rujukan dan cadangan untuk menyebarkan maklumat mengenai wanita akan diambil tindakan, diberi perhatian seterusnya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Batang Lupar [*memandang ke arah tempat Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar*] Eh! Beliau tidak ada

lagi. *[Ketawa]* Jadi, rupa-rupanya Yang Berhormat dari Batang Lupar ini dia menyokong apa yang dicadang oleh Yang Berhormat dari Kota Bahru dan Parit. Jadi, ucapan beliau menyokong ada menyentuh berkenaan dengan kementerian lain dan banyak cadangan yang lain supaya kita tidak mengantuk tadi. Jadi, saya tidak usah menjawab apa yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Jadi, itu sahaja saya dapat memberi penjelasan berkenaan dengan peruntukan yang diminta sebanyak RM5 juta ini. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,000,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,000,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.47 [Jadual] -

Maksud P.47 [Anggran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1)1997] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Bintulu.

7.25 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya menyertai dalam perbahasan ini, yang lama saya tunggu.

Tuan Pengerusi, kepentingan pengangkutan udara bagi pembangunan sesuatu tempat tidak perlu ditekan lagi kerana terbukti menerusi peruntukan bagi pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Labuan. LTAB Kuala Lumpur akan menampung keperluan dengan baik sistem pengangkutan udara kita, baik dalam dan luar negeri. Lapangan Terbang Labuan pula dibina selaras dengan pembangunan Labuan yang bergerak memasuki era menjadi sebuah pusat kewangan yang utama di rantau ini.

Walau bagaimanapun lapangan terbang baru Bintulu haruslah diberikan keutamaan dalam pembinaannya memandangkan kepesatan dan kerancangan pembangunan industri di sana masa kini dan masa depan. Sebuah lapangan terbang baru Bintulu mampu mendarat dan menerbangkan Boeing 737 dan lebih banyak penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Sabah dan Sarawak akan menjadi Bintulu lebih menarik untuk pelaburan. Ia boleh menyelamatkan lagi pembangunan industri negeri-negeri di Timur Malaysia supaya sekurang-

kurangnya mampu menyaingi kecepatan pembangunan ekonomi di Malaysia Barat.

Semua ini baik untuk ekonomi negara kerana semakin banyak pelaburan di Bintulu bermakna semakin banyak wang yang memasuki Perbendaharaan kita. Semakin banyak wang yang tersimpan di dalam Perbendaharaan bermakna semakin banyak peruntukan dan agihan untuk setiap rakyat. Apa tidaknya, pada setiap tahun berbilion ringgit wang, minyak dan gas dipam keluar dari Bintulu ke dalam peti simpanan Perbendaharaan negara. Walau bagaimanapun, lapangan terbang baru Bintulu akan menjadi pelaburan baik tetapi projek pembuatan ini terpinggir dari limpahan faedah sosial. Sehingga kini pelaburan di Bintulu berjumlah berbilion ringgit Malaysia daripada projek MLG I dan II dan MLG III yang akan dibina, Loji Asian Bintulu Fertiliser, Pelabuhan laut dalam di Bintulu, loji tenaga SESCO, Projek Perbekalan Air Baru Bintulu dan pelaburan swasta dalam industri berasaskan kayu di kawasan perindustrian Kemina Kedurong dan beberapa industri sokongan dalam kawasan industri ringan yang bernilai berbilion ringgit. Kemudian kita dapati pelaburan dalam kilang kertas dan palpa bernilai RM2.5 bilion. Projek Hidro Elektrik Bakun RM12 bilion dan kedua-duanya melalui Bintulu dan banyak lagi projek lain yang sedang dalam pembinaan bernilai berbilion Ringgit Malaysia lagi.

Tuan Pengerusi, dari apa yang saya sebutkan tadi bererti kita sangat memerlukan satu kemudahan pengangkutan udara yang terbaik bagi menyokong semua pelaburan berbilion-bilion ringgit. Menurut peruntukan Belanjawan lapangan terbang baru Bintulu hanya bernilai RM260 juta berbanding dengan berbilion-bilion ringgit pelaburan yang telah disuntikkan ke dalam Bintulu dan berbilion ringgit lagi dijangka akan datang, ianya sebahagian yang tidak sampai 0.01%. Dari segi ekonomi adalah wajar dan sesuai sebuah lapangan terbang baru Bintulu dibina bagi menampung kepesatan pembangunan industrinya.

Keadaan fiskal Bintulu yang membangun pada hari ini mengatasi lapangan terbang sekarang yang nampak semakin mengecil kerana ia dibina selepas Perang Dunia Kedua. Lalu lintas udara telah bertambah berlipat kali ganda dan para penumpang, baik seluruh negara termasuk rakyat tempatan dan seluruh dunia pada hakikatnya telah bertambah dengan hebatnya. Lapangan Terbang Baru Bintulu tidak sahaja berdaya maju dan sejajar dengan kehendak ekonomi serta sosial tetapi juga amat diperlukan.

Saya kira Tuan Pengerusi sedia maklum bahawa Lapangan Terbang Bintulu yang ada sekarang terletak di tengah-tengah bandar Bintulu, saya hanya mengambil masa 5 minit untuk berjalan kaki dari lapangan terbang ke pejabat saya dalam bandar. Sebenarnya seluruh bandar adalah dalam jarak 5 ke-10 minit dari lapangan terbang, ini menunjukkan betapa hampirnya jarak lapangan

terbang dengan bandar. Oleh kerana ia terlalu hampir dengan bandar, maka adalah lebih baik ia dipindahkan. Lapangan Terbang Bintulu sekarang sering menimbulkan rasa sakit hati para penduduk yang tinggal berhampiran. Bunyi bising adalah satu masalah dengan dua buah sekolah rendah, sebuah gereja, sebuah masjid yang terletak di sebelah kiri landasan dan sebuah sekolah rendah dan sebahagian bandar Bintulu di sebelah kanan landasan, di hujung landasan pula terletak sebuah sekolah rendah dan menengah, sebuah masjid dan sebuah kampung Melayu. Ini membuatkan ribuan murid sekolah menderita gangguan bunyi bising setiap hari dari kapal terbang yang mendarat dan berlepas.

Para penduduk sentiasa diburu ketakutan dengan kejadian yang berlaku di Tawau pada tahun 1995 di mana sebuah kapal terbang Fokker Friendship merempuh sebuah kawasan perumahan di hujung landasan terbang. Kemungkinan akan berlaku di Bintulu juga. Kemalangan-kemalangan sering terjadi. Sepanjang beberapa tahun ini, beberapa kejadian kemalangan telah berlaku di atas landasan. Awal bulan ini, 4 Julai, sebuah kapal terbang Malaysia MH2802 Fokker Friendship yang terbang dari Sibu ke Kota Kinabalu telah singgah mendarat di Bintulu, didapati keempat-empat tayar telah pecah meletup semasa mendarat di Lapangan Terbang Bintulu. Nasib baik masa itu semua tayar meletup serentak dan juruterbang mampu memandu pesawat ke penghadang dengan selamat.

Difahami jika keempat-empat tayar itu pecah pada masa yang berbeza, maka cerita akan menjadi berbeza juga. Mengapakah kesemua tayar meletup semasa mendarat pada hari tersebut? Adakah pesawat ataupun kapal terbang cukup baru? Adakah kemudahan sokongan tempatan mencukupi? Adakah kakitangan pembantu berkelayakan cukup atau adakah mereka terpaksa bekerja lebih masa? Adakah lain-lain sebab mengenai prosedur operasi pesawat yang selamat meliputi pesawat dan kakitangan terlibat yang masih tersembunyi?

Kita sering diberitahu bahawa Fokker Friendship 50 ialah salah satu pesawat yang selamat semasa digunakan. Bagaimana pesawat yang beratnya beratus tan terbang di udara, tiba-tiba berlaku sesuatu dan ia terpaksa mendarat dengan selamat dan kecemasan. Lihat sahaja apa yang berlaku di Indonesia, sebuah pesawat yang sama beberapa hari yang lalu, malang tidak berbau dan nyawa tidak berharga. Nyawa ribuan murid sekolah, keluarga mereka yang sedang beribadat, para peniaga Bintulu yang tinggal berhampiran lapangan terbang tiada nilainya.

Saya telah beberapa kali sepanjang 20 tahun ini membangkitkan masalah perlunya sebuah lapangan terbang baru bagi Bintulu, kementerian telah menjawab soalan saya bahawa masalah pengambilan tanah telah selesai, jururunding sedang membuat reka bentuk lebih lanjut dan akan menyudahkan kerja kejuruteraan yang sebenar tidak lama lagi, tawaran sepatutnya dikeluarkan

pada akhir tahun 1996 atau 1997 dan tempoh pembinaan akan menjadi 24 bulan. Tetapi apabila saya bertanya sekali lagi pada 27 Mac 1997 mengenai kedudukan terakhir projek pembinaan lapangan terbang dan memandangkan betapa pentingnya disegerakan penyiapan sebuah lapangan terbang baru bagi Bintulu sama ada bolehkah ia disiapkan menurut jadual, saya dimaklumkan bahawa butir pelan kejuruteraan oleh jururunding telah diluluskan oleh kerajaan pada Januari 1997 dan jururunding tersebut sedang menyudahkan sekali lagi sedikit butiran pelan kejuruteraan meliputi dokumen tender yang hendak dikemukakan kepada Malaysia Airport Berhad.

Kerajaan telah memutuskan Malaysia Airport Berhad hendaklah membiayai dan melaksanakan projek tersebut sebaik sahaja menerima dokumen daripada kerajaan. MAB boleh memproses, memanggil tender dan projek boleh disiapkan dalam tempoh 24 bulan. Soalnya, tempoh 24 bulan mulai bila? Sekarang telah pun pertengahan tahun 1997. Mana dia jadi awal sejak dua tahun lalu bahawa projek ini akan ditenderkan pada awal 1997. Kita patut menyediakan lebih peruntukan bagi membolehkan kerja bermula.

Saya difahamkan Malaysia Airport Berhad telah mengambil alih kuasa pengurusan Lapangan Terbang Bintulu yang ada sekarang dan sebaik sahaja ia berpindah ke lapangan terbang baru, siapakah pula yang memegang hak milik tanah lapangan terbang sekarang yang terletak di tengah bandar?

Tuan Pengerusi, sejak Bintulu mula membangun lebih kurang 20 tahun lalu, penduduk Bintulu berharap terbinanya lapangan terbang baru, jangka masa 20 tahun terlalu lama. Harapan semua penduduk dan mereka yang datang ke Bintulu bahawa Lapangan Terbang Baru Bintulu akan diberikan keutamaan dan dibina menurut pelan asal simbol Bintulu baru dan membangun telah lama dinantikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan.

7.38 mlm.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Maksud B. 47 iaitu berkenaan dengan lintasan rata awam kereta api. Terdapat lebih kurang 120 tempat di negara kita di mana ada lintasan rata tetapi hanya 6 buah sahaja akan dibina dengan jejantas seperti apa yang telah dijawabkan.

Tuan Pengerusi, saya ada mengemukakan satu soalan berkenaan dengan hal ini pada 22hb. soalan No. 41 berkenaan dengan langkah-langkah mengatasi masalah ini dan juga khas untuk menanya Jalan Arumugam Pillai di Bukit Mertajam. Sampai hari ini saya tidak dapat satu jawapan dari Parlimen ini dan saya telah pergi ke pejabat untuk mendapatkan jawapan ini. Bukan sahaja jawapan ini tidak dapat diperolehi, malah satu soalan pada 16hb. ini, iaitu soalan No. 52 berkenaan dengan topi keledar yang kononnya akan ditukar kepada satu standard yang lebih baik. Kedua-dua soalan ini tidak dapat diperolehi di pejabat Parlimen ini. Mengikut pegawai yang menjaga jawapan

ini, dia kata, Kementerian Pengangkutan masih belum lagi memberi jawapan kepada mereka, sebab itulah mereka tidak dapat memberi jawapan kepada kami. Apa keberkesanan Jabatan Pengangkutan yang bertanggungjawab untuk menjawab soalan-soalan Ahli Parlimen dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, saya berharap besok juga Kementerian Pengangkutan dapat memberi semua jawapan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen pada dua, tiga hari yang lepas ini di mana mereka masih belum dapat jawapan supaya menunjukkan bahawa Kementerian Pengangkutan adalah satu kementerian yang berkesan dan bukan sahaja.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, butiran mana?

Tuan Lim Hock Seng: Ya, butiran seperti saya kata Maksud B. 47, subjek kedua, Lintasan Rata Awam.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bangkitkan berkaitan soalan-soalan.

Tuan Lim Hock Seng: Ya dan jikalau Tuan Pengerusi perlu, saya boleh baca soalan saya, "*meminta Menteri Pengangkutan menyatakan apa rancangan untuk mengatasi masalah lalu lintas dan kemalangan di tempat-tempat landasan kereta api melintas dengan jalan raya*". Ini lintasan rata awam. Tepat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara iaitu Maksud P. 47, Butiran 7 berkenaan dengan KLIA. Banyak cerita, banyak perkara telah dibawa dalam surat khabar berkenaan dengan KLIA. Di sini saya ingin menanya beberapa pertanyaan khas untuk KLIA ini. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu peratusan yang siap dibina di KLIA ini? Ada berita kata KLIA ini tidak sempat diguna pada awal tahun depan. Jikalau ia tidak dapat diguna, apa permasalahannya? Sama ada kontraktor yang menjalankan projek ini tidak berkesan atau ada apa-apa koordinasi dari kementerian-kementerian atau pejabat-pejabat kerajaan yang tidak memberi kerjasama?

Tuan Pengerusi, yang kedua, selepas KLIA siap dibina dan akan dibuka kepada trafik, sistem pengangkutan dari KLIA ke pusat-pusat bandar, seperti Kuala Lumpur, Seremban dan lain-lain pusat bandar apakah sistem pengangkutan yang berkesan akan diperkenalkan di Lapangan Terbang KLIA ini? Saya dapati ada tiga konsortium telah mendapat lesen untuk menjalini limosin dari KLIA ke Kuala Lumpur. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu tambang yang dikenakan untuk limosin ini dan sama ada tambang ini adalah satu beban kepada penumpang-penumpang, khasnya penumpang-penumpang dalam negeri. Misalannya, jikalau saya menaiki kapal terbang dari Pulau Pinang hendak datang ke Parlimen, saya kena singgah di KLIA yang baru, dan dari KLIA yang baru itu berapa lama saya boleh sampai ke Parlimen dan berapa tambang saya dikenakan? Sama ada tambang dan masa ini adalah satu beban? Jikalau ada satu kajian yang teliti, bolehkah kementerian menimbangkan supaya Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dipakai guna untuk domestik. Jikalau tidak, apa kegunaan yang boleh dipakai untuk Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang yang lama ini.

Dengan pertanyaan-pertanyaan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon mendapat jawapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kangar.

7.45 mlm.

Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]: Tuan Pengerusi, terima kasih diucapkan. Saya dengar ucapan Yang Berhormat dari Bagan, dia susah hati sebab lapangan terbang sama ada di Pulau Pinang ataupun di KLIA. Saya dari Perlis, tidak ada lapangan terbang. Sehubungan dengan itu, saya ucap terima kasih kepada kerajaan memandangkan dalam Maksud P.47 didapati satu butiran baru, 10500, iaitu Padang Terbang Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini Perlis merupakan tempat yang strategik dari segi pembangunan IMT-GT. Kita dapati bahawa di Perlislah tempat transit, mungkin kita boleh pergi ke Phuket, ke Haadyai, Langkawi dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, sesuaiilah dengan keadaan Perlis oleh kerana pada masa ini Perlis tidak mempunyai lapangan terbang, maka patutlah dipertimbangkan sebuah padang terbang luar bandar, kerana ini merupakan program baru ataupun tajuk baru. Saya rasa pihak Kementerian Pengangkutan akan prihatin dengan masalah ini. Sebagai asasnya dan makluman kepada Dewan yang mulia ini, Perlis cuma ada sebuah lapangan terbang, padang terbang microlight yang saya rasa cukup sesuai. Inilah sebagai bukti bahawa rakyat negeri Perlis pun berminat kepada bidang penerbangan ini. Tambahan lagi kita dapati ianya sebagai asas penyelidikan penerbangan, di mana dengan

adanya padang terbang luar bandar nanti, bererti kita boleh mendidik anak-anak kita dari desa ke arah misalnya untuk menjadi pengakap udara, untuk menjadi pilot yang profesional daripada kalangan penduduk luar bandar.

Jadi, hal inilah yang saya minta dipertimbangkan walaupun dalam program kerajaan negeri Perlis telah pun ada usaha-usaha untuk meminda supaya diadakan sebuah lapangan terbang. Namun begitu, kita masih menunggu dan kita dapati masih belum ada kenyataan. Ada pendapat yang mengatakan bahawa di Perlis, kalau beri lapangan terbang pun mungkin ekor kapal terbang ada di Perlis dan kepalanya ada Kodiang. Tetapi bila kita gunakan lapangan terbang luar bandar, kita boleh gunakan kapal terbang kecil. Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Parit Sulong pun nampak setuju. Yang Berhormat dari Bagan pun barangkali hendak pergi ke Perlis boleh naik kapal terbang di Pulau Pinang.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat, baru-baru ini sebuah lapangan terbang baru di wilayah utara telah ditentukan di Kuala Muda di Kedah. Mungkin Yang Berhormat boleh minta kepada kerajaan apabila siapnya lapangan terbang yang baru ini,

mungkin kapal terbang yang lama di Alor Setar atau di Kepala Batas di negeri Kedah boleh diserahkan kepada negeri Perlis dengan percuma sahaja.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Terima kasihlah. Nampaknya Yang Berhormat dari Bagan hendak hantar kapal terbang, jangan ‘Roket’ sudahlah. *[Ketawa]* Jangan hantar ‘Roket’ sudah, kapal terbang nampaknya boleh. Yang Berhormat dari Parit Sulong pun setuju dengan saya. Untuk makluman bahawa kita minta perkhidmatan penerbangan ini sebelum jadi lapangan terbang antarabangsa di Kedah. Sebelum jadi, bukan selepas, Yang Berhormat. Kalau boleh sekarang pun kita hendak. Jadi, Yang Berhormat dari pembangkang nampaknya menyokong Barisan Nasional hari ini, saya ucapkan terima kasih, kerana prihatin kepada rakyat bersama-sama dengan Barisan Nasional. Ini sokongan kepada Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, jadi bukan sahaja untuk kita menarik anak-anak muda di bawah Program Rakan Muda dan sebagainya, malah kita juga akan berpeluang untuk menarik golongan-golongan muda daripada negara jiran termasuk dari Thailand. Di samping itu juga, ini merupakan satu faktor, satu komponen untuk menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelancongan di negeri Perlis. Kalaulah kita pergi ke Perlis hari ini, dari segi pelancongan mungkin tidak ada banyak benda yang boleh kita lihat. Mungkin orang boleh jadikan Perlis sebagai tempat transit untuk pergi Langkawi dan sebagainya ataupun ke Selatan Thailand. Tetapi hari ini kalaulah kerajaan sudi pertimbang untuk

adakan padang terbang luar bandar ini, barangkali banyak lagi pelancong-pelancong yang boleh datang ke Perlis, dan saya juga dengan izin, welcome rakan saya dari Bagan untuk sama-sama ke Perlis. Bukan sahaja di Perlis, malah di negeri-negeri lain pun perlukan lapangan terbang. Yang Berhormat dari Parit Sulong pun minta saya tolong bersuara supaya diadakan padang terbang di Parit Sulong. Begitu juga Yang Berhormat dari Kuala Langat - Kuala Langat signal pada saya, kerana di Selangor ada KLIA, ada juga Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah. Nampaknya Hulu Terengganu pun berminat. *[Ketawa]* Yang Berhormat dari Hulu Terengganu berminat supaya diadakan lapangan terbang luar bandar ini.

Jadi, oleh kerana ini merupakan butiran baru supaya dapat dipertimbangkan ke seluruh negeri yang perlukan ini sebagai satu daya tarikan pelancong dan sebagai satu program pendidikan ke arah anak-anak kita berminat dalam bidang penerbangan, baik penerbangan komersial ataupun mungkin untuk menyertai pertahanan di udara. Inilah satu perkara yang cukup penting, tambahan lagi kita rasa anak-anak muda kita, dengan perkembangan ilmu, dengan perkembangan teknologi akan tertarik kepada program-program yang begini. Jadi, sekali lagi saya minta Yang Berhormat dari Kementerian Pengangkutan sudi pertimbangkan perkara ini, termasuk juga di Kedah, sungguhpun di Kedah ada lapangan terbang antarabangsa Kepala Batas, jadi belia-belia dari Alor Setar mungkin dapat belajar untuk terbang dengan

microlight ataupun kapal terbang kecil dan sebagainya. Bukan sahaja di Perlis, saya juga minta diadakan di Alor Setar. Jadi, dengan kata-kata itu, Tuan Pengerusi, saya minta perkara ini dipertimbangkan, dan sekaligus saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

7.53 mlm.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sungguhpun di Melaka ada lapangan terbang, tetapi tidak ada penerbangan. *[Ketawa]* Sudah ada lapangan terbang tetapi tidak ada kapal terbang untuk terbang. Tidak ada penerbangan kerana syarikat sudah bankrup. Mungkin ini saya tujukan kepada Yang Berhormat boleh bantu sedikit, pulihkan penerbangan di Melaka.

Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan B.47, kerana saya minat sedikit tentang KTM, lebih-lebih lagi di Melaka saya rasa salah satu negeri yang tidak ada perkhidmatan kereta api. Mungkin masanya sebagai sebuah bandar raya bersejarah bahawa landasan kereta api dibina untuk negeri Melaka. Ini adalah sebagai satu permintaan yang saya rasa sudah tiba masanya....

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka, adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka sedar bahawa bukan di Melaka sahaja tidak ada

perkhidmatan kereta api, malah di Terengganu pun memang tidak ada perkhidmatan kereta api. Jadi, saya hendak perbetulkan kenyataan Yang Berhormat dari Kota Melaka bukan satu negeri, tetapi dua negeri. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi saya cakap salah satu negeri. Itu pun saya merangkumi Terengganu kerana saya bukan daripada Terengganu, saya tidak berani bersuaralah. Saya tidak tahu sama ada Terengganu mahu atau tidak. Kalau Terengganu mahu, kita pun boleh sama-sama sokonglah. Bahkan semua negeri di Semenanjung. Di sini saya hendak bertanya, sungguhpun perkara ini telah dibawa berkali-kali, khususnya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, tetapi janjinya nampaknya kita tidak dapat lihat hasil dan juga rancangan untuk membina atau menyambung perkhidmatan kereta api ke negeri Bersejarah Melaka. Oleh itu, saya harap perkara ini boleh diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Tetapi perkara yang paling penting sekali ialah tentang prestasi kewangan KTM. Seperti yang saya dimaklumkan oleh pihak kerajaan, prestasi kewangan KTM adalah sungguh mendukacitakan, malah dianggap menghampakan sekali. Sehingga sungguhpun KTM telah diperbadankan atau dikorporatkan, tetapi nampaknya ia tidak membawa apa-apa kesan. Sehingga ada tambahan sebanyak RM167 juta untuk yang pertama membiayai, membantu perbadanan aset kereta api atau RAC, menjelaskan pinjaman Kerajaan

Persekutuan yang telah diluluskan kepada KTM sebelum KTM diperbadankan pada 1 Ogos 1992. Ini memberikan gambaran bahawa sungguhpun selepas ia diperbadankan bahawa prestasi kewangan tidak ditingkatkan. Malah di sebaliknya apa yang berlaku ialah kerajaan terpaksa membuat suntikan wang untuk mengatasi masalah ini. Saya rasa itu adalah satu perkara yang harus diberikan penjelasan oleh pihak kementerian, apakah masalah pokok KTM sehingga prestasi kewangan tidak dapat diperbaiki.

Saya tahu di sini bahawa pihak kerajaan mempunyai rancangan menswastakan KTM supaya masalah ini terlepas daripada tangan kerajaan. Tetapi di sini apabila saya membaca surat khabar diberikan kepada konsortium mengandungi, (i) Renong Bhd; (ii) Diversify Resources Bhd.; (iii) Bolton Properties Bhd., di sini saya hendak bertanya apakah kos yang ditanggung oleh pihak kerajaan. Kerana saya rasa tidak ada mana-ama pihak yang ingin mengambil alih KTM, kecuali pihak kerajaan, pertama, bersedia membuat suntikan wang ke atas KTM. Kedua, membiayai atau memberikan geran sama ada dalam bentuk perbelanjaan infrastruktur ataupun geran secara langsung kepada KTM, ataupun ketiga, memberikan pinjaman wang ke atas semua pinjaman yang dibuat oleh KTM dalam penswastan tersebut. Saya hendak tahu apakah bentuk bantuan yang akan diberikan oleh pihak kerajaan untuk menjayakan penswastan ini. Dalam perkara ini rakyat berhak tahu, kerana penswastan ini adalah satu penswastan yang amat besar yang melibatkan

wang berbilion-bilion ringgit, dan sehingga kini kita tahu langsung apakah cara dan bentuknya.

Di sini, Tuan Pengerusi, kalau KTM hendak diswastakan mengapakah satu tender terbuka tidak dijalankan? Saya masih belum mendapat satu jawapan yang lengkap dan juga memadai kehendak saya tentang perkara ini, kerana sehingga ini soalan yang saya tujukan tidak dijawab langsung. Saya harap Setiausaha Parlimen yang memang cuba sedaya-upayanya bertanggungjawab untuk menjawab apa-apa soalan berkaitan dengan kementeriannya bolehlah menjawab soalan penting ini, mengapa satu tender terbuka tidak dijalankan? Kalau ada suntikan oleh pihak kerajaan atau apa-apa bantuan yang akan dikeluarkan oleh pihak kerajaan, bolehkah Yang Berhormat menyatakan jumlah wang yang terlibat supaya rakyat tahu? Yang kedua, apakah faedah yang rakyat akan perolehi daripada penswastan ini? Kerana saya tidak mahu lihat macam PLUS, kerajaan bina lebih daripada separuh Lebuhraya Utara-Selatan dan diswastakan kepada PLUS. Selepas ini PLUS yang mengutip tol dan mengenakan tol yang amat tinggi, sungguhpun setengah daripada perbelanjaan infrastruktur telah dibiayai oleh kerajaan. Adakah apa yang berlaku ke atas KTM akan berulang lagi. Saya rasa rakyat tidak mahu ini berlaku, kerana apa yang akan berlaku ialah selain daripada wang dibelanjakan atau dibazirkan, kadar tambang tiket KTM pun akan dinaikkan. Ini adalah satu prosedur, satu kesan saya rasa yang pasti akan berlaku selepas sebarang penswastan berlaku. Oleh sebab itu, saya harap dua perkara ini boleh dijawab oleh pihak kementerian.

Perkara yang terakhir ialah tentang KTM, Tuan Pengerusi. Saya ingin tahu memandangkan bahawa di antara tiga syarikat yang terdiri daripada konsortium ini, salah satu daripadanya adalah Bolton Properties Sdn. Bhd., dan Bolton Properties mempunyai kaitan dengan Yang Berhormat Menteri

Pengangkutan, kerana beliau pernah memiliki saham Bolton Finance. Saya ingin tahu sama ada percanggahan kepentingan timbul dalam perkara ini?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya ingin rujuk ialah tentang lintasan rata awam kepada KTM dan apakah hasil siasatan yang telah dijalankan ke atas tragedi di Segamat di mana lima orang sekeluarga telah terkorban apabila kereta mereka melanggar kereta api di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah menolak laporan yang dibuat oleh KTM dan meminta satu laporan atau satu hasil siasatan baru dijalankan supaya dapat memuaskan hatinya dan di sini saya ingin bertanya kalau Yang Berhormat Menteri yakin bahawa KTM harus bertanggungjawab, KTM salah, mengapakah pihak Yang Berhormat Menteri tidak mengarahkan KTM membuat bayaran ganti rugi?

Mengapakah kena tunggu tindakan guaman oleh keluarga atau sanak saudara si mati, barulah mungkin ganti rugi akan dibuat. Dan di sini saya harap bahawa perkara ini boleh diuruskan dengan baik bahawa kita tidak main wayang kulit sahaja untuk tujuan atau sebab-sebab tertentu Yang Berhormat Menteri tak mahu bayar ganti rugi tetapi untuk kepentingan beliau tertentu, dia hendak menunjukkan bahawa dia tidak memihak kepada KTM. Dan saya harap perkara ini dapat dijawab oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

8.02 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin bagi pihak Kementerian Pengangkutan mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai tambahan perbelanjaan yang berjumlah RM677,956,370.

Saya akan cuba dengan sedaya upaya untuk menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang pertama, Ahli Yang Berhormat dari Bintulu telah menyoal tentang lapangan terbang baru di Bintulu. Memang kita semua sedar iaitu Lapangan Terbang Bintulu yang sedia ada telah lama dibina dan masih digunakan oleh kerana ianya dapat menampung segala permintaan setakat hari ini.

Memang kerajaan telah bersetuju bahawa satu lapangan terbang baru di atas tapak baru akan dibina di Bintulu dan Ahli Yang Berhormat sendiri pun tahu tentang perkara ini, rekabentuk terperinci projek ini telah pun siap disediakan oleh juruperunding. Berkenaan dengan pembinaan, kerajaan telah pun bersetuju supaya Malaysian Airport Berhad (MAB) melakukannya, rekabentuk terperinci projek telah pun dihantar kepada MAB dan MAB adalah sekarang dalam peringkat kajian yang terakhir, maksud kata tidak lama lagi Ahli Yang Berhormat akan diberitahu tentang pembinaan lapangan terbang baru di Bintulu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga lapangan terbang baru di Bintulu bukan macam yang ada sekarang di mana seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, ia di dalam tengah bandar, tapak baru untuk lapangan terbang baru adalah 20 kilometer dari bandar Bintulu. Buat masa ini kita tidak dapat tahu lagi tapak yang mana, Lapangan Terbang Bintulu sedia ada ini akan diberikan untuk projek apa, rancangan ini akan dirancang, akan ditetapkan selepas siapnya pembinaan Lapangan Terbang Bintulu baru.

Tuan Pengerusi, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bintulu juga selalu bertanya saya dan mungkin ini adalah jawapan yang baik, satu berita yang baik, pengambilan balik tanah sudah selesai dan tidak ada masalah, semua tidak adalah, cuma kita hendak tunggu sahaja MAB bermula untuk melaksanakan projek ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bagan, dia ini mengamuk sedikit tentang tidak dapat jawapan yang telah pun disediakan oleh Kementerian Pengangkutan mengenai soalan-soalan. Tetapi, saya cukup hairan, saya setiap hari hadir di Parlimen dan setiap hari pun saya berjumpa dia, dia tidak pernah soal, mana bolehkah dia dapat satu salinan jawapan, sedangkan saya berada di Parlimen setiap hari dan jika ada masalah, jika tidak menerima dia boleh tanya saya. Tetapi, dia pilih masa waktu ini untuk soal pula, mana jawapan.

Walau bagaimanapun, saya akan memberi Ahli Yang Berhormat jawapan seperti yang diminta dan saya percaya kemungkinan mengenai dua soalan ini, pegawai Kementerian Pengangkutan dia lewat sampai sedikit dia punya jawapan. Pada lazimnya semua jawapan jika tidak naik untuk ataupun tidak sempat disoal masa waktu Soal Jawab Mulut, semua jawapan akan diberikan kepada press dan juga kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya.

Mengenai lintasan rata awam kereta api yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat cuma saya hendak memberitahu iaitu kerajaan memang cukup prihatin tentang keselamatan pengguna jalan raya jika terdapat lintasan rata awam di tengah bandar ataupun termasuk lintasan rata awam yang dikendalikan oleh pihak swasta.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh memang enam lintasan rata awam telah pun dikenal pasti supaya jejambat atau kerja-kerja untuk mempertingkatkan lagi lintasan ini dapat dilaksanakan dan semua ini akan diberikan mengikut keutamaan dan akan dikaji terlebih dahulu sebelum ianya dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan juga, dia ini bertanya mengenai sama ada KLIA pada tahun depan mesti siap untuk beroperasi, saya ingin memberi jaminan iaitu KLIA tentu siap dan mula beroperasi pada tahun depan iaitu 1998. Kalau hendak tanya masa, waktu, saat, saya tak boleh beritahulah di sini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga iaitu semua peringkat kerja di KLIA boleh kata melebihi 80% dan sebagai satu keyakinan KLIAB, syarikat yang bertanggungjawab atas pembangunan airport ini bersama-sama dengan MAB dan juga MAS telah pun menjadualkan trial operation date, dengan izin, seperti berikut 15 September 1997 satu basic trial run akan dijalankan bagi sistem landasan, taxi way, parking apron dan sistem pendaratan. Dan 15 Disember 1997 pihak-pihak yang berkenaan juga akan mengadakan satu advanced trial, dengan izin.

Dan dalam advanced trial ini dia akan mula berjalan dari segi pengujian segala sistem operasi termasuk kompleks bangunan terminal, sistem kendalian penumpang dan sistem kendalian bagasi. Ini semua akan dijalankan, dilaksanakan sebelum hujung tahun ini.

Tuan Pengerusi, mengenai sistem pengangkutan ke KLIA ataupun dari KLIA ke KL, ingin saya memberitahu iaitu setakat ini kerajaan memang mempunyai perancangan yang konkrit supaya jalan pergi ke KLIA dan balik dari KLIA ke KL ataupun ke mana-mana pun akan mengadakan kemudahan access highway dan tambah pada itu pula public transport ERL, sebenarnya telah mula bekerja projek ini dan ianya akan habis ataupun akan siap pada tahun 1999.

Dari segi teksi limousine memang benar, kerajaan telah pun membenarkan tiga syarikat untuk menyediakan kemudahan limousine dari

airport ke KL dan balik dan kalau Ahli Yang Berhormat tanya tentang kadar untuk kemudahan limousine ini, buat masa ini kita tidak dapat memberitahu sebab masih lagi dalam kajian oleh kementerian yang berkenaan.

Memanglah, jikalau kita hendak dari segi masa sampai satu-satu destinasi, kita kena melihat juga trafik, tetapi saya percaya dengan perancangan yang sedia ada, dengan rancangan yang akan ditambah macam access road, access highway termasuk dengan kemudahan ERL, saya percaya masa yang akan diambil dari airport KLIA ke Parlimen saya percaya mungkin tidak melebihi 40 minit dan kita kalau gunakan ERL lagi cepat, mungkin setengah jam boleh sampai.

Tuan Pengerusi, mengenai apa akan terjadi kepada Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, saya telah seringkali menjawab dalam Dewan yang mulia ini iaitu selepas KLIA siap dan mula beroperasi, semua penerbangan sama ada domestik ataupun antarabangsa akan dipindah ke KLIA dan bagi Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekarang, ianya akan dijadikan sebagai satu pusat bagi MAS mengadakan heavy maintenance, dengan izin, dan juga untuk AIROD dan juga untuk kemudahan polis airwing termasuk perindustrian aerospace iaitu merangkumi general aviation dan kemungkinan Tentera Udara DiRaja Malaysia akan juga menempatkan semua pesawat-pesawat pejuang di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah pun meminta supaya mengadakan satu airport, satu lapangan terbang di negeri Perlis di bawah rancangan luar bandar. Walaupun sekarang kita hanya mempunyai kod RM10 untuk kepala ini, maksud kata kerajaan memang prihatin terhadap semua perkembangan ataupun pembangunan padang terbang di luar bandar.

Dengan adanya RM10 ini maka kerajaan boleh membuat tambahan, tetapi bagi negeri Perlis, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat iaitu bukan kata semua negeri yang ingin mengadakan kapal terbang dalam negeri sendiri, Kerajaan Pusat mesti bersetuju. Ini semua akan terlebih dahulu dikaji dan jika ianya munasabah dan ianya dalam kerangka Dasar Pengangkutan Udara negara kita dan juga termasuk lain-lain faktor, maka Kerajaan Pusat barulah boleh mengadakan rancangan yang konkrit, yang tetap bagi pembinaan lapangan terbang di mana-mana tempat yang diminta.

Salah satu faktor yang paling penting sekali dalam kajian kerajaan dalam soal pembinaan lapangan terbang ialah tertakluk kepada unjuran trafik penumpang dan kargo. Pada masa depan tidak ada keperluan lagi untuk mengadakan lapangan terbang di Perlis dan kita dapat melihat kebanyakan ataupun semua penumpang kapal terbang, jika ingin pergi ke Kuala Lumpur mereka datang semua ke Alor Setar dan Alor Setar ini memang dekat. Lain kali bila siap semua highway - coastal highway dan macam-macam highway dalam negeri Kedah dan Perlis dan saya percaya dengan kemudahan highway orang

dari Perlis dapat dengan mudah sampai Alor Setar dan kemungkinan bila Northern Regional International Airport (NRIA) siap mereka akan terus pergi ke NRIA untuk mendapat pesawat. Jika Kerajaan Pusat kata pada akhirnya tidak dapat mempertimbang sebuah lapangan terbang di Perlis, ini bukan bermaksud kata Kerajaan Pusat pilih kasih. Seperti yang saya katakan tadi, ini semua adalah bergantung kepada faktor-faktor yang begitu penting. Tetapi walau bagaimanapun, saya akan membawa cadangan ataupun permintaan ini kepada pihak atasan.

Tuan Pengerusi, mengenai soalan-soalan yang dibangkit oleh Kota Melaka mengenai KTM - perkhidmatan kereta api, ingin saya memberitahu iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, dia berasal dari negeri Melaka, saya boleh beri pengesahan. Dalam mesyuarat mingguan dia pun pernah bertanya sama ada landasan kereta api dan perkhidmatan kereta api akan disambung hingga ke Melaka tetapi bukan Kota Melakalah - ke Melaka dan nampaknya kalau saya diminta untuk menjawab, saya hanya hendak memberitahu iaitu oleh kerana KTM akan diswastakan tidak lama lagi, mungkin rancangan ini akan disampaikan kepada pihak yang akan mendapat penswastaan.

Yang kedua, mengenai prestasi kewangan KTM, ingin saya memperingati Yang Berhormat iaitu sejak negara kita mencapai kemerdekaan, KTM telah menjalankan perkhidmatan dengan begitu baik walaupun terdapat

banyak kelemahan dari segi kewangan tetapi apa hendak buat sebab KTM selama ini menjalankan projek, perkhidmatan dan kemudahan dan memainkan peranan yang begitu penting dalam social economic, kalau KTM hanya hendak mencatatkan keuntungan ataupun semata-mata untuk mencatat keuntungan, mencari keuntungan, saya percaya ramai orang yang tinggal di pedalaman tidak dapat menikmati pengangkutan keretapi. Maka, oleh yang demikian, oleh kerana peranan yang dimainkan oleh KTM selama ini adalah social economic, maka KTM telah mengalami begitu banyak kerugian tetapi sukacita saya ingin memberitahu selepas ianya dikorporatkan, after it's corporatisation KTM telah pun mula mencatat keuntungan.

Ini kemungkinan adalah oleh kerana ianya telah mula lebih berefisien dan bukan macam dulu, oleh kerana menghadapi begitu banyak kelemahan, maka KTM tidak dapat bergerak dengan begitu licin tetapi selepas ianya dikorporatkan, sekarang telah mula mencatatkan keuntungan dan semua pinjaman dari Kerajaan Pusat yang dipinjam oleh KTM dulu sekarang telah mula membayar balik iaitu dalam sepuluh tahun ini KTM akan mula membayar balik.

Dari segi penswastan Yang Berhormat Kota Melaka telah pun bertanya sebab apa tidak ada tender yang terbuka untuk mendapat penswastan ini. Saya ingin memberitahu iaitu bukan semua perkara, semua projek-projek penswastan harus melalui tender terbuka oleh kerana projek penswastan

KTM adalah salah satu projek yang begitu besar di negara kita yang akan menelan belanja berbilion-bilion ringgit, maka kerajaan melalui EPU telah pun berpendapat iaitu hanya beberapa syarikat gergasi dalam negara kita mungkin dapat menjayakan rancangan penswastan ini memandangkan kita dapat melihat banyak syarikat dalam negara kita begitu maju sekarang, maka banyak syarikat telah pun dijemput untuk memberi perancangan ataupun memberi cadangan dan akhir-akhir didapati tiga buah syarikat telah berjaya dan diterima oleh kerajaan untuk menjayakan projek ini.

Memandangkan pihak EPU masih dalam peringkat kajian yang terakhir mengenai penswastan KTM, maka saya tidak dapat beritahu iaitu macam mana caranya, sama ada kerajaan hendak tanggung segala hutang atau tidak ataupun pihak swasta yang akan mengendalikan projek ini akan membayar hutang bagi pihak KTM, ini tidak dapat saya menjawab di sini tetapi walau bagaimanapun, jika ada lagi perkembangan saya akan mencari kesempatan untuk menjawab kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, saya percaya saya telah pun menjawab semua yang telah ditanya oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang berminat dalam Kementerian Pengangkutan dan saya akan mengambil perhatian tentang teguran dan cadangan yang baik dari mereka.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM167,102,000 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM167,102,000 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM510,854,370 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM510,854,370 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1997.

Maksud P.52 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1)1997] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1997 di bawah Kementerian Kerja Raya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1997.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus empat belas juta, empat ratus lima puluh empat ribu, empat ratus sepuluh (RM514,454,410) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima ratus empat belas juta, empat ratus lima puluh empat ribu, empat ratus sepuluh (RM514,454,410) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.”

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin

Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997 telah ditimbangkan

dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus empat belas juta, empat ratus lima puluh empat ribu, empat ratus sepuluh (RM514,454,410) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima ratus empat belas juta, empat ratus lima puluh empat ribu, empat ratus sepuluh (RM514,454,410) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran

Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee

Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus empat belas juta, empat ratus lima puluh empat ribu, empat ratus sepuluh (RM514,454,410) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima ratus empat belas juta, empat ratus lima puluh empat ribu, empat ratus sepuluh (RM514,454,410) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.”

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Menangani Inflasi Aset Hartanah

8.28 mlm.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Manusia mempunyai ingatan yang pendek kerana kita selalu mengulangi kesilapan kita yang lalu di masa-masa yang akan datang. Satu daripada pengajaran yang kita boleh dapat daripada sejarah manusia ialah selalu berlaku spekulasi dalam aset. Kita kalau lihat sejarah ekonomi manusia telah melakukan spekulasi dalam aset - pelbagai jenis aset, daripada bunga tulip, emas perak dan sebagainya tetapi akhir-akhir ini yang menjadi kegemaran kita membuat spekulasi ialah kita membuat spekulasi dengan aset dalam bentuk hartanah. Terdapat juga spekulasi yang jelas di dalam saham tetapi kalau kita lihat daripada pengalaman yang lepas, kesemuanya usaha spekulasi ini akhirnya berakhirnya dengan kita membayar harga yang cukup tinggi dengan mendatangkan kesan yang cukup buruk kepada orang yang terlibat di dalam usaha spekulasi ini, mereka yang menyokong usaha spekulasi ini dan juga keseluruhan kepada orang-orang ramai.

Kita tahu bahawa satu daripada punca kejatuhan ataupun kemelesetan ekonomi di Hong Kong pada pertengahan atau awal 80-an, di Jepun pada akhir 90-an dan juga di Thailand baru-baru ini adalah berpunca daripada spekulasi dalam aset hartanah yang mana wujud inflasi aset hartanah yang begitu tinggi. Apabila wujud inflasi yang tinggi dalam aset hartanah ini, ia mewujudkan pelbagai kesan yang negatif.

Antara kesan yang kita lihat ialah spekulasi ini akan menyebabkan peningkatan harga yang tinggi dan peningkatan harga yang tinggi ini akan meluaskan lagi jurang kekayaan di antara mereka yang mampu membeli aset dan mereka yang kurang mampu membeli aset. Ini adalah cukup jelas sekali. Walaupun perbezaan pendapatan mereka mungkin masih pada tahap yang sama, tetapi dalam pada pasaran peningkatan harga dalam aset ini, mereka yang mampu membeli aset akan menikmati peningkatan kekayaan yang cukup tinggi.

Perkara kedua yang berlaku dengan buruk daripada inflasi aset hartanah ini ialah ia memberi satu insentif pasaran yang cukup tidak baik kerana ia boleh memberi signal yang tidak betul kepada pasaran kerana apabila pulangan kepada aset-aset hartanah ini begitu tinggi, maka ia akan mempengaruhi aliran sumber dalam ekonomi yang diagihkan pada pasaran hartanah. Seperti yang kita lihat dalam negara kita hari ini, 20% lebih daripada pinjaman bank-bank perniagaan adalah dijuruskan kepada sektor hartanah dan juga sektor pembuatan. Ini bermakna dalam keadaan sumber yang terhad, begitu banyak sumber modal adalah terjurus kepada sektor hartanah ini dan apabila ia terjurus kepada sektor tersebut, ia akan mengambil daripada modal-modal tadi boleh dilabur kepada sektor-sektor yang lain, seperti sektor perkhidmatan, pembuatan atau perindustrian. Ini sebenarnya adalah suatu yang tidak baik.

Tetapi yang lebih membahayakan negara ialah spekulasi ini berlaku dengan orang bertindak dengan secara tidak rasional, tetapi dengan harapan bahawa dia beli harga tinggi macam mana pun, dia harap harga akan naik lagi. Tetapi apabila dia beli, dia beli bukan dengan tunai tetapi dia beli dengan leverage. Apabila dia leverage, maka dia berkait dengan sistem perbankan dan juga sistem kewangan negara. Maka apabila berlaku penguncupan harga ataupun nilai aset ini, maka bukan sahaja orang yang membuat spekulasi itu akan mengalami kerugian malah institusi-institusi yang menyokongnya juga akan mengalami kerugian yang amat teruk dan ini akan mempunyai kesan rangkaian yang cukup berat dan akhirnya ia akan menjejaskan keseluruhan ekonomi. Thailand adalah satu contoh yang cukup jelas bagi kita.

Kita mengalu-alukan langkah Bank Negara dua, tiga bulan yang lepas untuk mengetatkan sedikit kredit untuk mengawal sedikit di sebelah permintaan dalam pasaran hartanah ini. Tetapi saya nampak seolah-olah apabila Bank Negara mengambil tindakan untuk mengetatkan kredit, pasaran saham telah bertindak balas dengan cara yang negatif dan terdapat pula selepas itu Bank Negara seolah-olah mengendurkan sedikit segala cadangan untuk mengetatkan pasaran kredit itu kerana takut komplek yang banyak daripada mereka yang terlibat daripada pasaran saham kerana pasaran saham jatuh.

Yang keduanya, kita rasakan bahawa pemaju-pemaju yang besar ini pun berpengaruh dan kita tidak mahu supaya dalam pada Bank Negara Malaysia

menjalankan tugasnya untuk menjaga kestabilan harga inflasi, dia dipengaruhi oleh kepentingan-kepentingan perniagaan yang besar ini.

Saya tidak nampak bahawa keghairahan dalam pasaran hartanah ini membawa kepada banyak kebaikan yang menyeluruh. Kita tengok walaupun banyak pembangunan hartanah, banyak pemaju mengabaikan perkara-perkara asas selain daripada masalah harga itu kita sudah termaklum, tetapi dari segi pembekalan ruang kosong, pembekalan kemudahan-kemudahan asas, sumbangan mereka kepada penyediaan infrastruktur sokongan yang lain, sekolah dan sebagainya adalah kurang memuaskan sekali.

Jadi, kita harap supaya disedari bahawa inflasi aset ini adalah cukup merbahaya dan kita kena keluar daripada kitarannya. Kalau kita tidak keluar daripada kitarannya, kita akan membayar harga yang cukup tinggi akhirnya dan akan muncul dengan begitu pertambahan ruang perniagaan, ruang komersial, ruang pejabat yang begitu banyak dalam negara kita hari ini apabila wujud sahaja penurunan harga sewa ruang pejabat ataupun ruang perniagaan. Ia akan mencetuskan satu kesan rangkaian yang menyebabkan harga mortgage itu akan jatuh dan keseluruhan kesan rangkaian itu akan membawa padah yang cukup teruk kepada ekonomi negara kita. Pada ketika itu orang akan mempersoalkan bagaimana kita menguruskan ekonomi kita secara makro khususnya di dalam sektor hartanah ini.

Eloklah kita beringat kerana dalam sejarah ekonomi telah menunjukkan begitu banyak contoh bagaimana dalam keadaan seperti ini manusia menjadi tidak rasional, tetapi dia menjadi tidak rasional kerana dia tahu orang lain pun tidak rasional dan mereka terlibat sekali dalam usaha spekulasi ini. Hari ini mungkin hartanah, hari lain mungkin benda-benda lain, habis sangat sampai bawang bunga tulip pun orang biasa buat spekulasi sehingga tercatat dalam sejarah ekonomi kalau siapa yang teringin hendak baca.

Jadi, saya ingin penjelasan sedikit daripada pihak kementerian tentang adakah mereka mempunyai resolve to stick their decision untuk kawal pasaran kredit dan kenakan kawalan-kawalan yang tertentu untuk memastikan bahawa gejala inflasi aset ini tidak berterusan sehingga memudaratkan kewibawaan dan juga kesihatan ekonomi kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

8.36 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masalah asset inflation yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan dua surat pekeliling kepada semua institusi perbankan selepas pengumuman langkah-langkah kawalan kredit hartanah dan saham untuk memberi maklumat terperinci mengenai pelaksanaan langkah-langkah tersebut. Ini termasuk maklumat terperinci tentang jenis

pemberian pinjaman yang dikecualikan daripada had yang dinyatakan. Tujuan surat pekeliling itu ialah untuk memberi penjelasan selanjutnya mengenai perkara-perkara yang telah dinyatakan. Sebenarnya tidak ada sebarang perubahan kepada langkah-langkah tersebut sama ada kendur atau tidak, mahupun perlonggaran kepada had yang ditetapkan itu. Surat pekeliling tersebut hanya menjelaskan tentang pengecualian yang diberikan kepada pemberian pinjaman untuk membiayai aktiviti-aktiviti yang dianggap produktif yang memenuhi objektif-objektif sosial.

Untuk menyederhanakan kadar pertumbuhan kewangan yang tinggi dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Bank Negara Malaysia secara umumnya telah mengekalkan dasar yang ketat untuk membendung mudah tunai dalam pasaran. Tujuannya ialah untuk memastikan pertumbuhan kewangan tidak menyebabkan inflasi. Kadar faedah yang tinggi akibat dasar ini juga akan menggalakkan tabungan yang lebih tinggi di kalangan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, kadar faedah yang tinggi yang berlaku baru-baru ini adalah agak luar biasa dan mencerminkan kesan daripada aktiviti spekulasi yang melibatkan Ringgit Malaysia. Kadar faedah yang tinggi ini adalah tidak diingini kerana ia boleh mengekang pertumbuhan ekonomi sekiranya kekal pada paras yang tinggi sebegini terlalu lama. Kadar faedah ketika ini telah mula kembali ke paras yang lebih rendah dan dengan ini pasaran wang dan mata wang dijangka akan kembali stabil. Terima kasih.

**Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Pekerjaan 1955 -
Kebajikan kepada Pekerja**

8.38 mlm.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Speaker, hari ini saya ingin menyentuh mengenai dua akta yang telah ketinggalan masa, dengan izin, out-dated dan tidak lagi membuat social justice kepada pekerja-pekerja. Dua akta tersebut adalah, pertama, Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Tuan Speaker, bila seseorang pekerja telah dibuang kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, dengan izin, wrongfully terminated or dismissed, pekerja-pekerja tersebut boleh membuat representasi kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan di bawah seksyen 20(1) Akta Perhubungan Perusahaan. Di mesyuarat perdamaian, kedua-dua pihak jika gagal menyelesaikan pertikaian mereka, maka terpulanglah kepada pengarah untuk melaporkan kepada Menteri Sumber Manusia selepas pertimbangan. Menteri tersebut dapat membuat satu keputusan iaitu untuk merujuk perkara itu ke Mahkamah Perusahaan atau tidak.

Tuan Speaker, yang menjadi masalah dalam seksyen 20(3) ialah Menteri berkenaan ada satu kuasa, iaitu kuasa judicial in nature, dikatakan pada kes-kes yang keputusan telah diberi di mahkamah-mahkamah di negara ini baru-baru ini bahawa di kes-kes tersebut oleh kerana Menteri membuat satu keputusan di mana livelihood of a worker, dengan izin, adalah affected. Maka bukan sahaja satu keputusan yang perlu dibuat, tetapi satu keputusan yang munasabah.

Tetapi apa yang terjadi di negara ini adalah Yang Berhormat Menteri hanya menghantar satu surat mengatakan bahawa pembuangan kerja tidak wajar atau tidak perlu dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan.

Yang menjadi masalah, Tuan Speaker, bahawa oleh kerana tidak ada apa-apa alasan diberi oleh Menteri berkenaan, maka perkara itu terpaksa dibawa oleh pekerja-pekerja ke Mahkamah Tinggi untuk mendapat satu perintah 'certiorari'. Tuan Speaker lebih arif dalam perkara macam ini. Yang menjadi masalah adalah untuk pekerja-pekerja sedemikian pergi membawa kes-kes ke Mahkamah Tinggi mengalami banyak masalah, bukan sahaja dari segi wang tetapi masa dan sebagainya.

Dalam satu kes baru-baru ini, Tuan Speaker, iaitu Hong Leong Equipment terhadap Liew Fook Chuan, Mahkamah Rayuan telah memberi satu pandangan di mana, dengan izin, saya baca, Tuan Speaker, mengatakan bahawa, "the right to earn a livelihood is a fundamental right guaranteed by the Federal Constitution and it to be regarded as having proprietary value". Ini adalah kes-kes di mana pekerja dikatakan 'has been given more force to the workers than before ever before cases of this nature', dengan izin.

Di bawah perkara peruntukan seksyen 5(1) dan 8(1) Perlembagaan Persekutuan yang merupakan di mana kuasa judicial nature hendaklah lebih adil dan saksama. Peruntukan-peruntukan ini menghalang keputusan yang arbitrary dalam menjalankan tugas-tugas pentadbiran. Hasilnya peruntukan-peruntukan ini telah mewajibkan kesaksamaan prosedur sebahagian dari undang-undang kita.

Tuan Speaker, seksyen 23 yang ada di beberapa negara di luar negeri telah diubahsuaikan. Di India sekarang satu undang-undang telah dibawa di mana pekerja-pekerja boleh membawa kes-kes terus ke Mahkamah Perusahaan, tidak perlu melalui Menteri berkenaan, dengan izin, tidak perlu lagi satu filtering process oleh kerana kemakmuran ekonomi dan hak pekerja.

Lagi satu akta yang berkenaan dengan ini adalah Akta Pekerjaan (Employment Act). Peruntukan-peruntukan di dalam akta tersebut dan regulation telah ketinggalan masa dan tidak adil lagi kepada pekerja-pekerja, terutama sekali adalah seksyen 60J(1). Saya hairan sehingga ini walaupun akta ini telah berada dari tahun 1955 dan satu kuasa telah diberi kepada Menteri untuk membuat satu peruntukan mengenai bila seorang pekerja bersara, akan tetapi tidak ada apa-apa regulation dibuat hingga hari ini. Yang menjadi masalah adalah di private sector, dengan izin, bila seseorang pekerja hendak bersara, oleh kerana tidak ada jadual masa dan jika ia telah diberhentikan kerja atau berhenti kerja selepas umur 55 tahun, tidak ada apa-apa peruntukan dibuat dalam akta ini walaupun Menteri itu ada berkuasa membuat. Saya hairan kenapa hingga hari ini satu regulation tidak dibuat mengenai perkara ini.

Satu lagi adalah di Seksyen 60E dan F dan juga Seksyen 37(1). Di luar negeri, Tuan Speaker maternity leave, dengan izin, tidak sahaja diberi kepada ibu, tetapi juga kepada bapa walaupun peruntukan itu tidak dibuat. Saya harap kementerian akan membuat satu penyiasatan dalam perkara ini dan membuat satu perkara dalam hal ini.

Satu lagi perkara adalah dalam hal-hal, dengan izin, termination and lay out benefit yang kerap kali sekarang telah dikatakan oleh beberapa menteri bahawa perubahan perlu dibuat. Di seksyen tersebut, iaitu di Seksyen 6, ia

telah wujud sejak tahun 1980, tetapi oleh kerana kemakmuran negara, saya hairan bahawa untuk seorang pekerja yang telah bekerja lebih dari 5 tahun, hanya 22 hari pampasan kerja akan diberi untuk setiap tahun yang dia bekerja. Ini adalah tidak berpatutan kerana ada beberapa kes di mana pekerja-pekerja estet telah dibuang kerja atau telah ditamatkan kerja selepas berkhidmat seluruh hidupnya di estet. Terjadi satu kes di mana seorang telah bekerja lebih kurang 30 tahun. Tetapi bila termination benefit diberi, dengan izin, hanya mendapat lebih kurang RM6,000. Adakah RM6,000 ini berpatutan?

Bukankan seksyen ini, dengan izin, has out live its fullness. Kita perlu membuat satu improvement dalam perkara ini. Saya cadangkan bahawa mungkin kerajaan boleh meneliti perkara ini memberi sekurang-kurangnya 3 bulan untuk setiap tahun. Ini adalah lebih munasabah oleh kerana kemakmuran negara ini.

Lagi satu perkara yang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Dalam ini hanya boleh berucap dalam masa 7 1/2 minit sahaja.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih.

8.50 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendapat adalah kurang wajar untuk menyatakan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Kerja 1995 dan

peraturan-peraturannya dan juga Akta Perhubungan Perusahaan 1967 adalah ketinggalan masa dan tidak adil bagi pekerja-pekerja. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi dan mempunyai dasar ekonomi yang terbuka kerajaan menggalakkan banyak kebebasan dalam konteks pengkajian, khususnya tentang faedah-faedah, terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan di sektor swasta. Justeru itu, kedua-dua akta berkenaan sebenarnya memberi banyak ruang dan fleksibiliti baik kepada majikan mahupun pekerja untuk merunding faedah-faedah, terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang terbaik dan sesuai dengan keadaan ekonomi di negara ini.

Pada masa yang sama Akta Kerja 1995 khususnya menetapkan standard-standard minimum dengan mengambil kira konvensyen-konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Malah kerajaan sedar bahawa banyak majikan di negara ini memberi faedah-faedah, terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang jauh lebih baik dan tinggi daripada apa yang ditetapkan dalam undang-undang. Keadaan sedemikian sangatlah menggalakkan dan telah menyumbang kepada suasana perhubungan perusahaan yang aman dan harmonis di negara ini. Pendek kata, akta tersebut hidup secara sendiri dan berkeupayaan untuk disesuaikan mengikut keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Subseksyen 60J, Akta Kerja 1955 memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia untuk membuat peraturan supaya pekerja-pekerja sektor swasta mendapat faedah bersara. Walau

bagaimanapun, dalam keadaan sekarang kerajaan berpendapat pekerja-pekerja sektor swasta sedang mendapat perlindungan masa hari tua yang terbaik menerusi skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Bagi pekerja-pekerja yang ditimpa bencana kerja pula, mereka juga akan menikmati faedah-faedah daripada Perkeso. Dalam pada itu, kerajaan amat sedar akan pentingnya untuk meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja secara berterusan. Oleh itu, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia telah diwujudkan.

Kita harus sedar bahawa pada masa sekarang hampir semua majikan sudah diwajibkan mengikut undang-undang untuk membuat caruman kepada EPF, skim-skim Perkeso dan bagi majikan-majikan tertentu, caruman levi kepada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Sebarang kos tambahan yang dikenakan ke atas majikan hanya akan meningkatkan kos buruh, sekaligus meningkatkan juga kos pengeluaran. Keadaan ini bukan sahaja akan menghakiskan daya saing ekonomi kita, malah boleh mewujudkan suasana pelaburan yang kurang kondusif kepada pelaburan asing.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat agar kemudahan cuti bersalin, cuti tahunan dan cuti sakit mengikut Subseksyen 31(1), 60E dan 60F Akta Kerja 1995 dinaikkan, kerajaan berpendapat kadar-kadar minimum yang ditetapkan dalam akta adalah memadai. Untuk makluman, Akta Kerja 1995 mewajibkan seseorang majikan memberi sejumlah minimum 32 hari pelbagai cuti, iaitu 8 hari cuti tahunan, 14 hari cuti sakit dan 10 hari cuti kepada pekerja

yang berkhidmat kurang daripada 2 tahun. Sementara itu, pekerja yang berkhidmat lebih dari 5 tahun menikmati sejumlah 48 hari. Tambahan pada itu, pekerja-pekerja wanita layak mendapat cuti bersalin minimum 60 hari, selain 14 hari cuti sakit bagi pekerja-pekerja yang sakit dan dimasukkan ke wad, mereka diberi cuti sakit tambahan. Kerajaan sedar bahawa ada majikan-majikan yang sudah memberi faedah yang lebih tinggi daripada yang ditetapkan tanpa campur tangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kuantum bagi faedah-faedah penamatan dan pembuangan pekerja adalah bergantung kepada tempoh perkhidmatan seorang pekerja. Perlu diingatkan bahawa Peraturan 6 dalam Employment Termination and Lay Off Benefits Regulation 1980 sekarang menetapkan kadar gaji minimum yang harus digunakan untuk perkiraan kuantum, faedah penamatan dan pembuangan kerja. Kadar gaji minimum bersamaan dengan 10 hari kerja digunakan untuk pekerja-pekerja yang berkhidmat kurang daripada 2 tahun, 15 hari bagi mereka yang berkhidmat di antara 2 atau 5 tahun, dan bagi mereka yang berkhidmat lebih 5 tahun ialah 20 hari. Kementerian berpendapat kadar-kadar tersebut adalah munasabah dan telah memberi panduan yang berguna, malah kerajaan juga sedar ada majikan yang membayar menggunakan kadar yang lebih tinggi dan mengikut kemampuan sendiri.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya faedah penamatan kerja diberi keutamaan mengikut gaji dan upah seperti dalam subseksyen 292

Companies Act 1965, kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menambahbaikkan peruntukan dalam Akta Kerja 1995 ke arah tersebut. Cadangan pindaan kepada Akta Kerja 1955 kini sedang dalam semakan pihak Jabatan Peguam Negara dan akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi. Seksyen 77 Akta Kerja 1955 memberi hak yang sama kepada majikan dan pekerja untuk membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi ke atas sebarang perintah Mahkamah Buruh. Seksyen tersebut menjelaskan - saya ingat ini Yang Berhormat tidak sempat bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Parlimen mewujudkan Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ialah untuk melindungi pekerja-pekerja di negara ini daripada, dengan izin, harshness of unbending and inveterate common law and doctrine of equity, seperti yang dinyatakan semasa Parlimen meluluskan peruntukan seksyen tersebut. Kuasa Yang Berhormat Menteri wajar dikekalkan kerana kepesatan dalam pembangunan perindustrian negara dan penswastaaan agensi kerajaan dijangka akan melipatgandakan bilangan pertikaian perusahaan dan pembuangan kerja. Justeru itu, peruntukan seksyen tersebut harus dikekalkan pada satu penapisan untuk pekerja-pekerja menyalurkan rasa ketidakpuasan hati mereka dan ini akan mempercepatkan dan mengurangkan bilangan kes pertikaian. Sekiranya semua kes dirujuk terus ke Mahkamah Perusahaan tanpa penapisan oleh Yang Berhormat Menteri, ia hanya akan membazirkan masa dan wang awam. Persoalan sama ada

keputusan menteri dirujuk atau tidak di bawah Seksyen 23 kepada Mahkamah Perusahaan bukanlah suatu yang muktamad. Ini kerana pihak-pihak yang terkilan masih boleh mempersoalkan keputusan itu di Mahkamah Tinggi untuk semakan kehakiman. Dengan itu, persoalan untuk meminda subseksyen berkenaan tidak timbul kerana kuasa menteri bukanlah suatu yang tidak boleh dipertikaikan.

Dengan penjelasan di atas, saya berharap ianya telah dapat menghapuskan sebarang keraguan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.55 malam.